

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session
MESYUARAT KEDUA
Second Meeting

Jilid IV

Bil. 39

Hari Selasa

4 Ogos 1998

K A N D U N G A N

USUL-USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN USUL DIBEBASKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN** (Ruangan)

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18(1):**

- Isu Pusat Pemeriksaan Imigresen, Kastam dan
Kuarantin (KIK) Di Stesen Kereta Api Tanjong Pagar.
- *Oleh Y.B. Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]* (Ruangan)

USUL MENANGGUHKAN PERATURAN MESYUARAT 78(2)
-Meminda Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Industri Pelancongan (Pindaan) (Ruangan)
- Rang Undang-undang Kumpulan Wang Pembangunan
(Pindaan) 1998 (Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Dato' Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

- “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)

- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Senator Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M, J.P.
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K, J.S.M.
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)

- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)

- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)

- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)

- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman
: Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI PARLIMEN

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
: Hajah Supiah binti Dewak
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
: Mohamed bin Osman
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani
: Shamsina binti Janor
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat: : Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul
Mutalib
: Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Selasa, 4 Ogos 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat)
mempengerusikan Mesyuarat]

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN**

2.33 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai perbincangan kesemua urusan kerajaan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu Majlis akan ditangguhkan pada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai perbincangan kesemua urusan kerajaan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu Majlis akan ditangguhkan pada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai perbincangan kesemua urusan kerajaan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu Majlis akan ditangguhkan pada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Isu Pusat Pemeriksaan Imigresen, Kastam dan Kuarantin (KIK) Di Stesen Kereta Api Tanjung Pagar

2.35 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18 untuk mengemukakan satu usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini membenarkan Ahli Parlimen kawasan Tanjong, Yang Berhormat Lim Kit Siang, untuk menangguhkan Dewan untuk tujuan membincangkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, iaitu mengenai ketegangan terbaru dalam perhubungan Malaysia-Singapura hasil dari isu Pusat Pemeriksaan Imigresen, Kastam dan Kuarantin (KIK) di stesen kereta api Tanjung Pagar atas sebab-sebab yang berikut:

Sebaik sahaja berakhirnya Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN di Manila minggu lepas yang bertujuan menunjukkan kepada dunia perhubungan rapat yang telah dipupuk di antara negara-negara ASEAN selepas tiga dekad pertubuhan serantau ini dibentuk, pertelingkahan di antara Singapura dan Malaysia atas isu pemindahan Pusat Pemeriksaan KIK dari Tanjung Pagar ke Woodlands adalah sungguh tidak wajar dan keterlaluan.

Majoriti rakyat Malaysia dan Singapura ingin melihat kedua-dua kerajaan kita menyelesaikan bukan hanya isu KIK, tetapi juga pelbagai isu yang sedia wujud,

secara persahabatan tanpa merosakkan perhubungan Malaysia-Singapura, sama ada pada peringkat rakyat dengan rakyat mahupun peringkat kerajaan dengan kerajaan kerana keadaan saling bertikai semacam kedua-dua negara ini adalah musuh yang tidak dapat dipujuk supaya berbaik semula tidak akan menggambarkan semangat kejiranan serta semangat dan solidarity ASEAN selama tiga dekad ini.

Sekiranya berlaku pemutusan perhubungan kerajaan dengan kerajaan, maka kedua-dua Parlimen Malaysia dan Singapura haruslah cuba meredakan pertikaian yang sedia wujud di antara kedua-dua negara ini dan mencari cara penyelesaian yang sebaik-baiknya, di mana mandat sepenuhnya diberikan kepada delegasi Parlimen kedua-dua negara supaya mencuba dan mencapai konsensus untuk membina perhubungan Malaysia-Singapura yang baru di mana kedua-dua negara dapat bekerjasama rapat demi keamanan, pembangunan, demokrasi, hak asasi manusia serta pemupukan satu masyarakat madani yang bersemangat dan bertenaga.

Adalah sesuatu yang patut dikesali bahawa Kerajaan Singapura tidak membalas seruan supaya ditangguhkan penggunaan Pusat Pemeriksaan KIKnya di Woodlands pada 1 Ogos sehingga ke satu tarikh baru supaya suatu cara penyelesaian yang diterima oleh kedua-dua negara terlibat dapat dicapai.

Bagaimanapun, memandangkan semakin bertambahnya isu-isu yang berkemungkinan mencetuskan konflik serta konfrontasi di antara Malaysia dan Singapura, dan demi membantu meredakan suasana tegang dan buruk yang baru di antara kedua-dua negara, maka Parlimen harus menjemput secara rasmi Parlimen Singapura supaya mengadakan satu Persidangan Parlimen Malaysia-Singapura di mana delegasi kedua-dua Parlimen diberikan mandat sepenuhnya untuk cuba mencari penyelesaian ke atas isu KIK ini serta lain-lain isu sedia wujud di antara Malaysia dan Singapura. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan

Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pada 3 Ogos 1998. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu.

Syarat yang kedua ialah bagi kepentingan orang ramai.

Syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah satu perkara yang tertentu, ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan ia berkehendak disegerakan.

Oleh yang demikian, mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3) dengan keizinan Majlis Mesyuarat saya meluluskan permohonan seperti yang ada di dalam usul ini. *[Tepuk]* Perbahasan mengenai usul ini akan dimulakan pada jam 5.30 hingga jam 6.30 petang seperti lazimnya dibuat pada masa-masa yang lampau saya akan membenarkan pihak pembangkang berucap selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan juga selama 30 minit.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG INDUSTRI PELANCONGAN (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[3 Ogos 1998]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tanjong diminta sambung.

2.40 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Industri Pelancongan Malaysia tengah menghadapi krisis setelah dikenal pasti sebagai subsektor penting dalam sektor perkhidmatan yang merupakan pencari pertukaran asing kedua terbesar dalam sektor ini. Industri Pelancongan Malaysia sedang menghadapi masalah mencapai objektif Rancangan Malaysia Ke-7 iaitu 12.5 juta pelancong pada tahun 2000 dan pendapatan pelancongan bertambah menjadi RM15.7 bilion. Pendapatan Industri Pelancongan dalam tahun 1994 ialah RM8.7 bilion, tahun 1995 ialah RM11.2 bilion dan tahun 1996 RM11.3 bilion dan jatuh 7% dalam tahun 1997 iaitu hanya RM10.5 bilion.

Berikutan dengan Sukan Komanwel Ke-IV dalam bulan September dan kempen Tahun Sukan dan Rekreasi 1998 yang dilancarkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, kerajaan telah menganggarkan kemasukan 8.7 juta pelancong asing tahun ini, yang akan membawa kepada pendapatan sebanyak RM13.7 bilion. Adakah sasaran ini dapat dicapai dengan pendapatan industri pelancongan bertambah RM3.2 bilion menjadikan pendapatan RM10.5 bilion tahun lepas meningkat menjadi RM13.7 bilion tahun ini.

Yang Berhormat Menteri Pelancongan telah mengakui secara terbuka bahawa sasaran Rancangan Malaysia Ke-7 seramai 12.5 juta orang pelancong dan pendapatan industri pelancongan sebanyak RM15.7 bilion hingga tahun 2000 tidak akan dapat dicapai dan bahawa beliau akan merasa gembira sekiranya jumlah pelancong yang datang ke Malaysia mencapai 8 - 9 juta orang sampai tahun 2000. Dan ini bermaksud pendapatan dalam sektor ini hanya akan mencapai jumlah RM10 bilion ke RM11.3 bilion, jauh ketinggalan dari sasaran awal sebanyak RM15.7 bilion pada akhir Rancangan Malaysia Ke-7.

Alasan timbulnya krisis dalam industri pelancongan di Malaysia adalah banyak. Dalam tahun 1997 wujudnya berbagai malapetaka bagi industri pelancongan misalnya malapetaka jerebu dengan Air Pollution Index (API) mencapai ketinggian 839 mata di Sarawak menyebabkan Ketua Menteri Sarawak

membawa rakyat asing dan tempatan ke luar negeri beramai-ramai ke negara yang mempunyai udara yang segar dan bersih. Virus coxsackie yang menyebabkan kematian seramai 31 kanak-kanak menghalau rakyat Sarawak dari kampung halaman mereka dan seterusnya menghalang para pelancong dari mengunjungi Malaysia. Wabak taun yang serius juga menjejaskan industri pelancongan di Pulau Pinang diikuti lagi dengan krisis mata wang di rantau Asia.

Tahun ini timbul lagi lain-lain malapetaka pelancongan dengan berulangnya malapetaka jerebu ala tempatan, pencegahan siaran oleh media massa tempatan tidak dapat menghalang berita-berita semacam ini dari mencapai ke negara asing dan para pelancong berpotensi. Sebenarnya defisit maklumat di Malaysia hasil dari kempen agresif kerajaan menentang apa yang dikenali sebagai, dengan izin, negative reporting oleh media massa tempatan telah menjadi faktor negatif dalam memupuk industri pelancongan kita.

Lain-lain malapetaka pelancongan termasuklah krisis kekurangan bekalan air selama 4 bulan di ibu kota dan Lembah Kelang dan yang paling ironic sekali adalah pembukaan Kuala Lumpur International Airport (KLIA). Pada asalnya KLIA cuba berfungsi, patut berfungsi sebagai magnet, menarik pelancong tetapi ia sebaliknya telah menjadi sebab terbaru yang menghalang bukan sahaja kemasukan pelancong asing tetapi juga menghalang rakyat Malaysia sendiri dari menggunakan perkhidmatan penerbangan menerusi KLIA kerana berbagai sistem yang mahal serta canggih seperti sistem pengendalian bagasi telah gagal berfungsi dengan lancar sungguhpun setelah satu bulan beroperasi. Adalah sesuatu yang biasa hingga hari ini di mana penumpang dari negara luar sampai ke KLIA selepas terbang selama 4 - 5 jam dan terpaksa menunggu selama 4 - 5 jam lagi di KLIA sebelum mendapat bagasi mereka.

Lebih dari dua minggu yang lalu saya telah mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya MAS meminda balik sesetengah khidmat penerbangannya ke Lapangan Terbang Subang demi menjaga kepentingan para penumpang MAS

sendiri serta industri pelancongan. Saya telah mengemukakan contoh di mana sebelum Lapangan Terbang berpindah ke KLIA kesemua penerbangan MAS dari Pulau Pinang ke KL pada pagi hari Isnin adalah penuh sesak tetapi setelah ia berpindah ke KLIA penerbangan yang sama hanya digunakan 10 - 20% kapasitinya, sungguhpun jumlah penerbangan setiap hari telah dikurangkan sebanyak 1/3.

Saya merasa gembira bahawa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah membuka fikirannya dan mengumumkan hari semalam bahawa MAS akan berpindah setengah penerbangan tempatannya ke Lapangan Terbang Subang untuk keselesaan para penumpang. Sebenarnya tindakan ini juga akan membantu MAS sendiri serta industri pelancongan. Tugas pertama Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan adalah untuk memupuk pelancongan dengan sebaik-baiknya serta mencipta syarat menjadikan industri pelancongan negara kita berkembang dengan pesat.

Bagaimanapun baru-baru ini beliau telah sering menjadi tumpuan kontroversi yang melemahkan masa depan industri pelancongan. Apabila beliau membuat beberapa teguran keterlaluan yang tidak membantu dalam menarik pelancong dari Singapura supaya melawat ke Malaysia pada hujung minggu serta musim cuti. Petang nanti satu perbahasan ke atas usul saya akan diadakan di Dewan ini. Usul saya adalah mengenai pertikaian terbaru di antara Malaysia dan Singapura yang berbangkit dari isu KIK di Stesen Keretapi Tanjong Pagar dan saya tidak bercadang pre-empt perbahasan itu di sini tetapi ingin menekankan bahawa sebagai Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, menteri kita harus menggalakkan dan bukannya menyekat atau mengganggu, menghalang rakyat Singapura dari melawat ke Malaysia. Sebagai contohnya, Rancangan Malaysia Ke-7 merujuk kepada langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memudahkan perjalanan antara sempadan ataupun cross border yang nyata oleh rakyat Singapura antaranya dengan membina laluan kedua menyambungkan Johor Bahru dengan Singapura serta meningkatkan perkhidmatan kereta api oleh KTMB tetapi semua

projek raksasa ini akan jadi kosong sekiranya kita tidak berhati-hati dalam mengekalkan syarat-syarat yang conducive dan menggalakkan perjalanan antara sempadan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kita sudah setuju hendak sokong, nak takut apa lagi?

Tuan Lim Kit Siang: Nantilah, habis ini dulu. Kerajaan telah menganggarkan bahawa Sukan Komanwel bulan depan akan menarik seramai 60,000 - 80,000 pelancong. Berapa peratus dari anggaran ini yang dijangka akan terdiri dari rakyat Singapura dan bagaimanakah pertikaian antara Malaysia-Singapura terbaru ini akan menjejaskan jumlah rakyat Singapura yang akan melawat ke Sukan Komanwel. Kerajaan mesti menggubal strategi baru untuk mencapai sasaran bidang pelancongan Rancangan Malaysia Ke-7 iaitu jumlah pelawat seramai 12.5 juta orang sampai tahun 2000 dengan pendapatan pelancongan bertambah menjadi RM15.7 bilion. Ini amatlah penting dan mendesak kerana persaingan adalah semakin giat dari lain-lain negara sedang membangun dalam rantau ASEAN seperti Vietnam, Kambodia, China dan India untuk merebut sebahagian dari pasaran pelancongan. Dalam masa yang sama penggerak aktif dalam industri ini seperti negeri Thai, Hong Kong dan Singapura telah melancarkan promosi agresif untuk menarik pelancong khususnya, pelancong baru Eropah. Oleh sebab Won, Yen, Bath dan Rupiah telah turut terjejas hasil dari krisis mata wang serantau maka jumlah pelancong dari Korea Selatan, Jepun, Negeri Thai dan Indonesia akan menurun.

Kerajaan harus membentuk satu pakej untuk membantu operator pelancongan kita yang menghadapi constraint kewangan hasil dari kekurangan pelancong serta situasi kredit yang tegar. Dari bulan September hingga bulan Disember 1997, 85% dari penempatan pelancongan telah ditangguhkan atau

dibatalkan. Dalam masa yang sama, pelancongan ke luar negara juga berkurangan. Pendapatan syarikat-syarikat yang ada berkaitan dengan pelancongan dijangka menurun dengan desaknya sebanyak 30% hingga 40% untuk tahun fiskal 1997 dan 1998.

Saya menyeru Kementerian Dalam Negeri supaya mengkaji semula proses permohonan visa bagi pasaran-pasaran potensi besar seperti China dan India tanpa mengorbankan keselamatan negara, misalnya

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Rompin bangun lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan beri jalan bila saya habis topik ini, sedikit sahaja. Nanti, nanti! Tanpa mengorbankan keselamatan negara misalnya dengan mengeluarkan visa transit yang lebih liberal seperti melanjutkan visa transit 72 jam kepada visa tujuh hari untuk pelancong yang sebenar.

Kerajaan kini tidak menggalakkan rakyat Malaysia melawat negara asing. Tahun yang lepas, kerajaan telah mengumumkan bahawa menteri-menteri dan timbalan-timbalan menteri telah diarahkan supaya membatalkan lawatan ke luar negeri mereka dan bercuti di dalam negeri. Dalam beberapa bulan ini saya telah menerima laporan bahawa sungguhpun arahan sedemikian wujud, masih ada menteri dan timbalan menteri yang bercuti di luar negeri bersama keluarga mereka dan laporan terbaru adalah seorang timbalan menteri yang dilihat bersama-sama dengan keluarganya di London kurang dari satu bulan yang lepas. Bolehkah kerajaan memberikan satu laporan yang menyeluruh mengenai sama ada arahan kepada semua menteri dan timbalan menteri yang mengharamkan cuti di luar negara ini masih berkesan dan siapakah menteri atau timbalan menteri yang telah pergi bercuti di luar negeri bersama keluarga mereka dalam tempoh setahun yang lepas.

Sementara kerajaan tidak menggalakkan perjalanan ke luar negeri demi menjimatkan pertukaran asing, pengharaman total tidak harus dikenakan. Baru hari

ini sahaja saya telah menerima satu e-mail dari New Zealand yang berbunyi, dengan izin:

"I have a friend who is a senior government servant in Malaysia who is planning for a holiday trip to Australia and New Zealand later this year. She has save hard in the past few years for a holiday. She inform me today that the government servant have been told their not permitted to a holiday abroad because of the economic crisis. It appeared the move or so conserved cash following out of the country in this hard days. It is okay for the government to encourage Malaysians to holiday locally instead but to deny them of their right to travel abroad is unconstitutional as it is denying them their freedom of movement. The restriction of travel notice is a directive not a law as such I wonder whether it is enforceable."

Bolehkah kerajaan menjelaskan sama ada ia telah mengeluarkan arahan kepada semua kakitangan kerajaan mengharamkan mereka bercuti di luar negeri.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Rompin bangun lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sila Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Minta sedikit penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Tadi dalam lima minit yang awal, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ada menyatakan bahawa Malaysia yang tidak menggalakkan warganegara Singapura untuk melancong ke Malaysia.

Saya nampak ini mungkin tersalah anggapan oleh Tanjong, yang sebenarnya yang tidak menggalakkan warganegara Singapura melancong ke Malaysia termasuk Johor Bahru ialah Kerajaan Singapura sendiri, ini Ketua Pemuda UMNO baru balik dari Johor, bagus kenyataannya semalam.

Saya hendak minta adakah, misalannya dahulu tangki minyak kenderaan sekarang dia minta penuh baru dia dibenarkan masuk, itu yang pertama saya hendak minta penjelasan, sebab saya nampak cadangan Usul yang akan dibahas ini baik, saya takut Usul yang akan dibentangkan itu baik tetapi hujah itu mungkin tersalah anggap, yang baik itu akan terhapus dengan 'hitam' pula, itu yang pertama.

Yang kedua, penjelasan, tadi Yang Berhormat persoalkan Timbalan Menteri pergi bercuti ke luar negara, mengapa tidak saranan kerajaan supaya pegawai kerajaan itu juga tidak bercuti ke luar negara, ini satu isu yang sama, satu agenda yang sama untuk hendak menjimatkan perbelanjaan wang di luar negara, mengapa untuk menteri dan timbalan menteri satu peraturan yang berbeza dengan kerajaan, saya rasa patut Ketua Pembangkang mengalu-alukan ini, takut Ketua Pembangkang hendak cuba pancing pegawai kerajaan ini untuk pilihan raya yang akan datang, itu saya tidak tahulah.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, mengenai perkara kedua dahulu, saya ada satu perkara mengenai menteri-menteri dan timbalan menteri yang pergi ke luar negeri untuk bercuti (holiday) oleh kerana ada satu arahan, satu pengumuman yang dibuat oleh kerajaan sendiri bahawa sebagai leadership by example, pimpinan melalui teladan bahawa semua menteri dan timbalan menteri diarahkan untuk membatalkan semua cuti di luar negara dan saya mahu tanya adakah arahan itu masih terpakai, dikuatkuasakan lagi.

Mungkin Ahli Yang Berhormat dari Rompin tidak bersetuju mengenai arahan itu, kalau begitu kenapa tidak protes kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Sampai sekarang saya tidak pernah dengar apa-apa bunyi daripada Ahli Yang Berhormat dari Rompin dan saya timbulkan perkara ini untuk bertanya sama ada arahan

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habis kedua-dua perkara! Sama ada arahan ini masih berkuatkuasa dan kalau masih dikuatkuasakan oleh kerana saya

ada dapat laporan ada melihat menteri-menteri dan timbalan-timbalan menteri di luar negeri dengan keluarga mereka holiday, adakah benar, tentu kerajaan ada senarai dan ada butir-butir lengkap membuat satu pengumuman bahawa yang pertama, sama ada arahan ini masih dipakai dan kedua, kalau masih berkuatkuasa, adakah benar bahawa ada menteri-menteri dan timbalan-timbalan menteri yang ada melanggar peraturan itu dan siapa mereka.

Itulah sejajar dengan satu dasar yang terbuka, accountable dan transparent dan sebab itu soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rompin tidak timbul, he got the wrong end of the stick.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Jawab soalan yang pertama dahulu dan tidak payah saya jawab mengenai soalan yang kedua oleh kerana 'got the wrong end of the stick'. Kalau dia mahu salahkan sesiapa, salahkan kerajaan, salahkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat pengumuman itu, apakah kedudukan kakitangan kerajaan?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, saya habiskan dahulu. Tadi, saya ada menyebutkan satu kes di mana ada sungutan bahawa kakitangan kerajaan tidak dibenarkan untuk pergi ke luar negeri dengan pembiayaan sendiri, saya ada timbulkan mengenai perkara ini sama ada ini wajar, sama ada kita mahu satu ban yang total kepada kakitangan kerajaan tidak keluar negeri oleh kerana keadaan ekonomi kita begitu rumit, kita perlu menyelamatkan setiap sen dan setiap ringgit. Adakah perlakuan ini adil dan adakah kita mahu begitu in good looking, kalau begitu, kalau semua negara mengambil dasar itu, apa yang akan berlaku kepada industri pelancongan, industri pengangkutan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, saya belum habis, Ahli Yang Berhormat dari Rompin ada menimbulkan dua perkara, saya masih dalam memberi keterangan. Okay, dan itulah perkara yang kedua, saya belum mula dengan perkara yang pertama.

Perkara yang pertama ialah mengenai Ahli Yang Berhormat dari Rompin kata bahawa saya ada kata Kerajaan Malaysia tidak menggalakkan rakyat Singapura untuk melancong/melawat ke Malaysia, saya tidak kata begitu - tidak! Saya tidak kata begitu, saya tidak mahu memutarbelitkan perkara ini, ini tidak benar! Apa yang saya kata ialah kalau kita ada seorang menteri pelancongan, tugasnya ialah untuk mewujudkan iklim dan syarat-syarat untuk menggalakkan pelancong-pelancong dari semua negara dan tidak elok kalau beliau bukan sahaja tidak memainkan peranan sebagai magnet untuk pelancong-pelancong tetapi sebagai satu faktor untuk drive away, dengan izin, drive away pelawat oleh kerana sama ada kenyataan yang tidak begitu elok atau tidak begitu proper, wajar yang menimbulkan bahawa menteri pelancongan nampaknya begitu agresif, begitu unfriendly, itulah, bukan kata bahawa kerajaan tidak mahu, tidak menggalakkan rakyat Singapura datang ke Malaysia, itu nanti mungkin dalam perbahasan kita boleh go into. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ada lagi yang menunjuk minat, saya izinkan dua orang lagi. Batang Lupar.

3.00 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang saya bercakap sedikit berkenaan dengan hal pelancongan ini. Kita percaya pelancongan ini adalah satu industri yang telah kita pelopori beberapa tahun dan telah mendapatkan kejayaan yang begitu rupa dan infrastruktur pelancongan telah kita buat dan mendatangkan hasil kepada negara. Dengan keadaan yang sedemikian kita sepatutnya mengucapkan syabas dan terima

kasih kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang mana telah memajukan industri pelancongan di negara kita kerana ini adalah satu industri baru yang baru dipelopori dan baru kita ceburi dengan agresif dan telah mendatangkan hasil yang diluar jangka.

Jadi dengan keadaan yang sedemikian pihak kementerian mestilah diberi sokongan dan dorongan agar memperbaiki lagi prestasi kita bukan sahaja untuk mempromosikan kemudahan pelancongan dan perkara-perkara yang ada di negara kita yang patut dilihat oleh pelancong infrastruktur pelancongan dari negeri Perlis hinggalah ke negeri Sabah. Jadi dalam keadaan yang demikian industri pelancongan terlibat dengan beberapa bangunan iaitu infrastruktur perhotelan dan back-up servis. Industri pengangkutan termasuk penerbangan pengangkutan di dalam dan di luar negeri. Servisnya termasuk tourist guide, pemandu pelancong, dengan izin, semua perkara ini hendaklah dibangunkan dan mendapat latihan yang sebaiknya. Kalau kita pandang industri perhotelan kita telah meningkat. Banyak bilik hotel mewah dan hotel kos rendah telah dibina dan juga baru-baru hotel kos sederhana juga telah dibina dengan banyaknya untuk pelancong bukan sahaja daripada luar negeri tetapi juga untuk pelancong dalam negeri. Banyak lagi perkara yang indah dan menarik di negara kita tetapi kadang-kadang kita suka melihat yang terdapat di Florida, Los Angeles, Jepun, Eropah dan sebagainya dan tidak melihat apa yang ada di Rompin, Batang Lupar, Mulu, Baram, Kapit dan sebagainya. Begitu juga di Genting Highlands dan banyak lagi tempat yang menarik dan indah seperti di Langkawi, Kelantan dan sebagainya.

Saya sendiri baru-baru ini telah melancong seluruh negara dari Miri hingga ke Langkawi dan melihat sendiri sebahagian saya naik bas dan sebahagian lagi saya naik teksi. Sebahagian saya naik kereta sendiri, sebahagian saya sewa kereta orang dan pandu. Jadi saya melihat banyak perkara sebagai orang awam industri pelancongan yang begitu robust sekali. Bukan sahaja untuk masyarakat luar bandar tetapi juga untuk orang kita iaitu pelancong dalaman sendiri. Ramai orang di

Semenanjung yang masih tidak kenal apa itu negeri Sarawak dan Sabah mungkin kerana perhubungannya. Penerbangan dari Kuching ke Kuala Lumpur kalau naik Malaysia Airlines System bayarannya RM560 lebih untuk penerbangan ekonomi. Ada juga package yang tertentu tetapi untuk pergi ke Semenanjung atau dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak. Belum habis hanya datang ke Kuching kalau tidak melihat Mulu, Batu Niah dan sebagainya. Jadi dalam keadaan sedemikian industri pengangkutan berhubung dengan pengangkutan ini mestilah ditingkatkan agar pelancongan dalam negara kita akan dapat dipertingkatkan. Orang-orang yang berminat untuk pergi melancong merehatkan diri dari segi fizikal dan mentalnya selepas bekerja terus untuk mengatasi masalah negara hendaklah diberi satu peluang untuk melihat negara ini sendiri. Bahkan ramai dalam masyarakat negara kita ini yang belum melihat semua perkara yang indah di negara ini.

Alhamdulillah saya telah dapat melihat keseluruhan negara Malaysia dari negeri Kelantan hingga ke negeri Sabah. Bukan dengan cara yang mahal atau murah tetapi sekurang-kurangnya kita berbelanja di dalam negara kita sendiri. Dalam keadaan sedemikian kita rakyat Malaysia mestilah juga tourist friendly. Dengan kata lain saya ingin menyebut apa yang telah saya alami dalam masa cuti sekolah yang telah lalu yang mana saya dapati kadang-kadang satu tempat bukan semua, insiden yang saya jumpa di mana masyarakat belum lagi menerima hakikat industri pelancongan ini adalah satu industri yang penting dan memerlukan penglibatan semua masyarakat. Bukan sahaja orang daripada kementerian atau agensi-agensi seperti hotel, kemudahan, servis sektor dan sebagainya berhubung dengan kementerian, perhotelan dan sebagainya tetapi juga masyarakat setempat yang ada.

Misalnya saya pergi ke suatu tempat dengan memandu kereta yang saya sewa kerana saya belum pernah pergi ke tempat itu dan apabila saya memasuki satu jalan yang kurang sesuai saya mendapat kecaman dan tunjuk tangan seperti ini [*sambil menggayakan tangan beliau*] oleh orang di tempat itu mungkin kerana cara saya

memandu berlainan sedikit daripada mereka. Bahkan saya telah memandu lebih 30 tahun termasuk di Amerika Syarikat, Eropah dan England. Maknanya kemungkinan saya lebih cekap memandu bukan sahaja daripada praktikalnya tetapi dari segi undang-undang sebaliknya dan kefahaman untuk memandu. Bahkan saya adalah seorang instructor dalam tatoo polis dahulu. Maknanya saya sangat cekap dalam memandu dan juga menunggang motosikal. Tetapi saya mendapat kecaman oleh kerana terdapat traffic signs yang kurang memuaskan dalam gelap dan ini berlaku kepada saya semasa saya memandu di seluruh Malaysia termasuk negeri Sabah, Sarawak hingga ke Brunei. Apa yang belum saya dapat ialah pergi ke Sabah menaiki kereta oleh kerana Pan Borneo Highway dari Brunei ke Sabah belum siap dengan sempurna. Kalau dapat insya-Allah saya berjanji akan pergi ke Sabah dari Kuching menerusi jalan.

Jadi masyarakat Malaysia mesti menerima hakikat industri pelancongan ini bukan tugas dan tanggungjawab kementerian itu sahaja tetapi adalah tugas dan tanggungjawab semua masyarakat Malaysia termasuk pegawai kerajaan, semua Yang Berhormat dan semua menteri. Kita hendak beritahu orang kita di Malaysia ini mesti tourist friendly. Tunjukkan muka yang baik bukan sahaja kepada 'Mat Salleh' tetapi kepada 'Salleh dan Mat' dari negara kita sendiri. Kalau tengok orang putih nanti janganlah baru 'Yes Sir, Good Morning Sir, Yes Madam, Good Morning Madam' tetapi kalau tengok orang seperti Wan Junaidi tengok seperti 'Datuk Tinggung' tidak apa sangat. Ini orang Malaysia tidak perlulah hormat sangat dan sudah memadai panggil 'Boss'.

Jadi saya berharap ini satu kesedaran dan kita kena buat di mana setiap pemimpin bukan sahaja di pihak kerajaan tetapi juga kepada peringkat bawahan seperti ketua kampung, penghulu dan tuan rumah mesti diberitahu dan mereka ini selanjutnya akan menyambung keperluan kita kepada industri pelancongan dan melihat masyarakat Malaysia adalah tourist friendly.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang ingin saya ulangkan ialah kepada pihak Kementerian Pertanian saya pernah menyebut iaitu “Promosi barang makanan Malaysia di hotel-hotel belum lagi saya berpuashati” . Oleh kerana saya ada keluarga dan keluarga isteri saya dari Melaka dan Johor baru datang ke Sarawak kerana melancong ke Sarawak selama dua minggu. Dia kata ‘nenas’ tetapi orang Sarawak kata ‘nanas’. Nenas yang dijual di Semenanjung tidak sedap walaupun nenas Johor-Sarawak (klon). Nenas Sarawak yang dijual di Semenanjung pun tidak sedap tetapi kenapa pula nenas yang sama dijual di Kuching dan Miri itu ‘enak sekali’ katanya. Rasanya hendak makan banyak walaupun perut sakit. Sebabnya Tuan Yang di-Pertua, ialah nenas yang datang dari Sarawak itu dihantar masih muda ke Kuala Lumpur dan Johor. Selepas itu nenas muda itu disimpan lama-lama dalam stor dan di‘peel’ nenas itu. Nenas sepatutnya berwarna kuning kekuningan tetapi apabila di‘serve’ di hotel lima bintang, tujuh bintang atau sepuluh bintang itu berwarna putih keputihan. Tidak ada rasa langsung malahan rasa timun lagi sedap

Jadi, tiap-tiap barang makanan, buah-buahan yang di ‘serve’ dalam hotel, pisang rastali umpamanya, pisang ini kalau masak ia memang ada bintik-bintik hitam dikulit jadi pisang macam ini tidak boleh dijual, tidak baik, kurang kualiti, yang kualiti pisang itu putih kuning gebu tidak ada bintik-biktik hitam satu pun tidak ada tapi kalau pisang rastali diberi pada masa itu dia rasa tidak sedap, rasa pahit sedikit, tak sedap, semua ada. Jadi kalau kita nak tunjukkan rasa buah-buahan tempatan ini yang sedap ialah buah tempatan yang cukup masak, baru di ‘harvest’ masa cukup tua dan jikalau disimpan atau diperam sampai cukup masak baru rasa dia sedap, baru orang luar negara datang ke Malaysia ini rasa inilah local fruits, inilah local products, inilah benda yang enak. Tetapi mereka belum lagi merasa benda-benda yang enak di hotel-hotel oleh kerana pendapat yang demikian kerana

chef yang masak di hotel-hotel itu adalah chef yang dilatih di Switzerland, di Eropah dan sebagainya. Dia tidak tahu local fruit, buah rambutan pun tidak sedap, kalau tidak percaya tanya hotel-hotel. Saya rasa buah rambutan di hotel tidak sedap. Jadi saya rasa sedih sedikit oleh kerana kita tidak tahu macam mana mempromosikan produk di negara kita. Jadi saya berharap pihak kementerian mengambil kira bila berjumpa dengan pihak hotel benda atau barang dalam negara kita ini memang di 'serve right', dengan izin, bukan diberi kepada orang masa dia masih muda, masa ia belum cukup masak. Jadi kalau ia buat macam itu memang kita tidak ada promosi, orang kata buah-buahan Malaysia sedap tetapi tidak sedap.

Jadi yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan industri pelancongan saya juga berpeluang pergi ke Filipina, negara jiran seperti Indonesia dan sebagainya. Saya dapati orang beri servis dalam hotel ataupun dalam industri pelancongan cukup baik, soalnya sama ada metaliti orang itu jahat, tidak jujur, itu kemudian tapi cara dia melayan itu cukup baik. Kalau kita pergi ke Filipina umpamanya di belakang dia bawa senjata macam ini, jaga bank, tiap-tiap bank dijaga dengan mesin gun tapi bila kita datang sana yes sir, morning sir, morning mam, begitu mesra, begitu baik walaupun dia akan tembak kita, kita tidak kiralah, tapi dia baik. Cara dia melayan orang itu cukup baik, cukup manis dan cukup halus tapi kalau boss pada kita di sini, saya benci betul dengan nama boss ini, ini gangster. Kalau saya hendak ceritakan sejarah perkataan boss ini saya boleh beri tahu dengan satu jam boleh cerita.

Sejarah boss di Amerika pada tahun 1915 sudah digunakan oleh Amerika masa itu masa Mafia Rule di Avon Center di Amerika. Itulah boss digunakan di Amerika di sana sini bahkan profesor yang pergi ke north pu dipanggil boss...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat kalau tidak silap saya cerita ini pernah Yang Berhormat bawa, Yang Berhormat bawa cerita yang sama.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kerana sudah sebut sikit, saya memang sebut selalu, ini kempen berterusan ini, saya nak larang orang Malaysia menggunakan perkataan boss. Saya personal kempen, orang panggil saya boss dalam kedai walaupun saya minat sekali barang itu tidak jadi beli; ikan, macam mana cantik, buah macam mana manis kalau saya hendak beli, orang panggil saya boss, saya kata terima kasihlah. Tunggu cari orang panggil saya bang, pak cik atau mami, baru saya beli, kalau lain daripada itu, kalau panggil boss sorrylah, walaupun anak saya menangis, tidak jadi beli. Ini Kempen peribadi.

Jadi saya berharap kita boleh melatih orang-orang di hotel-hotel industri, orang yang ada pelancong related, servis sektor mestilah menunjukkan budi pekerti yang baik, yang manis, yang memang menarik hati orang. Jangan kira kulit ia sama ada hitam, kuning, blue dan putih. Kita mesti address dia dengan baik dan hormat. Jangan lihat, kalau tengok Mat Saleh baru ‘morning sir’ dan sebagainya. Tapi kalau tengok yang kuning, yang putih dan hitam lain termasuk kita sendiri kurang sikit layanan, cukuplah panggil boss, pak cik dan mak cik. Belum mencukupi, kita kena perimbangkan treatment kita kepada mereka yang datang melancong dari mana sahaja daripada sama ada Batang Lupar, Rompin ataupun dari Langkawi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ada yang bangun.

Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan pandangan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar bahawa dalam pembangunan industri pelancongan ini mesti ada manfaat kepada orang tempatan.

Saya nak bertanya sedikit bagaimana kalau mereka yang di bahagian hadapan ini dalam industri perkhidmatan servis ini masih ada lagi pekerja-pekerja luar, bagaimana pekerja luar ini mampu untuk menarik, bercerita mengenai negara kita. Baru-baru ini saya kebetulan pergi ke MAB, orang jaga keselamatan pun adalah orang luar yang dalam insiden itu walaupun kami ahli Parlimen, dia tidak

kenal bahawa kami ahli Parlimen, kad pengenalan ahli Parlimen pun dia tidak dapat restu sebab dia bukan orang kita.

Ada juga kita dengar macam kita pergi ke hotel-hotel kadang-kadang ahli-ahli muzik itu semuanya kita mendengar muzik, yang order minum itu bahasanya macam mirip-mirip datang daripada Manila, orang yang menyanyi pun mirip-mirip, suara orang Manila tapi yang sebenarnya kita nak membangunkan industri pelancongan kita. Bermakna manfaat daripada perkhidmatan sama ada industri hotel, khidmat untuk servis, khidmat untuk lagu-lagu menyanyi ini mestilah orang tempatan. Saya nak minta penjelasan sedikit sebab Batang Lupar ini amat menekankan bahawa bila kita bangunkan industri pelancongan ini manfaatnya mesti kepada orang Malaysia dahulu. Saya nak minta pandangan dari Batang Lupar dalam perkara ini.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Dato' dari Rompin, Tuan Yang di-Pertua, saya memang sudah sebut perkara ini tetapi berlainan sedikit cerita daripada Rompin dan saya akan jawab. Jawapan saya pergi ke belakang sedikit apa yang berlaku pada saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua. Pada satu ketika saya balik dari Eropah menaiki satu kapal terbang, ini bukan masa gawat, masa dulu, masa yang lepas, cerita ini panjang. Bila saya sampai oleh kerana saya telah tergendala kapal terbang saya untuk sampai ke Singapura kerana embarkation kapal terbang yang saya naiki itu sampai ke Singapura, bukan Kuala Lumpur pada hari itu, jadi saya telah terlambat, bila terlambat saya miss connecting flight, dengan izin, ke Kuching. Pada masa itu kalau ke Kuching musim sekolah bercuti tidak boleh sampai kalau tidak book flight sebulan atau dua bulan dahulu daripada itu. Jadi bila saya sampai di pejabat MAS di Singapura pada masa itu pegawai-pegawai yang senior ialah rakyat Singapura, apabila kita berjumpa dengan pegawai-pegawai ini untuk meminta pertolongan supaya mendapat satu seat untuk saya balik ke Kuching, pegawai ini jangan kata nak tolong, nak jumpa saya pun susah. Ini orang Singapura, sepatutnya orang ini tunjuk perkara yang baik sebab dia

digaji oleh MAS, pangkatnya besar, gaji dia besar, MAS yang bayar tapi dia tidak justify kedudukan dia sebagai pegawai yang duduk di tempat itu untuk memberi pertolongan terutama sekali bila dia tengok kita orang Malaysia.

Jadi saya memang bersetuju sekali di 'front line services' ini bukan sahaja jabatan kerajaan macam kastam, imigresen dan sebagainya kita memang guna orang Malaysia tetapi tiap-tiap industri yang ada front line sendirinya hotel kaunter dia, bell boy dia dan sesiapa sahaja bahkan cleaners kita punya hotel, kita punya airport mesti menunjukkan orang Malaysia jangan orang sampai ke airport Malaysia, ini melihat macam Bangladesh ataupun macam Myanmar umpamanya orang bekerja dekat sana, orang tidak tahu datang ke Kuala Lumpur seolah-olah pergi ke Bangladesh.

Jadi saya berharap pihak yang terlibat dengan industri ataupun infrastructure pelancongan kena melantik orang kita, cari orang kita, latih orang kita sendiri, saya tidak percaya orang kita tidak boleh dilatih sebab satu, Datuk, saya jemput Datuk datang ke Kuching, kalau tidak tahu tempat itu telefon nombor saya. Telefon saya, saya akan bawa Datuk ke satu tempat, satu kedai, nama kedai ini Capella, 100% budak daripada Kuching, budak-budak perempuan daripada umur 21 sampai 30 tahun.

Kalau Datuk masuk ke tempat itu you will be impress, Datuk. Layanan dia bila kita masuk sana dia buka pintu 'Selamat Pagi Encik', 'Selamat Pagi Tuan', jarang-jarang dia panggil pakcik kerana takut kita tersinggung perasaan. Sebab walaupun dia lihat rambut kita sudah bertukar warna tetapi jarang dia tegur kita pakcik dia takut kita ini masih muda, jadi dia tegur pakcik kalau nampak tua dia kata 'Selamat Pagi Tuan', jadi nampak sedap. Kalau yang muda macam daripada Dungun dia panggil 'Selamat Pagi Bang', dia panggil macam itu. Jadi bila masuk sahaja di sana dan tunjuk kita tempat duduk dan dia layan kita dengan baik, anak-anak kita dia buat main-main dan sebagainya. Jadi layanan itu lebih daripada yang kita lihat. Jadi tempat kita, ini budak kita sendiri. Budak yang dilatih daripada sistem persekolahan kita sendiri kenapa pula budak ini boleh berperangai macam itu tetapi di tempat lain daripada sekolah yang sama, daripada kelas yang sama,

daripada keluarga Melayu dan bumiputera lain yang sama dan daripada keluarga Cina yang sama Malaysia berperangai lain. Kenapa pula yang di sini, di kedai ini boleh mendidik anak dia, orang tempatan Cina, Melayu, Bidayuh dan Iban berperangai begitu unik sekali, begitu baik sekali. Belum lagi dapat international grading yang dapat Datuk, belum lagi. Kedai ini kecil tetapi perangai hati besar, layanan cukup indah, bukan kaya satu hari tetapi berpanjangan untuk majikan dia.

Jadi saya berharap jangan dengar kata orang di tempat ini bagus melayan kita jemput orang daripada ini jadi pelayan kita, tidak baik. Latihkan orang kita sendiri, guna orang kita sendiri, saya selalu menekankan jangan menggunakan orang luar kalau kita boleh mencari terutama sekali dalam kegawatan ekonomi sekarang. Pergi ke sekolah-sekolah banyak anak muda kita yang mungkin tidak dapat kerja, tidak boleh menyambung universiti, tidak boleh menyambung ke institusi pengajian tinggi boleh diberi latihan yang khusus dalam industri pelancongan ini supaya industri pelancongan kita boleh menandingi mereka yang dulu menceburi industri ini daripada kita umpamanya di Thailand, di Philippine yang mana orang di service sektor industri pelancongan sudah begitu matang dan tahu citarasa pelancong yang datang ke negara mereka. Jadi saya berharap pihak kementerian menekankan hal ini kepada mana-mana pihak sahaja.

Perkara keempat iaitu orang yang jadi tourist guide ini, pemandu pelancong ini. Yang jadi pemandu pelancong ini jangan cerita negatif, saya banyak terima laporan yang mengatakan pemandu pelancong ini dilatih ini, latih itu, tetapi bila dia pandai, bercakap politik pula. Kalau dia datang daripada Kelantan dia cerita hal PAS, dia nasihat orang yang kerajaan ini jahat. Dia ada politik dia sendiri, tidak boleh. Walaupun dia PAS, walaupun dia DAP, kalau dalam industri pelancongan dia kena sokong kerajaan tunjukkan Malaysia ini baik. Jangan gunakan kelemahan politik dia sendiri itu sebagai satu bahan untuk menceritakan kepada pelancong apa yang dia tidak suka dengan Kerajaan Malaysia. Sepatutnya tidak ada ini berbangkit kerana saya pun sampai orang beri cerita ini, orang yang terlibat dengan perhubungan pelancongan yang menjual idea politik dia sendiri sebagai seorang pemandu pelancong. Sepatutnya orang menjadi pemandu pelancong ini cerita dia

semuanya baik, walaupun kadang-kadang illogical Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut kenapa saya sebut illogical ini.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Rompin bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Batang Lupar, minta penjelasan sedikit. Batang Lupar ada mengatakan untuk menggalakkan pelancongan, disebut juga untuk menggalakkan pelancongan daripada Singapura. Saya hendak bertanya adakah kita realistik untuk merancang untuk menggalakkan pelancongan rakyat Singapura datang ke mari sebab saya rasa ramai rakyat Singapura memang mereka berhajat untuk datang bercuti hujung minggu ke Malaysia. Mereka yang berkereta besar dan laju tidak ada highway di Singapura untuk mereka menggunakan kereta besar dan kereta laju mereka. Mereka yang suka main golf, padang golf kita lebih baik dan mereka yang mahu makan di restoran di Johor Bahru lebih baik dan makanannya lebih bersih dan fresh, dengan izin, tetapi kita takut walaupun rakyat Singapura itu minat dan mahu melancong dan menjelajah ke Malaysia mereka menyatakan ini satu jiran baik mereka, tetapi Kerajaan Singapura yang sebenarnya mahu menggunakan kad ini - kad orang datang ini sebagai mereka ini jual beli dengan Kerajaan Malaysia. Sebagai contoh dulu dia katakan tangki minyak kenderaan separuh sahaja, sekarang mesti penuh hendak datang, dengan isu kereta api sekarang ini. Minta sedikit pandangan Yang Berhormat Batang Lupar tentang rakyat Singapura begini tetapi yang sebenarnya Kerajaan Singapura yang menggunakan ini sebagai catur politik mereka sebab isu-isu lain seperti air. Dalam konteks ini apa pandangan Yang Berhormat Batang Lupar macam Singapura ini takut benar isu air, dia menggunakan isu rakyat Singapura memang hendak datang ke Malaysia dan gunakan sebagai kad dalam diplomasi antara dua negara, dua kerajaan. Minta pandangan Batang Lupar sedikit.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya tahun lepas ada membuat satu soalan dalam Dewan ini, yang sedihnya soalan saya nombor 30 tidak keluar dalam Dewan, menjadi jawapan bertulis. Jadi soalan saya

berhubung dengan rakyat Singapura, mungkin pandangan saya berlainan, mungkin pandangan saya dalam soalan yang saya sebutkan ini adalah paranoid tetapi mungkin juga benar.

Saya bertanya dalam soalan saya ialah rakyat Singapura yang daripada umurnya pada masa sekarang sudah meningkat 35 tahun adalah manusia dilatih dalam ketenteraan, sudah bertugas dalam askar dan telah mencebur diri dalam menggunakan apa-apa senjata bahkan the art of war. Jadi saya bertanya macam mana pandangan kerajaan dalam soalan saya tersebut yang rakyat Singapura dibenarkan membeli harta di Johor banyak sangat bahkan mereka ini ialah orang yang dilatih dalam ketenteraan.

Jadi apa akan berlaku kepada negara Singapura dan negara Malaysia, tidakkah mereka ini mendatangkan satu masalah yang besar kepada rakyat Malaysia, kepada negara Malaysia kerana wujudnya satu kumpulan rakyat negara asing yang terlatih dalam ketenteraan, terlatih dalam art of war, terlatih dengan satu method peperangan berada duduk di antara rakyat Malaysia di Malaysia ini. Bukan sahaja mencebur dalam business tetapi juga sebagai pemastautin, mempunyai rumah, ada keluarga di Malaysia ini. Jadi saya memandang cerita ini sebagai satu paranoid, pada ketika itu orang tidak hendak jawab soalan ini, itulah sebabnya soalan ini tidak diketengahkan, sebab itu soalan itu dijawab secara bertulis. Saya melihat jawapannya dan saya simpan begitu sahaja kerana sensitiviti berlaku pada ketika itu, jadi saya tidak jawab.

Jadi, Singapura Tuan Yang di-Pertua, memang banyak masalah. Masalah pertama Singapura mahu melihat diri mereka sendiri sebab tempat itu tempat yang Ethiopia. Ethiopia semua baik, baik daripada segi undang-undang dia, mengikut dengan business dia, efisien daripada penyelenggaraan dia, semua itu dipandang oleh orang Singapura sebagai negara yang Ethiopia yang tidak ada tolok bandingnya di kawasan ini.

Jadi apabila perasaan yang begitu mendorong mereka berfikir, mereka itu adalah manusia yang lebih daripada yang lain di sebelah sini. Jadi bila kita sejak mula melibatkan diri dan keadaan di Malaysia bertambah baik daripada segi

pengendalian apa sahaja, daripada pengendalian ekonomi, daripada pengendalian industri dan berbagai lagi, pihak Singapura mula rasa tergugat. Apabila perasaan mula terasa tergugat ini berlaku, mulalah orang-orang Singapura mendatangkan kerendah yang pelik-pelik. Bermula daripada masalah statement senior minister dia menyebutkan crime rate di Johor dulu. Kenapa pula, siapa tak tahu Singapura itu? Ada pernah dengar di Negara Malaysia, orang bunuh orang masak jadi kari, dikari daging manusia, ada pernah di Malaysia berlaku? Saya percaya belum ada manusia di Malaysia ini boleh jawab percakapan ini dengan affirmative ataupun percakapan benar, perkara ini berlaku di Malaysia - tak pernah, Tuan Yang di-Pertua, tetapi perkara ini berlaku di Singapura pada tahun 1995, yang mana dia bunuh seorang jantan, lepas itu dipotong daging sampai berketul besar-besar ini, lepas itu dia kari daging itu seluruh manusia dia kari, dibuang ke dalam longkang. Kari manusia di Singapura, orang tak pernah dengar, saya incidentally berada di Singapura pada ketika itu. Orang kawasan river valley merasa ketakutan kerana ada kari manusia bertaburan di sana-sini, kerana perkara itu berlaku di tempat itu. Jadi perkara ini tidak pernah dimasukkan dalam surat khabar Malaysia, sebaliknya pula kalau ada orang yang snatch thief dekat Chow Kit Road, dekat Johor, sudah ada laporan di Singapura, menunjukkan 'gajah mati di depan Singapura dia tak nampak, semut mati di negara kita biasa nampak', supaya industri pelancongan Malaysia tergugat oleh keadaan yang negatif dilaporkan oleh pihak Singapura, media Singapura terutamanya.

Jadi pada masa sebelum haze berlaku ataupun jerebu berlaku, dapat surat khabar banyak ini, daripada Singapura, sebab surat khabar dari Singapura tidak boleh keluar daripada Singapura, kena tahan. Adakah orang tahu benda ini, tak boleh bawa surat khabar Singapura, keluar dari Singapura, melainkan ada kebenaran. Tetapi saya dapat satu bundle, tebal macam ini, surat khabar Singapura saya baca semua, pada hal sebenarnya Malaysia tak ada satu percakapan pun mengkritik selain sedikit-sedikit sahaja, kadang-kadang satu kolum yang kecil yang

keluar dalam *Straits Time* atau surat khabar di Malaysia. Tetapi Singapura sepenuh surat khabar 1/3 surat khabar cerita hal crime rate, pemimpin Malaysia tak baiklah, macam ini negara Malaysia tak efisienlah, macam-macam. Jadi ini macam sabotaj industri pelancongan, supaya orang jangan datang ke Malaysia, kerana Malaysia ini macam 'padang jarak padang tekukur' tak ada lain, berperang, yang tunjuk Hollywood pun kalah.

Jadi apa yang Yang Berhormat Dato' dari Rompin sebut itu saya memang setuju. Soalan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa Singapura bila berkaitan dengan dollar and cent ini mereka akan lupa semangat setiakawan. Jadi sebab itu berbagai-bagai peraturan mereka buat seperti antaranya, kenderaan hendak masuk Singapura mestilah penuh tangki minyaknya. Jadi adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada Kerajaan Singapura, supaya rakyat Singapura sebelum keluar dari negaranya mesti dia x-ray perutnya. Pastikan perut rakyat Singapura itu penuh dulu, sebelum dia tinggalkan negaranya, kerana dia mungkin takut, kalau rakyatnya selagi tidak penuh perut datang ke Johor, sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi Johor makanannya lebih baik, lebih murah, jadi mereka mungkin mereka rasa rugi. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya Kerajaan Singapura memperkenalkan undang-undang x-ray perut rakyat dia sebelum keluar negara dia.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya dengar soalan daripada Tanjong Karang lebih daripada itu bersetuju, saya bukan sahaja x-ray perut yang saya hendak, x-ray kepala pun saya mahu. Saya hendak tengok kepala dia itu, baik atau tidak baik, kalau tidak baik tolonglah jangan masuk, kacau sahaja. Jadi, Tuan

Yang di-Pertua, soalan Singapura ini kalau kita sebut, Singapura ini rasa tergugat, dia negeri yang kecil, penduduknya tidak banyak, jadi ekonomi yang ada pada mereka itu mereka takut. Bila kita jaga, kita kena sedikit, umpamanya Port Klang kita hendak perbaiki, servicenya kita pertingkatkan dan sebagainya, Singapura kata ini sudah menggugat kedudukan port di Singapura.

Bila kita adakan Labuan itu pun sudah menggugat financial position Singapura. Kita adakan lapangan terbang ini adalah almost the last throw, Tuan Yang di-Pertua, almost, dengan izin. Kita binakan lapangan terbang, bila kita sampai ke lapangan terbang alhamdulillah, saya sudah turun naik kapal terbang daripada Kuching sampai ke lapangan terbang KLIA, belum berjumpa dengan perkara yang negatif, belum berjumpa dengan perkara yang boleh saya kompelin, belum berjumpa perkara yang menggugat kedudukan saya sebagai penumpang dan keselesaan saya.

Jadi saya tak ada kritikan untuk KLIA, sampai sekarang. Walaupun kita nampak yang dia kurang staff dan sebagainya, saya ternampak service dan sebagainya masih boleh dikatakan sangat baik dalam keadaan kita baru menggunakan KLIA. Tetapi bila perkara ini berlaku kita lihat laporan daripada Singapura there is nothing else to report, dalam surat khabar mereka. Semua KLIA buruk, yang di Hong Kong satu paragraf kecil macam ini keluar, masalah sedikit manakala yang besar di Kuala Lumpur. Jadi kita lihat kedudukan Malaysia dalam apa segi, dalam financial position kita telah mengendalikan ekonomi kita dan kewangan luar pesisir kita, pelabuhan kita, lapangan terbang kita, ini telah menggugat perasaan dalam paranoid, pandangan paranoid Singapura menggugat kedudukan mereka.

Jadi saya pernah bertanya tiga tahun lepas, Tuan Yang di-Pertua, saya pernah bertanya dengan kementerian tetapi tidak ada jawapan di Dewan ini. Oleh kerana perkara itu kita tidak hendak sebut benda-benda yang remeh-temeh, saya bertanya tahukah kita iaitu military exviser kepada Kerajaan Singapura ialah seorang

pegawai daripada negara Israel. Dan negara Israel ialah negara yang pertama mempunyai satu strategi peperangan iaitu dikatakan pre-emptive action. Makna pre-emptive action ini dalam strategi kemiliterian ataupun askar ialah kita strike dulu sebelum orang strike kita, walaupun kita presume orang itu enemy, tak kira betul ataupun salah, kita hentam dulu dia, sampai dia habis, macam mana Israel buat di negara-negara Arab. Jadi adviser ini ada berkemungkinan memberi nasihat sebegini dan pihak Singapura menjalankan tugas macam ini, jadi bila kita dengar kapal terbang Military Aircraft Singapura yang terbang rendah dekat Johor itu bukan dibuat dengan tidak sengaja. Saya percaya ini adalah satu tindakan yang sengaja dibuat, kerana memang Singapura mencari pasal, mencari helah dan dalam keadaan ekonomi sekarang dia cari banyak lagi helah, supaya kita fighting a lot of front....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, soal ketenteraan ini agak terkeluar, Yang Berhormat .

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tumpu kepada pelancongan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya berbalik kepada pelancongan. Oleh kerana peperangan keadaan macam ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta penjelasan tentang pelancongan, bukan ketenteraan. Model yang Batang Lupar ambil tadi, model tentang kedudukan negara Timur Tengah, Arab dan Israeli, adakah model yang digunakan oleh Singapore dianggap salah, sepatutnya model yang digunakan ialah Eropah, walaupun dahulu Germany berperang dengan Perancis, Germany berperang dengan England (U.K) tetapi mereka sudah bergabung sebagai satu economic union supaya mereka dapat dikongsi bersama kemajuan ekonomi seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata enriched thy neighbour, kalau jiran kita kaya kita turut kaya bersama, adakah Singapura ini masih ada macam switch mentaliti.

Sepatutnya rayuan Yang Berhormat Batang Lular kepada mereka lebih beralih kepada model Eropah, Eropah sekarang tidak perlu ada pasport lagi antara satu negara dengan negara yang lain, kalau masuk ke England bila hendak pergi ke Perancis tidak payah pakai pasport, pergi ke Germany daripada England, tidak payah lagi pakai pasport, wang pun hendak disatukan. Ini ke arah bahawa kita berkongsi sebagai satu masyarakat Asia supaya dengan pertumbuhan ekonomi semuanya mendapat manfaat dan berjaya. Adakah model itu Singapura patut ubah? Jangan model yang macam perang, takut, spy, adakah semacam Singapura masih terkongkong dengan pemimpin-pemimpin yang dahulu, masa kita berpecah dahulu, mungkin Lee Kuan Yew walaupun dia bukan Perdana Menteri, dia sebenarnya call the shot, dengan izin. Saya minta pandangan Batang Lular.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya ada dua jawapan. Yang pertama, kita rakyat Malaysia, terutama sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempelopori constructive engagement, ataupun friendly relation ini boleh mendatangkan satu manfaat kepada semua masyarakat, bukan di dalam negeri tetapi juga kepada jiran kita. Itulah pendapat kita kadang-kadang difikir tidak sedap, tidak baik, walaupun itu adalah baik.

Tetapi kadang-kadang masyarakat di luar negara ini melihat perkara lain, umpamanya di Eropah, digunakan constructive engagement dengan siapa sahaja di Eropah sama ada barat atau timur, untuk mendatangkan kebaikan kepada semua masyarakat di situ. Tetapi bila kita yang buat, dia kata tidak betul, itulah menyebabkan umpamanya Soros kurang senang apabila kita mengadakan perhubungan ASEAN dengan Myanmar. Itulah Soros tidak suka, oleh kerana Soros kata, kita tekan Myanmar, jangan mengadakan perhubungan, tetapi kita membuat penekanan ataupun pendekatan yang kita mesti membuat constructive engagement mendatangkan seumpama pengaruhi pihak Myanmar supaya kita boleh mendatangkan manfaat kepada semua masyarakat.

Yang kedua, mentaliti orang di Eropah adalah orang yang telah wujud tamadun dia, bukan daripada segi kata dia sahaja tetapi dari mentaliti dan fikiran dia tamadun dia sudah matang, tamadun yang sudah hampir 1,000 tahun, tamadun yang terdidik dan mencapai ke satu tahap yang baik. Jadi, tamadun yang begitu cecal dan begitu baik, baru dia dapat menerima apa yang Perdana Menteri kita

sarankan iaitu friendly engagement, tetapi Singapura mengatakan mereka ini sudah civilised, mereka sudah bertamadun, tetapi mentaliti dia adalah mentaliti abad ke-15 yang mana kalau kita suka kita perang, kita ambil, kalau tidak dapat ambil, bergaduh dengan mereka, cari cara jalan hendak bergaduh dengan mereka. Tetapi ini adalah mentaliti abad yang ke-15 yang tidak lagi patut digunakan pada abad yang ke-21 ini - menjelang abad ke-21 ini.....

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Mentakab bangun.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di Pertua, minta penjelasan. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat, adakah perangai Singapura ini berkaitan dengan perasaan ‘kia su’ Singapura, iaitu sentiasa takut kalah? Adakah kaitan dengan perasaan itu?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di Pertua, saya baru habis baca “There to Fail” oleh Billy Lim. Kalau belum baca, boleh pinjam buku saya. Kalau saya kata beli di pasar kata orang promosi buku Billy Lim pula. Orang Singapura ini ada tiga ‘K’, kata Billy Lim, satu, ‘kia su’ dan dua lagi saya lupa. ‘Kia su’ itu kira takut mati sajalah. Jadi, Singapura memang ‘3K’, kata Billy Lim. ‘Kia su’ is one of them. Orang Singapura ini memang mempunyai satu ‘kia su’ mentaliti, bila dia lihat orang sebelah sana ada kereta besar, kalau dia tak dapat beli kereta, dia cari batu bata, dia hentam kereta itu supaya kereta orang itu rosak, sama-sama tidak ada kereta besar. Ini mentaliti orang ‘kia su’. Kalau dia dapat dia rompak kereta itu, kalau ada cara lain. Lihat keadaan kita sekarang, kita sentiasa menyerah apa sahaja, permohonan berlandaskan humanitarian ground kita beri air kepada Singapura, hantar raw water ke Singapura, di purified di Singapura, hantar balik ke Johor untuk dibeli oleh orang Johor. Apa pula cerita ini, kita baik sangat dengan orang Singapura. Sepatutnya sekarang kita berhentikan raw water daripada Johor itu, hantar water yang boleh diminum sahaja ke Singapura, jual dengan market price, baru betul. Sekarang baru kita patut buat. Kalau kita naik kapal terbang bukan kita sendiri pandu, sudah bayar, jangan buat macam itu. Saya bersetuju dengan air itu hantar purified water ke Singapura, jual dengan harga market price, jangan hantar raw water ke Singapura lagi mulai daripada sekarang.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat beri jalan pada Rompin sukalah saya ingatkan Yang

Berhormat oleh kerana hari ini ada usul lagi, Usul 18(1) dan selepas itu pun ada lagi rang undang-undang yang perlu kita bahaskan, Yang Berhormat cuba pendekkan, padatkan ucapan Yang Berhormat. Ya, Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta penjelasan dari Batang Lumar, kita mengalukan kenyataan kerajaan, minta pandangan Batang Lumar tentang kenyataan kerajaan, bahawa seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tetap memberi jaminan kepada kerajaan Singapura akan membekalkan air kepada Singapura kerana kita tidak bermusuh dengan rakyat Singapura, saya bertanya, tetapi dalam isu ini kita mesti juga menjaga kepentingan kita seperti Yang Berhormat kata tadi bahawa kita berhak juga menjual atau menghantar air dengan suasana manfaat kepada diri kita. Sebab kita tidak mahu akan diketawakan oleh orang. Saya dengar satu cerita oleh seorang ahli perniagaan, di rumah dia sudah dua minggu tiada air, dia naik kapal terbang dan dia mandi di Singapura, mandi di Singapura air kita. Cerita-cerita yang begini sudah timbul, nanti generasi yang akan datang bagaimana, kita tidak ada bermusuh dengan rakyat Singapura, kita menyokong kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita akan membekalkan air kepada mereka. Tetapi umum mesti mengetahui dengan kaedah dunia sekarang bahawa kepentingan kita mesti jaga, juga kepentingan ekonomi negara kita mesti jaga, jangan timbul cerita yang sudah berlaku sekarang ini akan berlaku di negara kita nanti bila anak cucu kita, Batang Lumar sudah ada anak? Sudah ada isteri, satu atau dua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ini soal peribadi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kalau di luar Dewan, saya boleh jawab, Tuan Yang di-Pertua, tetapi dalam Dewan takut masuk *Hansard*. Kalau janji tidak masuk *Hansard*, saya boleh jawab. Jadi saya akan jawab, Tuan Yang di-Pertua, selepas itu saya akan gulungkan perbahasan saya.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Elok Yang Berhormat balik pada tajuk dan saya minta Yang Berhormat gulungkan ucapan.

Tuan Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, habis saya jawab Yang Berhormat dari Rompin, saya akan gulungkan

perbahasan saya berhubung dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Soalan air adalah benda yang serius, tetapi sepatutnya, Tuan Yang di Pertua, kita sebagai rakyat Malaysia, kita juga di dalam Dewan sebagai pemimpin kerajaan Malaysia sepatutnya melihat semula semua segi perhubungan kita dengan Singapura, melihat semula untuk di'review'kan sekali gus, supaya keadaan-keadaan yang mana kita jangan ditempatkan yang lemah berlandaskan sumber yang ada di negara kita oleh kerana berlandaskan komersial interest pihak yang berada umpamanya macam Singapura, itu dengan sendirinya soalan air dan sebagainya janganlah kita bertolak ansur dan kita kena review semula.

Soalan KTM yang baru kita hendak sebut ini, jangan sekali-kali kita memberi peluang kepada pihak Singapura menggunakan strategi yang 'insidious' ataupun yang tidak baik untuk mengatasi kita dalam keadaan sedemikian kerana pelancongan dalam negara kita adalah sangat penting. Saya berharap Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan membuatkan satu strategi supaya surat khabar-surat khabar dan media di negara-negara lain terutamanya macam di Singapura yang selalu memburuk-burukkan negara kita mestilah diatasi dan jangan kita disabotajkan dengan perkara-perkara yang tidak baik, kalau perlu media kita tolong perang dengan media Singapura, lawan mereka, laporkan Singapura, cari perkara-perkara yang tidak baik, Tuan Yang di Pertua, kerana tidak sedap kita baca surat khabar dia, semua cerita buruk fasal Malaysia, yang dia itu baik, tetapi kita di sini diam sahaja, media massa kita baik, adil dan melapor dengan sebaik-baiknya, yang jahat itu cuma sikit-sikit tak payah sebutlah berhubung dengan mereka di Singapura.

Jadi kita cari juga masalah-masalah dia dan lapor juga masalah sosial, masalah jenayah dan sebagainya, bukan kita hendak memburukkan mereka tetapi sikap mereka adalah sikap yang tidak bertanggungjawab. Jangan industri pelancongan kita dibinasakan oleh kerana apa yang mereka laporkan dalam surat khabar-surat khabar mereka dan supaya industri pelancongan kita tidak berhenti dengan laporan-laporan yang dibuat di Singapura sebagai satu port yang mana the embarkation of passengers daripada tourist country datang ke negara sektor ini terhenti di Singapura, tak berani pergi ke Malaysia oleh kerana laporan-laporan

yang begitu negatif yang tidak adil, tidak baik dan tidak wajar dilaporkan di surat khabar-surat khabar ataupun media-media lain berlandaskan semangat kejiranan negara ASEAN.

Dengan itu, Tuan Yang di Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Bintulu. Selepas ini Yang Berhormat Setiausaha Parlimen diminta menjawab.

3.50 ptg.

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sejarah mencatatkan bahawa orang Barat mengenali Borneo menerusi Orang Utan. Inilah sebenarnya kelebihan bagi industri pelancongan di Sabah dan Sarawak, tetapi hakikat sebenarnya bukanlah begitu. Pelancongan di Sabah dan Sarawak jika dibandingkan dengan Semenanjung masih jauh ke belakang. Salah satu sebab utama ialah kos pengangkutan. Kos pengangkutan terbahagi dua. Satu daripadanya ialah penerbangan menerusi Laut China Selatan ke Sarawak. Satu lagi ialah penerbangan di dalam Sarawak disebabkan kelemahan sistem jalan dan lebuhraya.

Oleh itu, banyak perjalanan dalam negeri Sarawak terpaksa dilakukan secara penerbangan dan ini membawa kepada kos pelancongan di Sarawak sangat mahal berbanding dengan perjalanan bas di atas jalan raya yang baik dan mudah dilakukan di Semenanjung seperti keselesaan perjalanan di Lebuhraya Utara-Selatan. Lumrahnya apabila harga disebut dan dibandingkan bagi mereka dari Semenanjung Malaysia untuk datang ke Sarawak, mereka mempunyai pilihan yang lebih murah di Semenanjung sendiri dan di kawasan Asia Tenggara, seperti di Thailand, Indonesia atau lain tempat di kawasan ini.

Jika ada yang lebih murah mengapa mereka perlu pergi ke Sarawak. Kenyataan ini juga benar kepada pelancong-pelancong asing yang memasuki Malaysia kerana harga tambang yang terlalu tinggi untuk pergi dan berjalan dalam Sarawak, maka mereka terus tinggal di Semenanjung Malaysia. Lebuhraya Pan Borneo tidaklah begitu sesuai bagi pelancong dan pesisiran harian biasa. Lebuhraya

Pan Borneo adalah sebatang lebuh raya dua lorong tidak jauh berbeza macam jalan lama Utara-Selatan Semenanjung. Sangat jauh perbezaan jalan di lebuh raya ini dengan Lebuhraya Utara-Selatan Semenanjung pada hari ini.

Perjalanan di Lebuhraya Pan Borneo yang berbonggol dan berlopak menyebabkan kenderaan melambung-lambung dan terpaksa menurut gaya mengelak dan rasa berjalan sangat panjang dua kali ganda masa perjalanan di Lebuhraya Utara-Selatan di sini. Saya tidak fikir pelancong-pelancong dari Semenanjung boleh menghargai perjalanan di sana atas jalan raya Pan Borneo ini. Malah penerbangan udara di Sarawak pun tidak selesa di atas pesawat Fokker Friendship, 50 yang biasanya penuh dan sarat serta sesuai digunakan untuk perjalanan komersial, bukannya untuk pelancongan dan keseronok-seronokkan. Bunyi deruman pesawat Fokker Friendship mengingatkan kita Perang Dunia Kedua, bukannya perjalanan masa kini dalam zaman angkasa. Kerana kekurangan jalan raya dan perjalanan darat yang bermutu ke bahagian lain dalam Sarawak, maka perjalanan ke bahagian lain masih bergantung kepada jalan sungai. Ini sangat mahal kerana kos petrol perahu penumpang lebih kurang RM7 ke RM8 setiap gelen dengan kekuatan 50 kuasa kuda, perjalanan dengan perahu penumpang sangat mahal dan menakutkan ramai pelancong untuk tidak menaikinya.

Tidak boleh menyaksikan bahawa untuk membina sebuah lebuh raya macam Lebuhraya Utara-Selatan di Sarawak tentulah akan memakan masa beberapa tahun lagi. Tetapi sekurang-kurangnya kita harus menjadikan jalan tersebut selesa dan disenangi bagi orang yang menggunakannya. Untuk keselesaan, saya maksudkan sekurang-kurangnya diadakan kawasan rehat dan jalan raya itu diturap semula dan dilengkapi dengan bilik air dan tandas. Syarikat-syarikat penerbangan mestilah terus membantu menyediakan lebih banyak pekej pelancongan khas dengan kos yang murah dan istimewa yang boleh menarik pelancong dari Semenanjung dan pelancong asing ke Sarawak. Ini wajib dilakukan, kalau tidak ini merupakan halangan untuk membangunkan industri pelancongan di Sarawak, menyebabkan

matlamat tidak boleh dicapai, dan akhirnya kita akan kehilangan banyak hasil dalam pertukaran wang asing.

Pelancongan di Sarawak selama ini nampaknya bertumpu di Kuching dan Miri sahaja dan ini tidak cukup. Samalah dengan Johor Bahru dan Pulau Pinang para pelancong hilang peluang untuk melawat bahagian-bahagian lain di Semenanjung. Sebagaimana di Semenanjung, banyak destinasi untuk tarikan pelancong antara Johor Bahru dan Langkawi telah dibangunkan, maka begitu juga pelancongan di Sarawak harus mengambil langkah yang sama. Bagaimana pula kawasan tengah Sarawak seperti di Sibu, Kapit dan Bintulu. Kawasan ini hendaklah dibangunkan menjadi segi tiga emas pelancongan yang mana lebih banyak destinasi menarik boleh dibangunkan dan kemudahan seperti lapangan terbang baru Bintulu harus dibina secepat mungkin untuk meningkatkan tarikan para pelancong.

Walaupun Taman Negara Simlanjau di Bintulu adalah antara salah satu tempat yang sangat menarik, tetapi jalan raya ke sana teruk. Sebahagiannya masih belum ditar. Sekarang kerajaan merancang untuk membina sebuah alumina refinery yang bernilai RM10 bilion di tepi Taman Negara ini. Ia akan menjejaskan industri pelancongan di Bintulu. Dalam hubungan ini, untuk menjadikan Sibu, Kapit dan Bintulu sebagai segi tiga emas pelancong, adakah kementerian mempunyai satu blue print pelancongan untuk membangunkan kawasan ini menjadi satu tarikan pelancong yang utama di Sarawak? Saya telah mendengar menerusi peristiwa yang berlainan sepanjang tahun ini janji-janji bahawa Lembah Rejang tidak akan ditinggalkan dari pembangunan pelancongan, tetapi sehingga kini apa pun tidak ada. Berapa banyak wang telah diperuntukkan bagi pembangunan ini, berapa banyak tempat menarik yang telah dibangunkan?

Memang benar kerajaan menggalakkan penswastaan dalam industri ini, tetapi bagaimana pula infrastruktur asas dan tanah bagi pembangunan ini. Saya difahamkan bilangan pelancong yang datang ke Sarawak menurun sedikit tahun ini. Saya hairan bagaimana seorang berpendapat bahawa dengan kejatuhan nilai Ringgit

kita, maka kita masih boleh mendapat hasil. Saya ingin mengesahkan di sini pentingnya peranan menggalakkan pelancong kita di seberang laut dan kita mempunyai ramai pegawai promosi yang berkelayakan dalam kementerian kita. Adakah promosi seberang laut berkesan? Bagaimanakah keberkesanannya dalam hubungan menjual pelancongan ke Sarawak. Bagaimana pula bahan promosi? Saya difahamkan seperti galakan pelancong ke Sibul, Kapit dan Bintulu hanya risalah sahaja disediakan. Tidak ada langsung tayangan video.

Pada keseluruhannya kita perlu mempromosi yang lebih agresif industri pelancongan di Sarawak. Dalam hubungan ini, pembangunan sumber manusia juga penting di samping menyediakan banyak lagi tempat menarik, ini yang penting dan infrastruktur yang mencukupi. Adalah penting kita perlu berusaha keras untuk mendapatkan wang bagi negara dengan mengambil bahagian secara aktif dalam usaha kita untuk memulihkan semula ekonomi. Berapa banyak negara telah rugi dari segi pengaliran keluar Ringgit kita apabila 5 juta rakyat Malaysia memilih untuk melancong keluar negeri, sedangkan jumlah bilangan pelancong asing yang melancong ke Sarawak ialah 1.2 juta orang sahaja. Daripada 15,745 pelawat yang melancong ke Taman Negara Mulu, yang terkenal dengan Gua Mulu, hanya 8,592 pelancong asing sahaja yang berkesempatan melawat Taman dan Gua tersebut.

Oleh itu, di samping perlu menambah banyak penerbangan ke Sarawak, maka penerbangan dalam negeri Sarawak yang kini dilakukan oleh MAS dan Borneo Airways perlu juga ditambah serta tambang udara dikaji semula dan diturunkan jika kita mahu rakyat dan pelancong asing menukar persepsi mereka untuk ke Sarawak, maka kita harus bertindak membetulkan diri dahulu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, minta Setiausaha Parlimen menjawab.

4.00 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kementerian saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan pindaan kepada Rang Undang-undang Industri Pelancongan ini. Saya cuba memberikan penjelasan kepada beberapa perkara pokok yang telah dibangkitkan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang ada membangkitkan tentang kerjasama yang masih kurang di antara pihak swasta dengan kementerian. Untuk makluman Dewan ini, kementerian sedar mengenai perkara ini dan telah mengambil langkah untuk menubuhkan satu jawatankuasa yang dipanggil Majlis Tindakan Pelancongan Malaysia bagi menyelaraskan kegiatan-kegiatan pelancongan antara pihak swasta dengan kerajaan. Melalui Majlis ini pihak-pihak swasta berhubung terus dengan kementerian berkenaan dengan masalah-masalah dan juga langkah-langkah yang perlu diambil. Kita pandang bahawa kerjasama dan perbincangan ini akan dapat menyelesaikan beberapa masalah pokok yang timbul selama ini yang mengurangkan tahap kerjasama di antara pihak swasta dan kementerian. Pendeknya, dengan Majlis ini kita harapkan bahawa kerjasama akan dapat dipertingkatkan.

Beliau juga membangkitkan tentang tumpuan pakej pelancongan kepada kegiatan agro-tourism yang melibatkan orang-orang kampung adalah kurang....

Tuan Haji Noh bin Omar: *[Bangun][Mengetuk pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong Karang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta sedikit penjelasan. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian yang telah berjaya menubuhkan Majlis Tindakan Pelancongan Malaysia. Saya hendak mendapat penjelasan mengenai Majlis Pelancongan Negeri, saya difahamkan terdapat

beberapa negeri menubuhkan Majlis Pelancongan Negeri termasuk negeri Selangor dan adakah Ahli-ahli Parlimen ini akan dilantik menjadi ahli Majlis Pelancongan ini kerana kebanyakan peruntukan untuk pelancongan ini datangnye daripada Kerajaan Persekutuan. Jadi, kalau ahli Majlis Pelancongan Negeri tidak terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen, mungkin kita tidak dapat memberikan sumbangan di peringkat negeri. Tidakkah pihak kementerian ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya melantik Ahli Parlimen menduduki ahli Majlis Pelancongan Negeri?

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, kita anggap bahawa kerajaan negeri pun bercadang untuk hendak mengatasi masalah-masalah kerjasama ini di antara kerajaan negeri dengan pihak swasta. Jadi, langkah-langkah atau garis panduannya dianggarkan serupa dengan yang ada di kementerian dan kita memang mengalu-alukan pihak negeri memanggil semua yang berkepentingan terutama sekali Ahli-ahli Parlimen seperti Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang ini yang begitu prihatin kepada industri pelancongan di kawasan beliau sendiri.

Berkenaan dengan tempat-tempat bersejarah di negara ini yang masih belum ditonjolkan kepada pelancong-pelancong, kementerian sedar mengenai perkara ini dan sedang merancang untuk membangunkan jejak-jejak sejarah yang berpotensi di seluruh negara bagi mempertingkatkan kedatangan pelancong yang berasaskan kepada warisan sosio-budaya. Ini termasuklah mewujudkan inventory yang lengkap dan tempat untuk tujuan promosi dan pemasaran. Selain daripada itu,

kementerian juga telah mengadakan inventory yang mengandungi produk-produk sejarah untuk dipromosikan kepada pelancong-pelancong.

Tentang tumpuan pakej pelancongan kepada kegiatan agro-tourism yang melibatkan orang-orang kampung, beliau mengatakan adalah kurang. Sebenarnya kementerian sedar kekurangan ini dan telah mengambil langkah mengadakan program-program tertentu seperti home-stay dan juga pakej-pakej domestik yang melibatkan lawatan ke sawah padi, ladang getah, ladang kelapa sawit dan pelbagai lagi tempat pelancongan di luar bandar. Memang ada masalahnya kerana....

Tuan Haji Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Tanjong Karang bangun lagi, Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Saya habiskan dahulu. Memang ada masalahnya dalam kegiatan ini kerana apabila kita menyebut tentang industri pelancongan, maka kita melibatkan pihak swasta dan kalau kurang mendapat sambutan daripada pihak swasta, maka tidaklah dapat kita hendak memberangsangkan ataupun hendak menyerlahkan kegiatan itu seperti mana yang diharapkan. Jadi, kita harap untuk menjayakan kegiatan-kegiatan ini ramai lagi pihak-pihak swasta tampil ke hadapan bersama dengan kementerian untuk melaksanakan program-program ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Tanjong Karang.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak menafikan memang ada lawatan-lawatan dibuat ke sawah-sawah padi tetapi yang saya hendak tekankan bukan setakat melawat, kita tidak mahu pelancong ini datang duduk di hotel – di Kuala Lumpur sebagai contoh, dia datang melawat sawah padi di Tanjong Karang, dua jam tengok-tengok sudah balik, bukan itu maksudnya. Kita mahu pelancong ini duduk – misal kata di Tanjong Karang kita ada home-stay di Seri Gambut, sekarang ini sudah kurang berfungsi, dahulu betul dia ada duduk di situ tiga atau empat hari, sekarang ini sudah tidak ada. Dia datang tengok sekejap dan balik. Jadi, kita minta supaya pelancong ini diberi peluang tinggal bersama di kampung supaya dia lebih mendapat pengalaman tinggal di kampung, bukan sekadar melawat satu atau dua jam sahaja.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya program 'home stay' ini memberi peluang kepada pelancong-pelancong untuk tinggal lama di kampung. Walau bagaimanapun, terdapat juga jenis pelancong-pelancong yang suka tinggal di kampung dan ada juga yang suka tinggal di hotel lima bintang dan pergi ke kampung hanya beberapa jam sahaja. Jadi apabila kita melayan selera pelancong ini, maka kita bagi mereka pilihan, kalau mereka hendak tinggal di kampung ada 'home stay'nya, kalau dia hendak tinggal di hotel lima bintang, tinggallah di hotel lima bintang dan pergilah melawat kampung, apabila ada kesenangan dan peluang yang mereka pilih.

Berkenaan dengan cadangan supaya aspek kebudayaan dijadikan sebagai tarikan pelancong, kementerian telah pun melaksanakan perkara ini dengan mengadakan acara-acara yang berasaskan kepada kebudayaan seperti pertandingan permainan tradisional, wau, gasing, pesta silat, festival tarian dan sebagainya. Di samping itu pakej pelancongan juga ada memasukkan lawatan ke pertunjukan kebudayaan di hotel-hotel,

restoran dan sebagainya. Memang dengan erti kata lain, kita menekankan juga tentang ‘cultural tourism’ ini.

Beliau menyebut tentang pemandu pelancong perlu pengetahuan yang luas mengenai hal ehwal negara. Pemandu pelancong mengikut kaedah sekarang ini perlu menjalani dan mengikuti kursus dan lulus kursus yang asas selama dua bulan yang mengandungi modul-modul dalam bidang sejarah, kebudayaan, sosial, produk-produk pelancongan, flora dan fauna dan cara hidup rakyat Malaysia. Selepas itu, pemandu pelancong juga harus hadir kursus ulangan atau ‘refresher courses’ selama satu minggu untuk ‘update’ pengetahuan mereka mengenai perkara-perkara baru dalam industri pelancongan.

Di samping itu, persatuan-persatuan pemandu pelancong juga mengadakan lawatan sambil belajar bagi ahli-ahlinya dari semasa ke semasa. Pemandu-pemandu pelancong yang ingin ‘specialised’ dengan bidang tertentu seperti ‘bird watching’, ‘jungle tracking’, ‘caving’, floral and fauna’ dan sebagainya boleh menghadiri kursus-kursus tersebut yang dianjurkan oleh kementerian. Sesudah kita mengatakan tentang perkara ini, perlu juga diingati bahawa mereka yang ingin menjadi pemandu pelancong ini ialah mereka yang lulus SPM, kelulusan akademik mereka ialah SPM. Oleh yang demikian, bahan-bahan atau perkara-perkara yang dilatih kepada mereka pun adalah setimpal dengan kelulusan itu dan juga setimpal dengan gajinya. Kalau kita mengharapkan pemandu pelancong sepertimana yang disebut-sebutkan oleh sesetengah pihak, mestilah tahu dengan mendalam bila sebut dengan gua, mestilah tahu gua, asal-usulnya dan perkara-perkara yang bersangkutan dengan gua ini dengan lebih dalam.

Saya nampak bahawa kita perlu geologist yang menjadi pemandu pelancong dan untuk itu industri itu tidak mampu untuk hendak membayar khidmat yang sedemikian. Walau bagaimanapun, kita memang mengalu-alukan pihak profesional yang sanggup menjadi pemandu pelancong secara ‘part time’, secara hobi mereka dan ada yang berbuat demikian di beberapa tempat, malangnya terlalu kurang. Oleh yang demikian, kalaulah ada keketakan dalam ilmu pengetahuan pemandu-pemandu pelancong ini, kita harapkan terutama sekali Ahli-ahli Yang Berhormat ini memahami latar belakang mereka. Mereka tidaklah dapat kita anggap – terpijak

sahaja sesuatu perkara, mereka tahu dengan mendalamnya (detail), saya harap kita faham tentang perkara ini.

Beliau juga menyentuh tentang cadangan supaya kawalan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Tanjong Karang bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya hendak buat penjelasan dengan cadangan saya, saya bukanlah bermaksud kalau kata hendak kenalkan gua itu mesti kita ambil pemandu pelancong yang berkelulusan geologi, maksudnya simple sahaja. Misal katalah Batu Caves – Batu Caves ini kalau mengikut sejarahnya kalau kita hendak cerita dengan orang, kononnya kapal si Tanggang yang terletak di Batu Caves ini, kadang-kadang pelancong ini dia suka mendengar cerita-cerita metos kerana yang terlampau akademik ini saya rasa mereka juga boleh membaca, mereka boleh belajar. Jadi macam kita pergi melancong ke negara-negara lain, kita kadang-kadang lebih seronok dengar cerita dari segi metos. Jadi ada kaitannya metos dengan keadaan sekarang, maksud saya begitulah – yang simple, tidak semestilah ambil seorang pakar dalam satu-satu bidang. Terima kasih.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Terima kasih Yang Berhormat, kalau itu Yang Berhormat telah maksudkan, maka perkara itu memang terjawab kerana sekarang ini itulah yang kita lakukan. Mungkin kalau ada satu, dua kes yang mana tidak berkeupayaan menyebut tentang cerita-cerita legenda itu adalah kekurangan kepada pemandu pelancong itu sendiri, jadi sebab itu kita adakan 'refresher courses'. Namun kita perlu juga maklum balas daripada pihak ramai supaya dapat kita pertingkatkan mutu pelajaran yang mereka ikuti ini.

Beliau juga mencadangkan supaya kawalan terhadap pelancong-pelancong asing dipertingkatkan bagi mengelakkan pengaruh negatif. Sebenarnya kementerian berpendapat bahawa peraturan-peraturan serta undang-undang yang sedia ada sudah mencukupi untuk mengatasi masalah yang dibangkitkan ini.

Menyebut tentang penurunan bilangan kedatangan pelancong akibat laporan negatif media asing, ramai Ahli Yang Berhormat telah bercakap tentang perkara ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang sedar mengenai perkara ini, di antara langkah yang diambil bagi mengatasinya ialah mengadakan promosi secara agresif di luar negara. Tetapi kita harus sedar bahawa kos untuk membuat promosi di luar negara cukup tinggi dan dalam perkara yang sama, nilai ringgit kita kurang. Jadi dalam keadaan itu kita masih lagi mengadakan promosi secara agresif.

Keduanya, memberi gambaran penerangan sebenar mengenai keadaan jerebu di Malaysia melalui pelbagai saluran termasuklah internet dan menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Krisis di kementerian sendiri. Tetapi sepertimana yang kita sedar bahawa kebanyakan masalah seperti jerebu ini berpunca daripada luar negara dan kerajaan telah mengambil tindakan melalui kementerian-kementerian yang sesuai bagi mendapatkan kerjasama yang lebih tinggi daripada negara-negara berkenaan. Hari ini kita mendapat makluman bahawa usaha ini sudah mula membuahkan hasil yang diharapkan. Walau bagaimanapun ada juga kegiatan-kegiatan dalam negara kita yang mengakibatkan asap atau menimbulkan jerebu. Langkah-langkah telah diambil oleh kementerian yang berkaitan. Perlu juga disebutkan bahawa menasihatkan rakyat daripada kegiatan-kegiatan yang menimbulkan kerosakan kepada alam sekitar ini adalah kerja semua. Usaha juga patut diadakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat supaya memberi penjelasan kepada rakyat kita, meninggalkan amalan-amalan yang tidak elok dan melaksanakan amalan-amalan yang baik bagi mewujudkan satu keadaan ataupun alam sekitar yang bersih di negara kita ini.

Beliau juga mencadangkan supaya kementerian mengkaji semula sasaran kedatangan pelancong pada tahun 2000. Kita mengalu-alukan pandangan beliau ini dan kita ucapkan berbilang-bersang terima kasih. Atas keadaan yang realistik hari

ini, kita mengakui bahawa ada sedikit masalah untuk hendak mencapai unjuran yang awal itu.

Kita tidak mahu memberi gambaran yang salah, ada masalah terutama sekali dalam industri pelancongan ini apabila sahaja ada cerita-cerita yang negatif tentang negara kita, ia melibat pilihan pelancong-pelancong luar negara yang mahu datang ke sini mereka mempunyai pilihan, mereka tidak tertekan kepada mana-mana peraturan, mana-mana arahan untuk datang ke sini. Jadi dalam pilihan mereka, mereka mengambil satu-satu langkah yang memberi peluang maksimum kepada mereka. Kalau sini tidak selesa mengambil cuti, mereka pergi ke tempat lain.

Oleh yang demikian dengan usaha-usaha yang kita lakukan kita tahu bahawa jumlah pelancong-pelancong yang datang ke negara kita sehingga tahun 2000 akan berkurangan tetapi kita cuba mengusahakan walaupun bilangan mereka kurang kita harap mereka tinggal di sini dengan lebih lama, dengan melayan mereka dengan baik, beri produk-produk pelancongan yang memuaskan dan menekankan kepada pihak swasta bahawa teras industri pelancongan kita ialah kepada good value for money, dengan itu mereka akan berbelanja lebih. Jumlah yang datang mungkin akan berkurangan tetapi setiap seorang akan berbelanja lebih daripada yang dijangkakan. Jadi walaupun bilangannya kurang tetapi ongkosnya sama sahaja sebab itu kalau Yang Berhormat lihat unjuran kepada angka pelancongan kita untuk tahun 2000, pendapatan pertukaran wang asing untuk negara kita adalah sama iaitu RM15.7 bilion, insya-Allah.

Akhirnya beliau bertanya siapakah yang membawa ataupun pendakwaan kepada kes-kes pelanggaran Akta Industri Pelancongan. Mengikut seksyen 40 Akta Industri Pelancongan, pegawai-pegawai kementerian yang diberi kuasa secara bertulis oleh menteri boleh menjalankan pendakwaan di mahkamah. Dengan kata lain, pegawai-pegawai yang menjalankan pendakwaan ialah pegawai-pegawai kementerian sendiri.

Yang Berhormat dari Kepong

Tuan Haji Noh bin Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Tanjong Karang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya hendak meminta sedikit penjelasan, kalau saya tidak silap banyak peraturan dan undang-undang kita telah pinda di mana kuasa-kuasa pendakwaan ini yang dahulunya kita beri kepada pegawai-pegawai kerajaan ini kita telah pinda di mana mengikut Perlembagaan kita pendakwaan hanya boleh dibuat oleh Peguam Negara. Jadi, saya sudah lupa, ada tiga undang-undang yang kita sudah pinda dahulu. Tidakkah nanti pendakwaan ini bercanggah dengan Perlembagaan Negara.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, dari apa yang diberitahu kepada saya mengikut Akta ini itulah yang saya beri jawapan, mungkin perkara-perkara yang detail tentang undang-undang ini tidak datang kepada pengetahuan saya atau terlepas daripada pandangan pegawai-pegawai di kementerian. Walau bagaimanapun pandangan Yang Berhormat itu akan kita ambil kita kerana mengakui hakikatnya bahawa Yang Berhormat sendiri hari ini adalah seorang practising lawyer.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong meluahkan rasa ragu terhadap langkah-langkah jangka panjang kerajaan bagi mengatasi masalah jerebu. Sebelum itu, berbalik kepada masalah itu tadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, pemberian kuasa di bawah seksyen 377 (b) Kanun Tatacara Jenayah telah diberi kepada para pegawai yang diberi kuasa. Mungkin dengan adanya undang-undang itu kita memberikan penerangan seperti yang dibuat tadi.

Menjawab pertanyaan atau pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu kementerian telah pun menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Krisis Pelancongan yang telah disebutkan tadi. Salah satu daripada fungsinya ialah untuk mengatasi masalah yang timbul daripada bencana alam seperti jerebu. Walau

bagaimanapun tanggungjawab ini perlu dipikul bersama oleh Ahli Yang Berhormat juga.

Cadangan supaya kajian menyeluruh dibuat terhadap destinasi pelancongan di negara ini, kementerian telah pun mengadakan kajian dasar pelancongan negara yang mengandungi antara lain perakuan mengenai strategi-strategi pemasaran, destinasi-destinasi pelancongan tertentu. Perkara ini telah dilaksanakan oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia melalui mempromosikan 12 destinasi pelancongan yang dikenalpasti. Selain daripada itu, kementerian juga telah mengadakan National Eco-Tourism Plan (Pelan Induk Eco-Tourism Negara) yang mengandungi perakuan-perakuan untuk membangunkan bidangeco-tourism.

Beliau meminta kementerian memainkan peranan dalam menangani isu KLIA bagi tujuan mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan KLIA. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah pun memberi pandangan-pandangan kepada Kementerian Pengangkutan untuk tindakan kementerian yang berkenaan mengenai masalah-masalah yang berlaku di KLIA seperti kekurangan papan tanda (sign edges), kekurangan kaunter dan juga perkara-perkara lain yang ada kaitannya dengan pelancongan.

Beliau juga menggesa kementerian untuk berunding dengan Kementerian Dalam Negeri bagi melonggarkan keperluan visa untuk pelancong-pelancong dari China dan India. Perkara ini juga diulangi oleh Yang Berhormat dari Tanjong. Tuan Yang di-Pertua, isu ini adalah satu isu lama dan sudah pun diselesaikan. Pihak kementerian telah pun mengadakan beberapa rundingan dan mesyuarat dengan Kementerian Dalam Negeri di mana telah dipersetujui supaya syarat ini dilonggarkan. Makluman terperinci ini mengenai perkara yang disebutkan akan diumumkan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri tidak lama lagi.

Beliau mengemukakan tentang peta yang beliau rujuk tidak tepat. Oleh yang demikian beliau menganggap bahawa peta-peta pelancongan masih tidak memuaskan. Berdasarkan kepada kajian Dasar Pelancongan Negara, kementerian

telah pun mengadakan 6 zon pembangunan pelancongan di negara ini iaitu Kuala Lumpur, Melaka, Barat Laut Semenanjung, Johor Tenggara, Pantai Timur, Sabah - Labuan dan Sarawak - Mulu dan Santubong. Selain daripada itu peta-peta yang disediakan oleh syarikat-syarikat swasta terutama syarikat minyak seperti Shell, Caltex, Mobil ada di pasaran dan boleh didapati dengan mudah di mana-mana sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik kepada jawapan daripada Yang Berhormat tadi. Yang pertama mengenai prosedur imigresen, kalau perkara itu sudah selesai, mengapa kita masih tunggu kenyataan dari pihak imigresen. Ini memang bermakna masalah masih tidak lagi diselesaikan. Adakah Yang Berhormat akan mempertimbangkan cara-cara supaya kita memberi latihan kepada pegawai-pegawai imigresen dan sebagainya supaya mereka lebih sopan santun. Sebab kalau Yang Berhormat sendiri pergi ke luar negara ataupun pergi ke jabatan-jabatan ini, Yang Berhormat kalau tidak dikenali oleh pegawai-pegawai ini maka nampaknya tidak begitu sopan kadangkala. Ini memang satu perkara yang sangat mustahak.

Mengenai peta-peta itu, saya mencadangkan supaya Yang Berhormat pergilah beli peta-peta ini, kemudian kita semak. Yang Berhormat sendiri sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan pergi memandu kereta, dengan perlahan-lahan jangan cepat sangat, kita tengok, ikut peta itu, kadangkala nama tempat pun tidak ada. Kita nampak macam mana tidak ada, sebab saya ada pengalaman.

Seorang Ahli: Penjelasan, penjelasan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana tidak ada di dalam peta ini. Sebab lama tidak ada orang bangkitkan mengenai peta kita, sebab itu saya bangkitkan kali ini. Dan Yang Berhormat mestilah buat sendiri. Sebagai Setiausaha Parlimen, beli

semua peta di dalam 4 zon atau 6 zon, tidak kiralah. Kemudian pergi melancong sendiri, barulah dapat tahu apakah masalahnya. *[Ketawa]*

Dato' Mohd. Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan tindakan melonggarkan visa ini, Ahli Yang Berhormat dari Kepong musykil bagaimana tidak ada pengumuman. Saya ingin menjelaskan kepada beliau, kadang-kadang kita tidak hendak mencari publicity. Kita boleh lakukan kerja dulu. Tidak semestinya kerajaan, tiap-tiap perkara yang hendak buat kerja itu, mesti dilaungkan dahulu, tidak begitu, kita tekankan kepada pelaksanaannya. Kita minta maaflah bahawa dalam hal ini Kepong pun begitu minat sahaja, saya pun tidak tahu siapakah di negeri China ini yang susah hendak datang ke sini, yang ada kepentingan dengan Kepong sendiri.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepong bangun.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Saya belum habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu bagi.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: sehinggakan beliau ingin sangat kepada pengumuman itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan ingin sangat, saya beri dia penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia tidak mahu beri jalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak mahu.

Seorang Ahli: Duduk dulu. *[Ketawa]*

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Semasa Yang Berhormat bertanya kepada saya, saya sabar menunggu sampai habis. Ini saya hendak jawab, sabarlah dulu. Saya hendak jawab sampai habis juga. Dahulu pun saya selalu tekankan di dalam Dewan ini, kita kena menjaga tatasusila kita, sopan santun. Saya hormati Yang

Berhormat, nanti kejap lagi kalau Yang Berhormat hendak bertanya, saya beri jalan juga. Tetapi saya hendak jawab tentang perkara peta ini.

Mengikut laporan yang kami dapat, kita tahu bahawa peta ini memang baik mutunya. Bukan sahaja peta yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat minyak ini tetapi ada juga syarikat swasta yang membukukan peta ini. Cuma Yang Berhormat sahaja yang tidak jumpa lagi dengan peta ini. Saya sendiri telah merasmikan satu peta yang comprehensive tentang negeri kita, setiap jalan, setiap lorong ada, tetapi Yang Berhormat tidak ada. Saya sendiri rasmikan, muka saya keluar dalam surat khabar termasuk juga dengan peta itu, tetapi Yang Berhormat tidak baca surat khabar itu.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat jangan bandingkan pengetahuan Yang Berhormat tentang pelancongan domestik dengan saya. Kalau saya pergi ke mana-mana tidak perlu peta, saya tahu tempat itu. Jadi tidak payah Yang Berhormat ajak saya pergi dan ikut peta, tidak payah. Saya pergi tidak payah peta, saya sampai ke situ, saya tahu. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang pertama kerana nenek moyang saya sudah datang pada awal 1820 ataupun 1790 - saya pun tidak tahulah, berapa lama sudah, sebab itu saya tidak ada orang di negara China, tidak ada langsung. Memang tidak ada langsung. Yang keduanya, mengenai peta ini - walaupun Yang Berhormat mengatakan beliau tidak perlu peta, saya percaya misalnya di negeri Kelantan ataupun di Terengganu, saya percaya Yang Berhormat banyak kampung, banyak tempat, banyak bandar itu, tidak tahu langsung, pekan-pekan pun tidak tahu langsung. Ha... UMNOkah? UMNO tahu macam mana. Kalau tahu di kampung-kampung itu, tidak akan kalah. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat Kepong hendak minta penjelasankah?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan apa dia.

Seorang Ahli: Jangan merapulah.

Dr. Tan Seng Giaw: Minta penjelasanlah, sama ada Yang Berhormat tahu semua tempat. Bahkan juga di Negeri Sembilan sendiri saya percaya ada tempat yang tidak tahu.

Seorang Ahli: Dia cabar Yang Berhormat. *[Ketawa]* Dia Kepong pun dia tidak tahu.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan atau saya tidak membawa maksud bahawa pelancong-pelancong tidak perlu kepada peta. Yang saya katakan berbanding di antara Yang Berhormat Kepong dengan saya, pengetahuan kita mengenai domestic tourism, saya rasa, saya lebih tahu. Saya tidak mengatakan orang lain pun mesti pandai macam saya sehinggakan tidak perlukan kepada peta lagi. Peta perlu dan saya mengatakan bahawa peta yang ada ini pun cukup mutunya, mungkin ada yang perlu diperbaiki, memang kita di kementerian mengalu-alukan sebarang yang elok itu memang boleh dicari jalan untuk dielakkan lagi. Itu memang ada. Setiap yang baik itu ada yang paling baik dan boleh dicari pada tahap itu.

Ahli Yang Berhormat juga menyentuh tentang KIK Malaysia di Tanjong Pagar. Daripada segi pelancongan kita menekankan bahawa khidmat kita di semua pintu masuk di negara ini mestilah baik dengan pegawai-pegawai yang bersopan santun. Masalah tempat itu adalah ditentukan oleh satu kementerian yang lain dan kalau sekiranya tempat itu telah ditetapkan, kita akan berikan khidmat yang memuaskan, yang baik di situ. Bukan sahaja di pintu masuk Singapura tetapi di semua pintu masuk, termasuklah pintu masuk di Sarawak dan Sabah dan di utara Semenanjung Malaysia.

Wakil dari Bandau memandang bahawa pindaan Akta Industri Pelancongan yang mensyaratkan bon/jaminan bank deposit bagi pakej ke luar negara bertentangan pula dengan dasar kerajaan untuk menggalakkan pelancongan inbound dan mengurangkan pelancong outbound.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar syarat ini bertentangan dengan dasar pelancongan negara. Syarat yang baru ini akan memberi kebaikan, antaranya ia memberi jaminan dan menjaga kepentingan pelancong-pelancong Malaysia sekiranya mereka terkandas di luar negara, menjaga imej negara dan mewujudkan suasana bahawa hanya syarikat-syarikat pelancongan yang efisien dan berkemampuan sahaja yang akan sanggup menjalankan pakej outbound ini.

Kita perlu menjaga nama baik industri pelancongan kita sama ada yang akan melaksanakan kegiatan untuk keluar ataupun terutama untuk pelancong-pelancong datang ke sini kerana syarikat-syarikat ini selalunya mengendalikan kedua-dua aspek kegiatan pelancongan ini.

Beliau bertanya apakah halangan-halangan bagi kemasukan pelancong asing ke Malaysia dan langkah-langkah kementerian untuk mengatasinya. Beberapa langkah yang telah dilaksanakan termasuklah menghapuskan keperluan visa bagi semua negara kecuali beberapa negara tertentu termasuklah negeri China dan India serta mempertingkatkan kemudahan accessibility melalui pembangunan infrastruktur seperti KLIA, KTM, pelabuhan dan sebagainya.

Beliau menyebut tentang perlunya agro dan eco-tourism ditekankan dalam menonjolkan tarikan-tarikan pelancongan di negara ini. Perkara ini memang telah dilakukan oleh kementerian melalui penggubahan Pelan Induk Eko-Pelancongan Kebangsaan (National Eco-tourism Plan). Pelaksanaan dasar open sky policy masih lagi tidak memuaskan mengikut pandangan beliau kerana pelancong-pelancong ke Sabah dan Sarawak masih lagi datang menerusi bandar-bandar besar Semenanjung Malaysia dan tidak datang terus ke Sabah dan mungkin tidak memberi peluang kepada semua yang mahu pergi ke sana.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat penerbangan yang sedia ada sekarang ini, kementerian telah diberitahu bahawa syarikat-syarikat ini mampu memberi khidmat yang cukup kepada pelancong-pelancong untuk pergi ke Sabah, Sarawak dan balik. Di samping itu ada juga chartered flight yang membawa pelancong-pelancong dari negara-negara asal mereka terus ke Sabah dan Sarawak.

Wakil dari Jerlun menyentuh tentang penyelenggaraan produk-produk pelancongan yang masih

Tuan Robert Lau Hoi Chew: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, Sibu bangun.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata ada chartered flight membawa pelancong-pelancong ke Sabah dan Sarawak. Saya ingin bertanya tentang perkara ini kerana saiz Sarawak begitu besar, lebih kurang sama besar dengan Semenanjung, tetapi pintu masuk hanya satu kota sahaja, satu bandar iaitu Kuching untuk flight dari negara asing, apakah sebabnya kerajaan sehingga sekarang tidak memberikan izin untuk aircraft dari negara asing membawa pelancong-pelancong ke bandar-bandar utama di Sarawak seperti Kuching, Miri, Sibu kerana sekarang kalau hanya satu pintu masuk tidak mencukupi kerana geographically terlalu besar dan kalau boleh menimbangkan semula perkara ini. Sekian.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, kami dari kementerian memang menghargai harapan Ahli Yang Berhormat dari Sibu supaya lebih ramai pelancong dapat pergi terus ke bandar-bandar di seluruh Sarawak. Walau bagaimanapun, saya tidak berkemampuan untuk menjawab tentang perkara itu kerana sepertimana Ahli Yang Berhormat maklum bahawa perkara-perkara berkenaan kelulusan mendapatkan penerbangan ini adalah dalam bidang kuasa kementerian yang lain. Walau bagaimanapun, kementerian merakamkan hasrat Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Jerlun menyentuh tentang penyelenggaraan produk-produk pelancongan yang masih tidak memuaskan kerana ianya di bawah kuasa kerajaan tempatan atau kuasa-kuasa tempatan. Kementerian sedar tentang wujudnya beberapa masalah di dalam hal ini dan telah pun mengambil tindakan dengan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Dan Penggalakan Pelancongan Kebangsaan setiap tiga atau empat bulan sekali setiap tahun bagi

menyelaraskan kegiatan-kegiatan pelancongan antara peringkat negeri dengan kementerian. Kita dapati bahawa melalui mesyuarat-mesyuarat ini banyak perkara dapat diselesaikan dengan memuaskan.

Beliau juga mencadangkan supaya lebih banyak kursus diadakan untuk pekerja-pekerja hotel dan restoran. Kementerian memang mengadakan kursus-kursus di seluruh negara seperti kursus Front Liner, kursus Super Host, kursus pemandu teksi, kursus kakitangan agensi pelancongan, kursus pegawai-pegawai kerajaan seperti pegawai-pegawai kastam dan imigresen bagi meningkatkan prestasi perkhidmatan yang disediakan dan kita harap pihak-pihak lain juga mengendalikan kursus-kursus yang bertujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah bercakap semalam dan hari ini. Di antara ucapan beliau dua perkara, dua perkataan yang dapat menangkap pemikiran saya ialah tentang tuduhan beliau bahawa industri pelancongan negara dalam zaman kegelapan untuk setahun, dua tahun ini dan juga ia mengatakan dalam satu keadaan krisis.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan persepsi ini bahawa kita akui ada sedikit masalah dalam industri pelancongan terutama sekali dalam keadaan ekonomi negara yang terdapat pada hari ini tetapi tidaklah dapat kita katakan zaman industri pelancongan melalui satu zaman yang gelap atau berhadapan dengan satu krisis. Ia merupakan satu masalah yang kita akan atasi dan untuk itu, kita terpaksa membuat adjustment, dengan izin, sebab itu kita telah membuat pembetulan kepada fokus kita dan walau bagaimanapun, dalam hal ini hasilnya sepertimana yang disebutkan tadi ialah pendapatan negara yang tidak jatuh untuk tahun 2000 sepertimana yang kita target.

Kita juga ingin menekankan tentang dasar Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Kita memang mengalu-alukan dan menarik minat pelancong-pelancong dari luar negara datang ke sini. Oleh yang demikian, kita mengadakan pelbagai usaha termasuklah promosi di dalam pelbagai bentuk. Hasilnya semua tahu bahawa kedatangan pelancong ke negara kita ini bertambah baik.

Walau bagaimanapun, apabila disebut tentang hubungan antara Singapura dengan Malaysia, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menyatakan bahawa seolah-olah menteri atau mana-mana pihak dalam Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tidak menggalakkan ataupun menyukarkan rakyat Singapura datang melancong ke sini. Ini adalah satu tanggapan yang paling jahat kepada kementerian. Yang kita tekankan bukan kepada pelancong-pelancong Singapura, kita memberi ataupun melayan mereka dengan baik dan sentiasa memberikan sambutan kepada kedatangan mereka dan untuk itu kita dapati bahawa pelancong-pelancong dari Singapura terus datang.

Kalau kita ulangi balik kita lihat bagaimana mulanya Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan terlibat mengenai hubungan Singapura dengan Malaysia ini ialah beliau dengan hasrat dan niat yang baik menyebut bahawa "*dalam brochures yang dikeluarkan oleh pihak tertentu di Singapura berkenaan dengan lawatan-lawatan untuk Ahli-ahli Rotary yang akan bersidang dan bermesyuarat di sana nanti terdapat dalam brochures ini tidak ada langsung program-program untuk melawat Semenanjung Malaysia*". Kita di kementerian menerima permintaan dan pertanyaan untuk mereka datang ke sini. Oleh yang demikian kita berniat baik dan bertanya "*Mengapa tidak diwujudkan pakej-pakej itu sedangkan pakej-pakej ke negeri lain ada*". Ini kita sebutkan dengan rasa penuh bertanggungjawab dan dalam semangat setiakawan tetapi kadang-kadang perkara ini disalahtafsirkan oleh mereka yang mungkin ada dalam pemikirannya sudah ada niat yang tidak berapa baik bertentangan dengan niat kita. Kita bercakap dengan niat baik tetapi penerima mungkin kerana ada preconceive ideas yang tidak baik menganggap percakapan kita yang baik pun jadi tidak baik juga.

Dalam hal ini saya ingin menekankan lagi bahawa Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan semua pegawai yang terlibat mengalu-alukan kedatangan pelancong-pelancong dari Singapura datang ke sini dan tinggal di Malaysia seberapa lama yang dibolehkan oleh pihak Imigresen dan berbelanja

dengan seberapa banyak yang boleh. Kalau boleh bawalah duit simpanan yang ada di sana datang ke sini untuk dibelanjakan. Perlu juga saya sebutkan di sini bahawa kementerian

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: [*Bangun*].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, Sipitang bangun.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: ...ya, nanti sekejap, kementerian memberi kebenaran kepada syarikat-syarikat pelancongan Singapura beroperasi dan membawa pelancong-pelancong mereka ke sini dan kita menyokong kepada pengeluaran permit-permit bas air-cond yang besar-besar untuk syarikat Singapura membawa pelancong-pelancong ke sana datang ke sini. Itulah antaranya yang dapat disebut sepintas lalu berkenaan dengan hasrat kita yang sedia bekerjasama dengan pihak di sana.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dalam dasar yang dibentuk tadi apakah kementerian telah memikirkan atau memasukkan soal promosi yang lebih agresif? Contohnya membuat filem-filem dokumentari yang mempunyai sangkut paut dengan eco-tourism. Kalau kita lihat sekarang di Astro melalui Discovery channel kita melihat promosi pelancongan eco-tourism di mana kebanyakan filem-filem yang ditayangkan adalah dari Australia, Amerika atau kawasan Carribean. Jarang sekali kita melihat filem-filem di Malaysia, contohnya saya selalu mengikuti filem memancing iaitu sukan yang digemari ramai oleh rakan-rakan dari Jepun, Taiwan dan Australia yang ditayangkan adalah di Canes, Brisbane (Sydney) dan Walker Skay (Amerika). Saya belum melihat filem dokumentari memancing di Layang-layang ataupun Pulau Sipadan yang jarang sekali ada. Apakah kementerian memikirkan ada peruntukan khas atau insentif untuk membuat filem-filem dokumentari ala eco-tourism yang mana ini lebih mendedahkan Malaysia di mata dunia, lebih-lebih lagi memastikan

bahawa ia disiarkan dalam Discovery channel ataupun National Geographic, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, apakah juga kementerian ada membuat perundingan atau persefahaman dengan Kementerian Penerangan supaya perkara-perkara ini diberikan peruntukan khas dalam dasar yang dibuat.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada keprihatinan Yang Berhormat dari Sipitang kerana memberi - kita mengeluarkan filem-filem yang disebutkan tadi. Sebenarnya kita sentiasa mengeluarkan filem-filem yang begitu dan setiap tahun ada filem-filem baru yang dikeluarkan dengan mengisahkan atau memaparkan tempat-tempat pelancongan di negara kita termasuklah culture eco-tourism, produk-produk pelancongan di pantai dan juga marine light.....

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, Kepong bangun pula.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: ...mungkin sehingga kini Yang Berhormat belum jumpa lagi dan kalau sekiranya Yang Berhormat berminat hendak melihatnya boleh hubungi kita dan kita akan

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*].

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ada dua orang bangun, Yang Berhormat. Batang Lupar dan Kepong. Kepong bangun dahulu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Batang Lupar dahululah....

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan, saya dahulu...

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tidak apalah, beri dia dahulu.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan, batang yang terlupa jangan buat macam itu, mencerobohi ... [*Ketawa*].

Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya ada dengar jawapan mengenai filem-filem dokumentari yang dimaksudkan oleh Sipitang. Itu memang satu komen yang baik. Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar di dalam filem-filem ini memang dibuat oleh pakar-pakar dan dengan bukti yang cukup untuk mengesahkan sesuatu mengenai kehidupan liar dan kawasan sejarah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat pertimbangkan mengenai Pulau Sipadan, misalnya kerana ini merupakan satu eco-tourism yang terkemuka dan pada masa ini terjejas sedikit mengenai alam sekitar kerana ada faktor-faktor tertentu dan ada sebahagian batu karang yang mati, sebab itu kita mesti berjaga-jaga. Walau bagaimanapun bolehkah kita mengundang pakar-pakar mengenai hidupan laut untuk membuat dokumentari mengenai pulau-pulau seumpama ini, contohnya satu filem untuk satu jam atau satu setengah jam dengan kehidupan

binatang-binatang yang menarik, flora yang cantik untuk ditayangkan di dalam Discovery dan channel TV yang lain.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kepong, bahawa kita memang ada mengeluarkan filem-filem ini, walau bagaimanapun kita tidak mengatakan bahawa produksi kita itu up-to-date, mungkin dengan cadangan ini kita akan up-date filem-filem kita.

Berkenaan dengan Pulau Sipadan, Ahli Yang Berhormat menyebut Pulau Sipadan ini, Pulau Sipadan ini kita telah memulangkan perkara ini kepada pihak antarabangsa untuk menentukannya, oleh yang demikian Yang Berhormat janganlah berbincang atau mempromosikan Pulau Sipadan ini kerana masih dalam pertimbangan, belum ada keputusan lagi dan perkara-perkara yang di dalam pertimbangan ini kita menghormati persefahaman kita dengan negara-negara jiran. Jadi jangan Ahli Yang Berhormat kata kita hendak mempertingkatkan industri pelancongan di Pulau Sipadan dan sebagainya. Nampaknya Yang Berhormat ini tidak up-date sikit pengetahuan Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, saya ingin minta penjelasan kerana pada hari ini tadi, pukul 12.00 tengah hari saya ada berbincang dengan filem crew daripada Sweden yang membuat penggambaran batu karang di kawasan Semporna dan saya juga bertanya di manakan filem-filem ini akan ditunjukkan nanti?. Dia kata, melihat kepada langganan. Jadi soalan saya, Yang Berhormat, ialah banyak orang dari luar negara - mereka yang semacam saya jumpa tadi ada actress dia sendiri, ada filem crewnya sendiri, ada saintisnya sendiri, saya berjumpa dengan dia, jadi mereka berangkat daripada Malaysia hari ini, dia berjanji akan balik, saya jemput dia datang ke Mulu buat penggambaran. Jadi persoalan saya, apakah kementerian bercadang untuk menyenaraikan ada orang kalau dapat maklumat daripada pihak Imigresen dan

sebagainya, umpamanya satu penggambaran, kerana kuasa-kuasa tempatan akan memberi kebenaran atau meluluskan kebenaran untuk mereka ini bergambar, jadi mungkin kita dapat data dan maklumat orang ini, kita boleh dapat dan berhubung kembali pada mereka kerana kita hendak tahu apa yang digambar sama ada cerita yang dia tunjukkan dalam gambaran itu menunjukkan gambaran yang positif ataupun menunjukkan perkara-perkara negatif. Kerana saya juga difahamkan iaitu di laut Semporna itu oleh kerana banyak nelayan kita yang menggunakan bom dan mengebomkan batu karang, mungkin ini juga menunjukkan satu perkara negatif kepada Malaysia dan kita sepatutnya tahu walaupun mereka menunjukkan pada saya beautiful, fantastic - perkataan superlative yang digunakan tapi kita kena tahu juga apa filem-filem yang mereka buat. Terima kasih.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan kepada pendapat Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar dan sebagai sepintas lalu saya yakin bahawa sebarang perfileman daripada mana-mana pihak yang dilakukan di negara kita perlulah mendapatkan kebenaran daripada kuasa-kuasa tertentu di negara ini. Oleh yang demikian saya yakin bahawa mereka yang menjalankan kegiatan itu mengikuti peraturan-peraturan yang ada berkuatkuasa dalam negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar menyebut tentang perlunya industri pelancongan kita dianggotai oleh mereka yang friendly yang ramah dan ini termasuklah frontliners pekerja-pekerja di hotel dan juga sebagai pemandu-pemandu pelancong. Sememangnya perkara ini kita lakukan, Yang Berhormat, dan kita harap makluman-makluman yang boleh dapat mempertingkatkan usaha kita, dapat Yang Berhormat berikan kepada kita dan kita setuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa pemandu pelancong seboleh-bolehnya jangan melibatkan pendirian politik mereka kepada pelancong-pelancong yang datang kerana kebanyakan pelancong yang datang tidak berminat dalam aliran ini.

Mungkin pelancong-pelancong yang datang khusus melalui Ahli Yang Berhormat dari Kepong berbuat demikian, walau bagaimanapun saya masih lagi memberi pandangan yang elok kepada semua sehingga kita dapat maklumat-maklumat yang tepat bahawa mereka ini datang berpolitik di sini.

Pada Ahli Yang Berhormat dari Bintulu yang menekankan tentang kemudahan-kemudahan asas kepada tempat-tempat pelancongan di Sarawak supaya kemudahan-kemudahan ini dapat dipertingkatkan dan dengan itu dapat membawa lebih ramai lagi pelancong sampai ke sana. Memang begitulah juga hasrat kita dan kerajaan pada keseluruhannya sentiasa membawa pembangunan ke sana dan sedikit demi sedikit tetapi dengan nyata bahawa kemudahan-kemudahan ini makin bertambah.

Ingin juga saya ulangi tentang peribahasa Inggeris yang menyebut bahawa saya ingin nyatakan kepada Yang Berhormat dari Bintulu bahawa peribahasa ini berbunyi bahawa 'Kota Rome itu tidak dibina dalam masa satu hari sahaja'. Jadi dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ..

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun Yang Berhormat. Yan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan sama ada pandangan ini baik atau tidak iaitu seperti kita sedia maklum kadang-kadang kerajaan negeri tidak begitu mahu bekerjasama dengan pihak pelancongan supaya kawasan-kawasan mereka ini dijaga dengan baik. Kadang-kadang peruntukan dari pusat kita hantar untuk kita bangunkan kawasan pelancongan tetapi dari segi penyelenggaraan di kawasan-kawasan tersebut dibiarkan begitu sahaja sehingga ini menyebabkan tidak begitu menarik lagi untuk para pelancong. Jadi bolehkah Yang Berhormat mencadangkan supaya kawasan-kawasan ini diswastakan kepada penduduk-penduduk setempat, kepada organisasi-organisasi sukarela ataupun syarikat-syarikat supaya penyelenggaraan tempat ini akan menjadi lebih bersih dan akan dapat

mengekalkan tarikan pelancong kepada kawasan-kawasan pelancongan tersebut.
Terima kasih

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Yan bahawa kementerian memang menekankan tentang kebersihan-kebersihan tempat-tempat pelancongan di negara kita dan tandas-tandas di merata-rata tempat di negara kita ini, di semua tempat, kerana ini adalah salah satu perkara yang menentukan sama ada pelancong itu akan datang semula atau tidak.

Dalam hal tempat-tempat ini berada di negeri-negeri dan juga kawasan-kawasan di bawah bidang kuasa kerajaan tempatan, melalui mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras dan Pengalakan Pelancongan Kebangsaan ada menyebut dan menekankan perkara ini dan kita harap mereka ini mengambil tindakan yang sewajarnya. Kita pulangkanlah kepada kebijaksanaan pihak-pihak yang terlibat untuk mengendalikan isu-isu ini sebaik mana yang mungkin selaras dengan tempat-tempat itu sendiri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah yang dapat saya ulas dan dalam perkara-perkara yang mana tidak sempat saya ulas, saya memberi pengakuan bahawa pihak kementerian akan mengambil perhatian dan memberi pertimbangan yang sewajarnya. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]
mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 5 -

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Teluk Intan. Sila, Yang Berhormat.

5.11 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Tuan Pengerusi, ...

Seorang Ahli: Hei, tambu mahu baliklah.

Tuan M. Kulasegaran: Baliklah, jangan duduk di sini. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila, sila teruskan.

Tuan M. Kulasegaran: Tidak ada modal hendak cakap, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, boleh saya dapat penjelasan mengenai Fasal 2 di mana dikatakan:

*“(3) bagi semua pakej pelancongan ke luar negeri, pengendali pelancongan berlesen hendaklah -
(a) membeli polisi insurans;”*

Bolehkah Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen memberitahu, bilakah pihak yang berkenaan perlu membeli polisi insurans tersebut dan dengan siapakah mereka perlu melaporkan bahawa pembelian itu telah dibuat dan siapa dapat mengesahkan bahawa pembelian itu adalah terikut kepada kaedah-kaedah tertentu dan adakah ini hanya kepada pihak-pihak pelancongan luar negeri dan bukan untuk pakej dalam negeri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Setiausaha Parlimen.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pertanyaan itu ingin saya maklumkan bahawa pemegang-pemegang lesen pelancongan ini perlu memperbaharui lesen-lesen mereka pada tarikh yang tertentu. Oleh yang demikian, kita ada cara yang banyak untuk mengendalikan perkara ini. Tetapi akhirnya kita dapat memastikan semua orang perlu mengikuti kerana pada

mereka yang ingin memperbaharui lesen mereka, semua perkara ini terpaksa dibentangkan kepada kementerian. Dan semasa saya membentangkan Rang Undang-undang ini saya ada mengatakan bahawa keperluan ini hanya dikenakan untuk mengendalikan pakej-pakej pelancongan luar negeri, dalam negeri undang-undang yang lain berkuatkuasa. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran: [*Bangun*]

Seorang Ahli: Dei!

Tuan M. Kulasegaran: Peraturan Mesyuarat 41(e), apa ini pengacau, tak tahu peraturan. Terima kasih Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu mengenai polisi insurans juga yang dihuraikan di sini dan seperti yang telah dinyatakan polisi insurans adalah untuk pihak-pihak mereka yang terkandas di luar negeri. Apakah makna ‘terkandas’, adakah ia tertakluk kepada pihak-pihak di mana diaturkan untuk pelancongan tidak terjadi di luar negeri atau kalau katakan pihak-pihak yang telah berlepas ke luar negeri akan tetapi hotel-hotel dan servis itu tidak memuaskan, adakah ia merangkumi semua ini?

Dato’ Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Pengerusi, saya rasa saya tidak payah jawablah. Ahli Yang Berhormat ini seorang lawyer tetapi tidak faham juga tentang perkataan-perkataan itu, sepatutnya dia faham dan tidak perlu saya jawab.

Tuan M. Kulasegaran: Penjelasan

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kalau hendak bincang fasal itu, biar Yang Berhormat bincangkan sekali. Jadi biar dia sekali jawab.

Tuan M. Kulasegaran: Boleh saya habis, saya ada ..

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Fasal yang ke berapa Yang Berhormat?

Tuan M. Kulasegaran: Fasal 3 subseksyen (3)(b) di mana yang berbunyi:

“(b) menyebabkan bayaran deposit dalam bentuk”

Boleh saya dapat penjelasan, bila pembayaran ini dibuat adakah apa-apa kaedah berapa yang perlu dibayar dan bilakah bayaran ini perlu dibayar dan bila

dibayar ini, adakah pihak-pihak yang dapat menuntut ini macam mana pihak-pihak yang katakan terkandas ini akan dapat menuntut, siapa yang akan dapat menentukan berapakah bayaran yang akan dibayar bila mereka terkandas. Kerana saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bahawa ada satu kes yang tertentu Jarvis & Swan Tours yang sedia ada dari segi common law yang terpakai di negara ini juga. Jadi membawa satu perkara macam ini tidaklah satu perkara yang luar biasa.

Jadi dengan ini saya percaya apa yang dicadangkan ini akan mengikat kes tersebut. Jadi apakah keadaan dalam situasi itu?

Selain itu, Tuan Pengerusi saya ingin katakan jawapan yang diberi sebelum ini perlu dihuraikan dengan penuh, apa itu maknanya terkandas. Itu perlu kerana kalau kita bawa kes ini ke mahkamah esok hari apa intention pada setakat ini adalah mustahak.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Pengerusi, kalau Ahli Yang Berhormat tidak faham tentang bahasa-bahasa dalam Rang Undang-undang ini. Yang Berhormat patut pergi ke universiti lagilah, belajar kerana nampaknya Yang Berhormat seorang sahaja yang tidak faham manakala yang lain semuanya faham belaka dan bersetuju dengan Rang Undang-undang ini.

Fasa 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.19 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 dibaca kali yang

kedua sekarang. Rang Undang-undang ini meminta supaya Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 dipinda dalam Jadual Pertama dengan memasukkan selepas perenggan 12, satu perenggan baru iaitu perenggan 13(1) dan (2) sebagaimana Rang Undang-undang yang dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 menyenaraikan jenis projek-projek dan pelaburan yang boleh dibiayai daripada dana kumpulan wang tersebut. Namun demikian, perbekalan yang sedia ada tidak merangkumi penyaluran peruntukan daripada kumpulan wang tersebut kepada syarikat atau mana-mana entity yang dibenarkan untuk tujuan menyokong atau memulihkan pembangunan sistem perbankan dan kewangan Malaysia.

Dewan yang mulia ini telah pun meluluskan penubuhan sebuah syarikat pengurusan aset iaitu Pengurusan Danaharta Nasional Berhad yang bertujuan untuk mengambalih hutang-hutang yang tidak berbayar dan aset-aset bermasalah daripada sistem perbankan negara sebagai satu langkah memperkukuhkan kewangan negara. Syarikat tersebut memerlukan sejumlah dana sebagai modal saham berbayar dan bagi menampung kos penubuhan serta keperluan para operasinya.

Justeru itu adalah amat perlu pindaan-pindaan yang sewajarnya dibuat ke atas Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 bagi membolehkan kerajaan menyalurkan peruntukan daripada Kumpulan Wang Pembangunan kepada Danaharta. Jumlah pemberian dana yang akan disalurkan kepada Pengurusan Danaharta Nasional Berhad akan dibuat secara berperingkat berasaskan keperluan mudah tunai oleh Danaharta. Bagi keperluan seterusnya sumber kewangan Danaharta akan dibuat melalui terbitan bon pasaran-pasaran modal domestik dan antarabangsa yang akan dijamin oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 dibaca kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas. Ya, Tanjong.

5.22 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, pada 20 Julai, Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas mengumumkan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara yang disediakan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara. Hari seterusnya pada Jumaat 24 Julai, saya berkata bahawa PPEN atau Pelan Pemulihan Ekonomi Negara telah gagal dalam ujian pertamanya kerana tidak berupaya merangsangkan keyakinan pasaran sungguhpun Yang Berhormat Menteri membuat pengumuman secara optimistic. Ini dapat dibuktikan dari Indeks Komposit BSKL yang mencapai tahap paling rendah pada akhir dagangan hari Jumaat itu, sejak setahun lama krisis ekonomi berlarutan.

Semasa pasaran ditutup pada 24 Julai, Indeks Komposit BSKL telah jatuh 1.54% atau sebanyak 6.51 mata berbanding dengan hari sebelumnya tutup pada 415.40 mata. Tahap paling rendah yang pernah dicapai oleh BSKL sejak setahun berlarut krisis ekonomi adalah 421.31 mata pada 13 Julai, 421.91 mata pada 22 Julai, 415.40 mata pada 23 Julai. Lebih buruk lagi dari tahap terendah yang pernah dicapai oleh BSKL pada 12 Januari, di mana ia jatuh ke 477.57 mata pada 12 Januari, iaitu lebih kurang pada masa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata-kata mengenai pemulihan ekonomi negara di antara 6 sampai 12 bulan dan Presiden MCA merangkap Menteri Pengangkutan pula berkata-kata tentang kemungkinan pemulihan ekonomi dalam masa 3 bulan iaitu pada April tahun ini.

Pada hari berkenaan saya telah membangkitkan satu pertanyaan sama ada PPEN yang disediakan oleh MTEN akan berjaya menghalang IK BSKL dari menjunam melepasi satu lagi perintang psikologi iaitu lebih rendah dari 400 mata, memandangkan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri tahun lepas

semasa Indeks Komposit BSKL berada pada lingkungan 800 mata bahawa Indeks Komposit BSKL telah dinilai kurang dari nilai sebenar, dan menasihatkan rakyat Malaysia supaya memasuki pasaran saham untuk mendapatkan barang murah.

Saya tidak pernah menjangka bahawa pertanyaan saya itu akan dijawab 5 hari dagangan selepas itu di mana Indeks Komposit BSKL pada 29 Julai, telah menjunam ke mata 385.97 yang tidak tersangka sebelum itu, iaitu tahap paling rendah dalam tempoh 9½ tahun. Jelas sekali, PPEN sedang menghadapi krisis keyakinan memandangkan dalam kesemua 8 hari perdagangan sejak penerbitannya Indeks Komposit BSKL telah jatuh ke tahap paling rendah bukan hanya sejak krisis ekonomi selama setahun malah merupakan tahap paling rendah dalam tempoh 9½ tahun.

Sebagai contohnya pada hari semalam Indeks Komposit BSKL telah jatuh ke satu tahap paling rendah iaitu 385.53 lebih rendah dari tahap pada 29 Julai, iaitu 385.97 mata. Dan semasa pasaran tutup Indeks Komposit telah jatuh sebanyak 16.38 mata dari tutup pada 386.27 mata. Saya rasa tidak ada mana-mana pelan yang bertujuan untuk memulihkan ekonomi negara dari krisis ekonomi yang serius dan berlarutan di mana-mana. Negara dunia ini pernah menghadapi reaksi yang begitu buruk dari pasaran, keadaan ini bukan hanya digambarkan dalam pasaran saham malah dalam pasaran mata wang kerana Ringgit Malaysia terus jatuh nilainya di antara kadar 4.120 dan 4.1650 berbanding Dollar Amerika pada masa tutup dagangan dalam 8 hari ini.

Dalam 8 hari sejak penerbitan PPEN Indeks Komposit BSKL telah rugi 35.624 mata dari 421.91 mata Rabu lepas menjadi 386.27 mata hari semalam – satu kegagalan besar bagi PPEN dalam usaha memerangi perang pemulihan kenyataan ini. Dari keyakinan ini, dari tahap paling tinggi iaitu 1,271 mata pada 25 Februari 1997, Indeks Komposit BSKL telah menjunam menjadi 385.97 mata pada 29 Julai

1998, satu kerugian lebih kurang 886 mata atau lebih kurang 70% dari tahap paling tinggi pada tahun 1997 capitalisation pasaran. Kedua-dua Papan Utama dan Papan Kedua adalah RM917 bilion, tetapi ini telah berkurang menjadi RM250.97 bilion pada 29 Julai 1998, kerugian mencemaskan sebanyak 72.6%.

Sebenarnya semasa pasaran tutup pada 30 Julai, sejumlah 333 kaunter telah bertahan bawah kadar RM1.00. Kesemua 333 kaunter ini mewakili lebih kurang 45.6% dari jumlah kaunter yang disenaraikan di Papan Utama dan Papan Kedua BSKL. Dari kaunter-kaunter ini 74.17% atau 247 darinya adalah dari Papan Utama, manakala 25.83% atau 86 kaunter selebihnya adalah dari Papan Kedua. Dari 333 kaunter yang berharga kurang dari kadar RM1.00 ini, 120 kaunter atau 36.34% terus kekal di bawah kadar 50 sen. 110 kaunter ialah 90.91% kurang dari 50 sen ini adalah dari Papan Utama, manakala 11 kaunter ialah 9.09%, yang lain adalah dari Papan Kedua.

Kajian pantas ke atas angka-angka di atas membongkarkan situasi pasaran masa kini yang menyedihkan. Indeks Emas BSKL menjunam turun kurang dari 100 mata pada 29 Julai, apabila ia tutup pada kadar 99.47 mata, semalam ia jatuh lagi ke bawah dari 100 mata dan tutup 9.70 mata.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah 5.30 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat, usul di bawah perkara 18(1). Saya sekarang kemukakan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 81(1) dibuka untuk dibahas. Saya menjemput Ahli dari Tanjong untuk

mengemukakan usul dan seterusnya berucap. Pihak pembangkang diberi 30 minit dan pihak kerajaan diberi 30 minit.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

Isu Pusat Pemeriksaan Imigresen, Kastam dan Kuarantin (KIK) di Stesen Kereta Api Tanjong Pagar, Singapura

5.30 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong] : Terima kasih, Tuan Yang di Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan kerana bersetuju mengadakan perbahasan ke atas ketegangan terbaru dalam perhubungan Malaysia/Singapura hasil dari isu Pusat Pemeriksaan Imigresen, Kastam dan Kuarantin (KIK) di Stesen Keret Api Tanjong Pagar.

Tujuan bagi saya mengemukakan usul ini bukan untuk memberikan peluang untuk menghentam Singapura tetapi adalah untuk membolehkan Parlimen Malaysia membantu dalam mencapai satu jalan penyelesaian secara persahabatan mengenai isu KIK serta lain-lain isu sedia wujud di antara Malaysia dan Singapura. Ini adalah kerana kebanyakan rakyat Malaysia dan Singapura ingin melihat kedua-dua kerajaan kita menyelesaikan isu KIK serta lain-lain isu sedia wujud secara kejiranan dan mengikut semangat persahabatan serta setiakawan ASEAN yang telah wujud selama tiga dekad ini dan bukannya melihat perhubungan Malaysia dan Singapura merosot dan bertambah buruk ke satu tahap yang mengubah ASEAN dari satu model kerjasama serantau menjadi satu bahan ketawa antarabangsa.

Adalah amat malang sekali sekiranya perbahasan di Parlimen ini bertukar menjadi satu peluang bagi menghentam Singapura secara berhabis-habisan. Sungguhpun rakyat Malaysia mempunyai alasan-alasan yang baik untuk merasa kurang senang dengan cara kerajaan Singapura menangani perhubungan Malaysia Singapura dan khususnya dalam kegagalan membalas seruan rakyat Malaysia termasuk saya sendiri supaya rancangan pemindahan KIK ke Woodlands pada 1

Ogos, ditangguhkan untuk memberikan masa bagi mencapai cara penyelesaian secara persahabatan atas isu ini. Bagaimanapun, keengganan Kerajaan Singapura untuk meletakkan penjagaan perhubungan dua hala yang sihat dan baik antara Malaysia dan Singapura sebagai keutamaan tidak harus menghalang usaha kita untuk terus memulihkan perhubungan yang kurang baik antara kedua-dua negara kita. Sama ada pada peringkat rakyat dengan rakyat, kerajaan dengan kerajaan, ataupun Parlimen dengan Parlimen. Keadaan ini tidak akan mendatangkan sebarang manfaat kepada Malaysia, Singapura atau ASEAN pada keseluruhannya. Maka saya telah mencadangkan supaya para menteri dan pemimpin Malaysia dan Singapura mematuhi moratorium dan berhenti saling hentam-menghentam untuk mencipta satu syarat dan suasana supaya mencari cara penyelesaian secara persahabatan atas isu KIK serta lain-lain isu sedia wujud di antara dua negara. Ugutan dan ugutan balas yang dikeluarkan oleh para menteri serta pemimpin bahawa akan berlakunya kesan yang buruk ke atas negara yang lain, sekiranya kesabaran rakyat di satu negara terhakis tidak akan dapat membantu mencipta suasana dan syarat yang conducive demi mencapai cara penyelesaian secara persahabatan atas isu dua hala kita selaras dengan semangat setiakawan ASEAN selama tiga dekad ini.

Satu tahun selepas berlakunya krisis ekonomi yang paling buruk di rantau ini negara-negara ASEAN harus membentuk perhubungan yang lebih rapat lagi untuk mencapai satu response yang seragam terhadap kegawatan ekonomi ASEAN yang telah menghancurkan kejayaan ekonomi rantau kita dan bukannya bertelingkah sesama sendiri menerusi satu isu dan satu isu yang baru sehinggakan wujudnya ancaman akan berlakunya konflik yang menyeluruh kalau bukannya perang dingin yang sebenar. Inilah apa yang digelar sebagai self-defeating untuk semua negara dalam rantau ini kerana ia akan merosakkan keupayaan negara-negara ASEAN untuk mencapai response yang seragam secara serantau serta antarabangsa untuk menangani kegawatan ekonomi ASEAN. Pelan pemulihan

ekonomi negara yang disediakan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara telah mencadangkan supaya inisiatif serantau serta antarabangsa diambil untuk menangani krisis mata wang selama satu tahun ini. Antaranya ialah, satu, koordinasi ekonomi makro yang lebih baik dan saling bertukaran maklumat di antara negara-negara untuk mengesan petanda ketidakstabilan kewangan dan krisis mata wang yang semakin serius. Kedua, kumpulan pakar untuk mengkaji butir-butir mengenai mekanik dan operasi urusan pembayaran dua hala dan berbagai hala untuk dagangan di kalangan negara-negara ASEAN. Ketiga, kajian mengenai daya maju dan syarat untuk menerima konsep mata wang ASEAN dalam konteks dagangan intra ASEAN serta dagangan antara ASEAN dengan lain-lain rakan dagangannya.

Bagaimanakah cadangan pelan pemulihan ekonomi negara untuk mengadakan inisiatif serantau serta antarabangsa demi menangani krisis ekonomi ASEAN yang mengancam untuk mencetuskan sekali lagi krisis yang mungkin merebak secara global dapat berjaya sekiranya dua jiran yang rapat iaitu Malaysia dan Singapura tidak dapat bekerjasama malah perhubungan menjadi lebih merosot dan tegang. Itu sebab mengapa saya tidak boleh menyokong cara pemuda UMNO yang dengan agresif membuat cadangan satu seruan yang begitu tortures supaya perhubungan dua hala dengan Singapura digantung sehingga Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong menyatakan pendiriannya dalam beberapa isu yang menjejaskan kedua-dua negara kita. Kini adalah masa untuk kedua-dua pihak Malaysia dan Singapura untuk mengekalkan perhubungan dua hala kita secara tenang dan rasional, secara adil dan sama rata. Kerana kita mesti selalu ingat bahawa selepas semua kenyataan dan tindakan yang agresif serta garang dari kedua-dua pihak, kedua-dua negara, kita masih untuk duduk menyelesaikan perbezaan yang wujud kerana kita tidak mungkin lari dari realiti geo-politik di mana kita adalah jiran rapat, dan sama ada kita hendak biarkan kehidupan rakyat dua-dua negara susah selalu ataupun kita cuba mempraktik konsep 'prosper the neighbour'

serta 'smart partnership' bukan hanya antara Malaysia dan Afrika Selatan tetapi lebih pentingnya di antara Malaysia dan Singapura.

DAP telah menjelaskan pendirian kita atas isu KIK dan menyuarakan sokongan kita sepenuhnya terhadap kerajaan Malaysia atas isu ini dan kami merasa kesal bahawa kerajaan Singapura memilih untuk mengambil pendirian yang legalistic, unfriendly, offensive dan bertentangan dengan semangat ASEAN sehinggakan melakukan, dengan izin, fault pass diplomatic yang serius dengan mengumumkan surat rahsia di antara dua kerajaan atas isu ini sebelum perbincangan dua pihak gagal pada 28 Julai.

Kami juga telah menjelaskan pendirian kami atas isu Central Provident Fund. Menyokong kerajaan sepenuhnya bahawa Central Provident Fund Singapura tidak harus mendiskriminasikan rakyat Malaysia dari Semenanjung dan Sabah serta Sarawak dan sepatutnya mengizinkan semua rakyat Malaysia mengeluarkan CPF mereka apabila mereka tidak lagi bekerja di Singapura. Adalah dianggarkan lebih kurang 50,000 rakyat Malaysia yang merupakan ahli CPF dengan jumlah simpanan mereka Singapura Dollar 1 bilion atau RM2.5 bilion.

Selepas 33 tahun Malaysia dan Singapura berpisah dalam haluan pembinaan negara, kini adalah masa untuk kerajaan Singapura menyedari bahawa adalah atas kebaikan semangat kejiranan supaya ia mengakui layanan diskriminasinya ke atas rakyat Malaysia sungguhpun mempunyai ikatan atau latar belakang sejarahnya adalah langsung tidak boleh diterima. Ini merupakan satu kes ujian sama ada kerajaan Singapura telah bersedia untuk menekankan perhubungan yang sebaik-baiknya dengan Malaysia dengan mengambil inisiatif mengakhiri diskriminasinya selama 33 tahun terhadap rakyat Malaysia dalam isu mengambil balik CPF tanpa melalui proses perundingan dan perbincangan dua hala yang berpanjangan tidak menyenangkan.

Tuan Yang di Pertua, NTUC Singapura (Singapore National Trade Union Congress) berkata bahawa pekerja-pekerja Malaysia lebih memilih untuk

menempatkan wang CPF mereka dan tidak mahu menarik keluar wang itu. Inilah satu alasan yang kita tidak boleh menerima, oleh kerana isu yang pokok ialah sama ada pekerja-pekerja Malaysia di Singapura ada hak untuk memilih untuk mengeluarkan wang CPF atau kekalkan di CPF.

Mengenai tanah KTM adalah persepsi yang umum di Malaysia bahawa isu KIK berasal dari hasrat kerajaan Singapura untuk mengambil balik 500 ekar tanah yang digunakan oleh KTM khasnya dalam masa kemeleseatan ekonomi di mana nilai harta hartanah ialah sangat murah kalau perlu membuat bayaran ganti rugi 'goodwill'.

Isu-isu lain seperti pembekalan air mentah kepada Singapura, mengenai coverage mass media, mengenai KLIA, mengenai Pelabuhan Pasir Gudang, mengenai isu Pulau Batu Putih dan mengenai kadar bunga yang sangat tinggi yang diberikan oleh bank-bank Singapura kepada deposit-deposit Malaysian. Bank-bank Singapura adalah menawarkan kadar interest yang sangat tinggi satu masa lebih daripada 40% untuk deposit satu bulan. Sekarang pun boleh dapat interest 20% per annum untuk deposit lebih daripada RM500,000. Memang inilah satu angka besar deposit Ringgit dalam bank-bank asing di Singapura, satu angka yang sangat memeranjatkan. Mengikut satu estimate mungkin hampir RM40 bilion. Memang menjadi satu perkara yang patut, dengan izin, genuine cause of concern. Tetapi saya sangat terperanjat, dengan izin, horrified apabila saya dengar satu seruan, satu cadangan oleh Yang Berhormat tadi mencadangkan bahawa mass media Malaysia berperang dengan mass media Singapura.

Saya rasa Malaysia tidak patut rasa begitu offended apabila mass media Singapura ada buat liputan laporan mengenai masalah yang dihadapi oleh KLIA. Oleh kerana saya percaya mass media Malaysia tentu akan memberi liputan yang besar kalau di Changi International Airport ada tikus-tikus. Saya percaya Malaysian press, akhbar pun buat liputan besar. Kalau dalam Changi International Airport ada baggage handling system yang dilaung-laungkan sebagai termoden, yang fastest di

mana dalam beberapa saat boleh memastikan baggage, tetapi untuk satu bulan penumpang-penumpang masih mahu menunggu empat-lima jam, saya percaya Malaysia mass media pun akan memberi liputan yang besar.

Sebab itu, kita janganlah oleh kerana itu....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Hantu Singapore!

Seorang Ahli: Duduklah!

Tuan Lim Kit Siang: Jangan oleh kerana perkara semacam itu – ada perkara yang kita setuju, ada perkara yang kita tidak bersetuju. Tetapi pada keseluruhannya.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Lee Kuan Yew punya cucukah?!

Tuan Lim Kit Siang:prinsip pendirian kita tegas.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya apa Parlimen Malaysia perlu putus hari ini ialah sama ada Parlimen sebagai Parlimen mahu memainkan satu peranan dalam pemulihan perhubungan baik dan sihat antara Malaysia dan Singapura. Itulah keputusan yang Parlimen perlu buat.

Dalam perenggan akhir mengenai usul saya kemukakan hari ini, saya ada cadangkan bahawa oleh kerana ada bertambah isu-isu begitu banyak yang boleh merumitkan perhubungan di antara Malaysia dan Singapura sama ada membawa pertalian itu kepada satu jalan konflik dan konfrontasi dan untuk mengurangkan atau defuse satu round ketegangan yang baru antara kedua-dua negara bahawa Parlimen Malaysia dengan rasminya menjemput Parlimen Singapura kepada satu konferensi, satu....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: No time!

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang:satu Malaysia-Singapura Parliamentary Conference di mana perwakilan-perwakilan daripada kedua-dua Parlimen ada diberi mandat yang penuh untuk mencari penyelesaian kepada isu-isu CIQ.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Masuk ring lawan!

Tuan Lim Kit Siang:dan juga mengenai isu-isu outstanding....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Lawan, lawan, lawan!

Tuan Lim Kit Siang:daripada kedua negara. Saya faham daripada reaksi tadi bahawa adalah reservation antara ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional mengenai cadangan ini bahawa ada satu Malaysia-Singapore Parliamentary Conference dalam semangat kita mahu lihat bahawa....

Seorang Ahli: Yang Berhormat bikin apa!

Tuan Lim Kit Siang:bahawa kita mahu lihat Parlimen Malaysia boleh menunjukkan satu consensus.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak payah!

Tuan Lim Kit Siang: Boleh menunjukkan satu consensus....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Boleh belah!

Tuan Lim Kit Siang:di mana Parlimen Malaysia boleh memainkan satu peranan sendiri untuk contribute kepada penyelesaian isu-isu KIK dan pertikaian di antara dua negara yang lain, saya rela menarik balik cadangan ini dan menggantikan cadangan ini, saya mahu cadangkan bahawa kita boleh mencapai satu consensus semua Ahli Parlimen tidak kira semua parti dalam Malaysia bahawa kita bersetuju adalah elok, adalah baik kalau Ahli-ahli Parlimen kedua-dua negara Malaysia dan Singapura ada forum, ada peluang untuk bincang isu-isu sama ada KIK atau pertikaian antara Malaysia dan Singapura untuk menyelesaikan atas asas jiran yang baik dan melalui semangat muhibah dan setiakawan ASEAN, oleh kerana.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: No way!

Tuan Lim Kit Siang:kita mahu menegaskan pendirian kita dan kita menunggukan response daripada Parlimen Singapura. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong. Yang Berhormat bolehkah berucap sedikit ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berkenaan ini kena ada sokongan.

Tuan Michael Lisa Kaya: Tidak perlu sokongan itu!

5.45 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya memang menyokong Usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Takutkah?

Dr. Tan Seng Giaw: Dalam dua-tiga minit ini saya akan bangkitkan....

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Lee Kuan Yew punya ejenkah?

Tuan Yang di-Pertua: Beri dia berucap.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat dari Chenderoh yang cenderung kepada sikap yang tidak begitu manis.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Lee Kuan Yew punya ejenkah?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya memang....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak setuju dengan pihak Singapura yang angkuh, yang tidak peka kepada perasaan jirannya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Bagus!

Dr. Tan Seng Giaw: Ini memang kita tidak suka.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Okay, masuk Barisan, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada kena mengena dengan Barisan. Inilah rakyat Malaysia. *[Ketawa]* Kita mesti mempertahankan keutuhan, integriti Malaysia, hak Malaysia. Kita rakyat Malaysia, kita mesti pertahankan. Tetapi walaupun kita tidak menyetujui dengan sikap dan perangai kelakuan Singapura, kita jangan meniru kelakuan seumpama ini.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Itu takut namanya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tetapi jangan panggil dia tidak mahu.

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan takut, kerana Singapura itu pulau yang kecil sahaja. Bukan takut atau tidak takut. Kita hendak memulihkan ekonomi negara ini. Jangan kita jadikan negara yang lebih dahsyat lagi. Kita hendak bincangkan Danaharta. Kita hendak bincangkan bagaimana kita boleh menjadikan ekonomi kita lebih stabil. Itulah yang kita hendak bincangkan. Jangan kita sekali lagi seperti Yang Berhormat dari Chenderoh atau dari Yan yang hendak ‘gocoh’ sahaja.
[Ketawa]

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Lawan sama dia. Ekonomi okay, tetapi Singapura mahu lawan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak payah hendak lawan.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduklah!

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak beri peluang kepada Marang dan orang lain.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, biarlah. Kita ada setengah jam sahaja lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Setengah jam sahaja. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tetapi cadangan baik sedikitlah! Jemput Singapura tidak mahu.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tetapi beri cadangan baik sedikit.

Dr. Tan Seng Giaw: Cadangan memang baik.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Dia sudah ludah kita punya muka, lagi mahu senyumkah?

Dato' Othman bin Abdul: Maruah kena jagalah!

Dr. Tan Seng Giaw: Selain kita ada cara parliamentary, saya pernah bangkitkan....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Menyampuk dalam bahasa Cina]*

Dr. Tan Seng Giaw:bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan cepat menemui Perdana Menteri Singapura untuk menyelesaikan masalah.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: No way, mereka mari sini. Kita tidak pergi sana punya!

Dr. Tan Seng Giaw: Sama ada mereka ke mari atau kita pergi pun tidak mengapalah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Menyampuk dalam bahasa Cina]*

Dr. Tan Seng Giaw: Sebab pada akhirnya kita mesti ke meja perundingan untuk menyelesaikan masalah ini walaupun....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Menyampuk dalam bahasa Cina]*

Dr. Tan Seng Giaw:.....Yan nak gocoh, Chenderoh nak gocoh, itu lain perkara.....

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Chenderoh tidak mahu pergi sana, mereka mahu mari sini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya dengan ini menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Marang.

5.50 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]: Tuan Yang di-Pertua, semua pihak dalam negara kita perlu ingat dan jangan lupa bahawa negara Singapura beberapa kali mencetuskan provokasi tanpa mengira rasa persaudaraan

serantau, kejiranan dan pergantungannya yang sangat erat dengan negara kita untuk hidup *[Disampuk][Ketawa]* Kita perlu mengetahui bahawa Singapura mempunyai pergantungannya yang sangat erat dengan negara kita untuk hidup dan memajukan negara mereka dalam aspek keperluan asas ekonomi dan politik. Perkara yang dicetuskan sekarang entah kali yang keberapa. Namun di masa-masa lalu pihak kerajaan kita lebih bersikap mengalah dan seperti tidak ada cemburu terhadap keselamatan negara termasuk maruah negara seperti dalam krisis Pulau Batu Putih, mencabuli ruang udara dan sebagainya.

Sikap yang ditunjukkan ketika negara menghadapi masalah kegawatan ekonomi menunjukkan tidak menghormati sikap kesetiakawanan dan semangat kejiranan yang wajib diwujudkan – mungkin keangkuhan yang ditunjukkan kerana sikap selalu mengalah dan tidak ada rasa cemburu yang ada dalam diri kita sendiri. PAS mahu supaya perkara ini diselesaikan secara mendahulukan sikap damai dan kepada dingin tanpa menyerah kalah dan menjual maruah. Dalam masa yang sama pihak kerajaan hendaklah bersiap sedia untuk menghadapi sebarang ancaman dan provokasi yang lebih jahat dan dalam masa yang sama kerajaan perlu menghadapi kemungkinan yang memerlukan pengorbanan. Masalahnya apakah persiapan kerajaan dalam menghadapi keadaan seperti itu secara berani dan tegas.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, pastilah mahu isu ini hanya menjadi sandiwara politik untuk menutup masalah-masalah kegawatan semasa. Namun kita menyedari bahawa perkara ini bukannya perkara yang boleh dipermainkan. Pihak kerajaan harus tidak boleh dimainkan oleh negara lain secara berulang kali. Dalam masa yang sama pihak Singapura hendaklah diberi kesedaran dengan realiti serantau yang wajib diamalkan dan tidak patut hak Kerajaan Malaysia diperlakukan seperti penduduk-penduduk setinggan yang boleh dihalau tanpa perikemanusiaan dan pihak kerajaan perlu insaf bagaimana kalau mereka diperlakukan seperti penduduk setinggan.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu merasa cemburu mengapa perlunya Singapura menyediakan angkatan bersenjata yang dilatih oleh pihak Israel yang berperangai tamak haloba dan tidak menghormati orang lain dan mengapa perlunya Singapura melanggan senjata yang lebih daripada keperluan keluasan negeri dan jumlah penduduk dan seterusnya mengapa melakukan provokasi yang mahu menuju ke arah permusuhan, padahal, negara-negara jiran serantau tidak menunjukkan mahu bermusuh dan menceroboh. PAS melahirkan sikap ini bukan kerana taksub, fanatik agama, bangsa, kenegerian dan sebagainya. PAS menentang unsur-unsur perkauman, unsur-unsur fanatik seperti pembunuhan yang berlaku di Indonesia terhadap golongan orang-orang Cina daripada kegawatan ekonomi. Mereka dirompak, dirogol dan sebagainya. Hal-hal yang seperti itu adalah perlu dikutuk dengan sekeras-kerasnya.

Maka, sikap kami dalam isu ini secara tegas supaya semua pihak menghormati hak orang lain, agama, maruah, harta-benda hendaklah dipelihara dengan seadil-adilnya. Penyelesaian yang akan diadakan hendaklah dapat menyelesaikan masalah secara damai, adil dan tidak menggadai maruah dan hak kita. Sekian, terima kasih. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Kubang Kerian. Ya, dua orang cukuplah ya.

5.53 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada lima minit, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Kadangkala media Malaysia juga terlalu menyanjungkan Lee Kuan Yew. Beliau dianggap spokesman bagi ASEAN. [*Boo*] Beliau menentukan arah ekonomi. [*Boo*] Ini yang ditonjolkan kadangkala oleh media Malaysia. Maka, kadangkala Lee Kuan Yew, dia rasa besar kepala kerana dia menentukan arah ekonomi negara di ASEAN ini, sebab itu hentikanlah kita memuja

orang-orang yang dianggap boleh besar kepala dan akhirnya mengancam negara kita sendiri.

Singapura, barangkali dia menjadi bongkok dan sombong kerana pencapaian ekonominya kerana dari kajian-kajian terhadap rasuah, misalnya, mereka hampir mencapai angka penuh tidak rasuah sedangkan negara di sekelilingnya sama ada Indonesia, Thailand atau Malaysia berada di tahap yang agak teruk. Ini yang menyebabkan Lee Kuan Yew rasa besar kepala. Oleh itu kalau kita hendak mengatasi Singapura kita mesti bekerja lebih kuat memajukan ekonomi kita, hapuskan segala bentuk rasuah dan penyelewengan, diskriminasi dan sebagainya dan janganlah sampai Singapura berasa dia besar kepala. Kita menentang segala bentuk yang dipanggil perkauman tetapi kita juga tidak mahu melihat Lee Kuan Yew seolah-olah menjadi jurucakap kepada kaum tertentu.

Misalnya, reformasi yang berlaku di Indonesia, ada yang menganggap ketuanya Amin Rais atau sesiapa tetapi jangan lupa peranan Lee Kuan Yew juga hebat. Beliau menentang penindasan terhadap kaum Cina di Jakarta. Kita tidak bersetuju sebarang bentuk penindasan, kita tidak rela, tetapi jangan lupa beliau juga menggalakkan tauke-tauke daripada Jakarta untuk memindahkan wang kepada negara Singapura. Semua peranan seperti ini dalam persahabatan negara ASEAN perlu dijaga supaya sensitiviti terutama sekali antara kaum perlu dijaga. Janganlah kita mengizinkan negara jiran menjadi sombong di atas kesilapan-kesilapan kita.

Kita tidak mahu, misalnya, tanah yang 500 ekar itu menjadi idaman mereka dan kita tidak pula berusaha bagaimana untuk menebus tanah KTM itu. Beberapa kali kita bangkitkan di sini apa ikhtiar kerajaan untuk mengambil atau memajukan tanah itu, sampai sekarang tidak ada usaha-usaha tertentu, maka pihak Singapura melihat tanah 500 ekar itu amat berharga untuk mereka miliki sampailah mereka sanggup mencabar kedaulatan Malaysia sekarang ini. Kita bangkitkan berkali-kali

soal negara jiran itu mencabar kedaulatan Malaysia, akhirnya mereka di pihak yang menang. Tambahan pula kami kadangkala ragu, misalnya, Ketua Pemuda UMNO pernah menghentam Singapura begitu dahsyat – dua bulan kemudian pergi meminta maaf. *[Ketawa]* Kami pun bimbang isu ini – hendak kami campur tangan kadangkalanya kami bimbang – begitu gegak-gempita, dua tiga bulan lagi ada pihak yang pergi meminta maaf. Kali ini jangan minta maaf. *[Sorak]* Ini kita harap penegasan bersungguh-sungguh.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat ada dua minit ya.

5.57 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memberikan sumbangan ke atas usul ini kerana pendirian pihak kami bahawa Singapura adalah salah dan Kerajaan Malaysia adalah betul tentang menangani isu ini tetapi di sini kita hendak bertanya macam mana kita hendak mencari penyelesaian. Saya rasa kita harus menuju ke arah ‘win-win solution’ di mana ia tidak akan mendatangkan sebarang kerugian kepada ekonomi kedua negara. Oleh sebab itu saya ingin cadangkan, kalau kita hendak mengambil apa-apa tindakan untuk menunjukkan betapa kita tidak suka hati, saya harap pihak kerajaan akan mengharamkan pesawat Singapura daripada menggunakan ruang udara Malaysia. Saya rasa itulah langkah yang tidak akan menjejaskan kepentingan ekonomi. Bolehkah Kerajaan Malaysia mengharamkan pesawat Singapura daripada mencabuli ruang udara Malaysia? Saya rasa setakat itu menunjukkan perasaan

tidak puas hati tanpa, saya rasa, unsur yang paling penting ialah jangan menjejaskan ekonomi negara kita kerana kita tidak boleh berkompromi dalam masa menghadapi kegawatan ekonomi, kita harus menumpukan sepenuh perhatian ke atas memulihkan ekonomi. Kalau kita hendak mempunyai pertikaian dengan Singapura, saya harap Yang Berhormat Menteri Luar Negeri bolehlah berbincang satu sama satu dengan Menteri Luar Singapura. Saya percaya perkara ini boleh diselesaikan dan saya percaya Yang Berhormat Menteri tidak akan berkompromi ke atas maruah dan nama baik serta hak Malaysia yang saya tegaskan di sini adalah betul dan Singapura salah sama sekali. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Parit Sulong.

6.00 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Siri kerenah, kenyataan, kecaman, momokan, sindiran dan tindakan negatif Singapura terhadap Malaysia hari ini sudah sampai ke tahap keterlaluan dan melampau-lampau. Dari semasa ke semasa, hari demi hari, bulan demi bulan dan tahun demi tahun, Singapura tidak berhenti-henti dari membangkitkan kontroversi. Singapura tidak berhenti-henti menyinggung dan melukai perasaan serta hati nurani rakyat Malaysia. Singapura tidak berhenti dari bertindak songsang untuk menjejaskan sensitiviti Malaysia, Singapura tidak jemu-jemu menguji kesabaran Malaysia. Singapura kelihatannya seolah-olah sengaja mahu memprovokasi Malaysia supaya berbuat sesuatu yang di luar kebijaksanaan dan sekaligus memutuskan hubungan bilateral dua negara yang sudah terjalin sejak zaman berzaman.

Tuan Yang di-Pertua, selepas Singapura disingkirkan dari Malaysia, Republik tersebut masih terus menerus berusaha melukakan hati rakyat Malaysia.

Hakikat ini menimbulkan banyak tanda tanya, adakah kenyataan atau perbuatan melukakan hati rakyat Malaysia ini dilakukan atas kehendak serta pilihan Singapura sendiri? Adakah usaha melukakan hati rakyat Malaysia ini termasuk menerusi isu Pusat KIK di Tanjong Pagar yang sedang hangat diperkatakan sekarang dilaksanakan dengan doa dan restu suatu kuasa asing yang rapat dengan republik regim Singapura. Dalam lain-lain perkataan, saya ingin bertanya adakah Singapura sentiasa berusaha mengeruhkan persahabatannya dengan Malaysia kerana Republik tersebut bertindak sebagai proksi kepada mana-mana kuasa gergasi dunia ataupun menjadi proksi kepada mana-mana musuh Islam di dunia ini.

Kami, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional masih ingat betapa dalam bulan November 1992, Singapura telah bertindak menaikkan kadar sewa sebanyak tiga kali ganda ke atas tanah Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia di Woodlands. Tindakan itu adalah keterlaluan dan tidak mengambil kira semangat persahabatan dua hala yang terjalin sejak tahun bertahun, tindakan itu juga mencanggahi semangat ASEAN. Bagaimanapun, Malaysia bertoleransi dan terus menutup sahaja Pangkalan TLDM di Woodlands dan berpindah ke Tanah Semenanjung. Kami dari Barisan Nasional masih ingat betapa dalam tahun 1989, Singapura telah menghalang nelayan Malaysia memasuki perairan berhampiran Pulau Batu Putih kerana pulau yang dikenali oleh Singapura sebagai Pedra Branca itu telah didakwa oleh Singapura kononnya sejak tahun 1850 adalah sebahagian daripada jajahan takluk Singapura. Isu Pulau Batu Putih ini memang telah dipersetujui untuk diketengahkan kepada Mahkamah Keadilan Internasional tetapi adalah difahamkan bahawa terdapat sesetengah kalangan di Singapura yang cuba menghalang dan melambat-lambatkan pelaksanaan persetujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada 8 Jun 1996, Lee Kuan Yew selaku Menteri Kanan Singapura menyindir kononnya Malaysia adalah sebuah negara yang tidak mengamalkan meritokrasi. Lee Kuan Yew juga menyatakan bahawa Singapura akan hanya menimbang untuk bercantum semula dengan Malaysia sekiranya negara

ini mengamalkan meritokrasi. Kenyataan tersebut telah mengundang banyak kenyataan balas yang panas dan keras, termasuklah dari Presiden UMNO Malaysia. Pada 12 Mac 1997, Lee Kuan Yew pula menyatakan dalam sebuah affidavitnya kepada mahkamah pada 27 Januari 1998 bahawa Johor Bahru adalah sarang penjenayah, perompak dan perampas kereta. Kenyataan ini juga menjadikan majoriti rakyat Malaysia merasa marah.

Pendek kata, banyak tindakan dan kenyataan Singapura yang telah melukai hati rakyat Malaysia. Pesawat Tentera Udara Singapura beberapa kali menceroboh ruang angkasa Malaysia, Malaysia tetapi bertoleransi. Singapura baru-baru ini memutuskan bahawa pekerja Malaysia tidak boleh mengambil keluar wang carumannya daripada CPF. Rumah Api di Pulau Pisang pernah dikontroversikan oleh Singapura. Hari ini media massa Singapura bertalu-talu menyerang Malaysia dengan pelbagai fitnah. Namun begitu, kami dari Barisan Nasional amat berbangga dengan penuh pendirian tegas kerajaan, kami menyokong kerana enggan mematuhi arahan supaya Pusat KIK Malaysia dipindahkan dari Tanjong Pagar ke Woodlands di Singapura. Kami menyokong penuh ketegasan kerajaan ini kerana sebagaimana yang telah didedahkan oleh Wisma Putra pada hari Sabtu, 1 Ogos 1998, soal pemindahan tersebut sebenarnya bermotif untuk mengusir keluar autoriti KIK Malaysia dari bumi Singapura buat selama-lamanya.

Kami dari Barisan Nasional berharap Kerajaan Malaysia akan terus bepegang teguh kepada keputusan tersebut. Jika Singapura berkeras dan terus mengambil tindakan unilateral untuk menghalau autoriti KIK Malaysia, kita harus menghalau autoriti Singapura yang berada di loji-loji air di Johor Bahru. Kita tahu bahawa tidak ada terkandung di dalam Perjanjian Air, Singapura boleh meletakkan pegawai-pegawainya secara autonomi di Sungai Linggui, Kota Tinggi; di Gunung Pulai, Pontian dan juga Skudai, Johor Bahru. Kami membuat cadangan ini kerana kami berpendapat waktunya sudah tiba untuk Malaysia bersikap tegas terhadap Singapura. *[Tepuk]* Memang Malaysia mencintai keamanan bersama dengan

negara-negara jirannya, tetapi jika ada negara jiran yang enggan bertimbang-balas dengan keamanan bersama ini, janganlah hanya Malaysia yang perlu bertoleransi. Kami rakyat Malaysia sudah jelak dengan sikap Singapura yang keterlaluan. Janganlah ada mana-mana pihak sekalipun di Singapura yang cuba beranggapan bahawa kami rakyat Malaysia akan terus menerus bersikap sabar ke atas kerenah republik tersebut.

Pada waktu yang sama, Tuan Yang di-Pertua, kami harap supaya Kerajaan Malaysia sentiasa memantau perkembangan permintaan air bersih yang diperlukan oleh Singapura dari masa ke semasa. Kami difahamkan bahawa Singapura dijangka berhadapan dengan masalah permintaan air bersih yang kian meningkat di dalam tempoh antara 15 hingga 20 tahun akan datang. Hari ini Singapura membawa masuk sejumlah 336 juta galen air bersih dari Johor setiap hari, keperluan itu dijangka lebih besar pada tahun 2011. Sebab itulah kami juga mendapat tahu bahawa Kerajaan Singapura pernah berura-ura untuk membeli air dari Pahang. Sayugia, kami menyatakan bahawa air bersih adalah di antara komoditi strategik kepada Singapura. Maka, sebarang pertimbangan oleh pihak Malaysia ke atas sebarang kemungkinannya di masa akan datang juga perlu ditangani secara strategik. Umpamanya, semua pihak di Malaysia perlu bersikap tegas sama ada negeri Johor mesti memenuhi keperluan peningkatan bekalan air yang dipinta oleh Singapura di masa akan datang. Ataupun, apakah lain-lain negeri, khususnya Pahang juga mesti bersetuju untuk menjual air ke Singapura jika Johor tidak dapat memenuhi permohonan tersebut?

Jika atas pertimbangan perikemanusiaan yang amat mendalam, maka Malaysia dituntut supaya memutuskan di masa akan datang bahawa permintaan air bersih yang meningkat dari Singapura mesti dipenuhi. Kami berharap Kerajaan Malaysia akan mencerminkan segala ketegasannya dalam bentuk perjanjian yang akan digubal kelak. [*Tepuk*] Jika disifatkan oleh Singapura bahawa air adalah

strategik, Malaysia perlu menetapkan harganya juga secara strategik. Hakikat ini tidak boleh dikompromikan lagi.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, proses pembersihan air ini pula mesti dilaksanakan oleh Malaysia. Singapura sewajarnya akur dan rela dengan aturan sebegini. Inilah ujian terhadap sikap saling mempercayai serta ketulenan semangat setiakawan di antara dua jiran terdekat. Kami berharap, janganlah Singapura terlalu sangat diberi muka di hari-hari mendatang. Sebarang transaksi dengan republik itu mestilah atas pertimbangan perniagaan yang tegas, zaman bertolak ansur dengan Singapura sudah pun berakhir! Terima kasih. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Bukit Bendera.

6.17 ptg.

Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam isu pemindahan kemudahan Kastam, Imigresen dan Kuarantin di Singapura (KIKS) - bukan KOKS ya! Saya tidak faham tentang pendirian yang kurang jelas, DAP nampaknya kelabu, mungkin abangnya PAP telah memberi arahan kepadanya dan tidak mengadakan satu perjanjian membidas Kerajaan Singapura. Mungkin satu 'win win situation' di mana DAP win dan PAP pun win, dalam satu confederation DAP dan PAP dalam satu cadangan ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, terlalu banyak

Tuan Lim Guan Eng: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya

Tuan Lim Guan Eng: Ini satu sangkaan jahat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, terlalu banyak perhatian dan fokus telah diberi kepada parti asing

Tuan Lim Guan Eng: kerana saya rasa di sini mana boleh cakup berkenaan parti asing

Seorang Ahli: Cukup, cukuplah.

Tuan Lim Guan Eng:kepada perkara yang dipersenda-sendakan, saya harap janganlah main-main di sini.

Tuan Chia Kwang Chye: saya harap pemindahan KIKS, atau CIQ....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka

Tuan Lim Guan Eng: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, itu bukan point of order, dia kata

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, dia ini hendak mempersenda-sendakan, macam mana dia boleh buat macam ini, tidak ada berkaitan langsung.

Tuan Chia Kwang Chye: dari Tanjong Pagar ke Woodlands

Tuan Lim Guan Eng:usul ini kita mengutuk Singapura, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh buat satu ruling kerana dia ini sudah lebih, dia tidak ada bukti, dia buat pembohongan....

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, memang kena minta injury time, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, isu yang paling mustahak sekarang ialah niat sebenar Kerajaan Singapura yang telah dilafazkan pada 24 April oleh Encik Tan Boon Huat, Timbalan Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Kerajaan Singapura. Niat sebenar Kerajaan Singapura mengambil tindakan memindahkan KIKS ke Woodlands adalah supaya Malaysia memindahkan kemudahan KIKSnya dari Tanjong Pagar di Singapura ke satu tapak lain di luar Singapura di dalam sempadan Malaysia iaitu di Johor Bharu. Tetapi saya akan bincang tentang isu KIKS, Kastam, Imigresen dan Kuarantin di Singapura, sebab itu saya kata KIKS. Tetapi Kerajaan Singapura tidak boleh mengetepikan fakta-fakta sejarah dan perhubungan rapat serta semangat persaudaraan yang wujud di antara rakyat Malaysia khususnya di negeri Johor dan warganegara Singapura iaitu

satu rangkaian sosial dan kebudayaan yang rapat dalam suasana politik yang mungkin kurang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, secara kebetulan terdapat beberapa bekas pemimpin Kerajaan Singapura seperti Goh Keng Siew, Toh Ching Chai mungkin S. Rajahrathnam yang dilahirkan di Malaysia serta ramai lagi orang Malaysia termasuk beberapa cendekiawan yang telah bekerja dan bermastautin di Singapura dan setengah daripada mereka ini baru sahaja menerima pengiktirafan sebagai warganegara Singapura, setengah lagi diiktirafkan sebagai permanent residence. Sebaliknya ada juga rakyat Malaysia yang dilahirkan di Singapura di antara kalangan kita tetapi ramai orang Johor yang mempunyai saudara mara termasuk ibu bapa, adik beradik di Singapura. Begitu juga terdapat ramai rakyat Singapura yang mempunyai saudara mara di Johor. Hakikat ini benar bagi semua kaum terutama kaum Melayu dan kaum Cina. Bagi mereka yang memahami dan masih ingat kepada sejarah Tanah Melayu fakta-fakta ini sepatutnya tidak memeranjatkan, Singapura dahulunya merupakan sebahagiannya diperintah oleh Johor. Pertalian sosial dan kebudayaan di antara orang Johor dan orang Singapura masih sangat rapat, kita juga boleh menambahkan bahawa rangkaian sosial dan kebudayaan serta psikologi orang Johor dan orang Singapura ada persamaan. Namun demikian persamaan ini mungkin merosot kebelakangan ini hasil daripada sosial dan politikal engineerings.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham tentang sikap dan maksud Menteri Luar Singapura, Encik Jayakumar apabila dia mengatakan 'it is out of my hand' dan sebagai seorang Menteri Luar Singapura yang telah mengetepikan tanggungjawab atau jawatannya apabila dia mengatakan sedemikian. Saya hendak bertanya sama ada dia akan meletakkan jawatannya atau digantikan sebagai Menteri Luar Singapura dan kalau Menteri Luar tidak ada kuasa untuk berunding dengan Menteri Luar Negeri kita, tidakkah ini bermakna dia ada seorang dalang di belakang isu yang sengaja dimainkan.

Jadi di atas permintaan kawan-kawan saya, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Lumut.

Tuan Yap Yit Thong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Singapura terlupa prinsip-prinsip dan semangat negara ASEAN untuk mempromosikan kejiranan yang erat, solidarity dan kerjasama. Buat masa kini isu yang sangat hangat ialah isu berkenaan pemindahan kemudahan Pusat Pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) dari stesen kereta api di Tanjong Pagar ke Woodlands mulai 1 Ogos lalu. Keputusan oleh Singapura ini boleh dikatakan secara unilateral, ini menunjukkan sikap Singapura yang sangat sombong dan angkuh, tidak memberi maruah kepada urusan dua hala. Perlu diingatkan di sini KTM Berhad ada hak mengikut undang-undang di atas tanah di Tanjong Pagar dalam persetujuan ditandatangani pada masa pemerintahan British, penyewaan sepanjang tempoh masa 999 tahun telah diberikan kepada Malaysian Railway. Tapak ini seluas 500 ekar dimiliki oleh KTM untuk menjalankan perkhidmatan kereta api sahaja. Kita tahu nilai harga tanah di Tanjong Pagar sangat tinggi dan kita pun tahu niat jahat Singapura.

Pemindahan CIQ ke Woodlands oleh Singapura telah menyebabkan masalah kepada penumpang terutama kepada orang tua dan orang kurang upaya. Keadaan seperti ini memang menjejaskan perniagaan bilateral. Isu ini diwujudkan oleh Singapura, Singapura harus bertanggungjawab mengambil inisiatif dan langkah-langkah positif untuk menyelesaikan masalah pusat CIQ. Masanya sudah tiba untuk Singapura menjatuhkan perasaan sombong, angkuh dan superiority complex, dengan izin, tidak boleh selalu mahu menang sahaja mestilah bersikap bertolak ansur, mestilah juga menerima hakikat dan menerima kekalahan, tidak boleh sentiasa mahu Malaysia play second fielder, dengan izin, don't have this such mentality.

Tuan Yang di-Pertua, superiority complex yang diamalkan oleh Singapura telah menjadikan Singapura sebagai Kiashu dan Kiashi. Singapura tidak lagi

kompetitif, telah menjadi semangat negatif selalu mahu memburukkan Malaysia dan membenci orang Malaysia. Saya tidak faham mengapa Singapura mewujudkan masalah seperti ini apabila kedua-dua negara sedang menghadapi kegawatan ekonomi. Sepatutnya kedua-dua negara harus tolong menolong dan mencari cara untuk memulihkan ekonomi negara kita khususnya dan rantau Asia amnya. Sedikit lagi.

Singapura press adalah regular feature untuk memburukkan Malaysia walaupun Singapura telah ada infrastruktur, pelabuhan dan airport yang canggih, Singapura selalu mengkritik dan memburukkan KLIA, Multimedia Super Corridor, pelabuhan kita, sebaliknya Singapura harus mengucapkan tahniah dan syabas kepada Malaysia kalau Singapura ada semangat kompetitif tetapi mereka hanya ada sikap Kiashu dan Kiashi. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Kapar. Selepas itu saya minta maaf, Yang Berhormat Menteri akan menjawab dan juga Ya, sila.

Dr. G. Leelavathi [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk berucap di atas usul mengenai KIK Malaysia di Tanjong Pagar, Singapura. Tuan Yang di-Pertua, Malaysia bersempadan dengan 4 negara iaitu Thailand di utara, Indonesia dan Brunei di Timur Malaysia dan Singapura di selatan Malaysia. Kita mempunyai polisi untuk berbaik dengan setiap satu daripada mereka. Kita menghormati mereka sebagai kawan kita. Saling menghormati amat penting dalam mengeratkan persaudaraan di antara dua negara. Kita tidak mempunyai masalah dengan negara Thailand walaupun negara kita bersempadan dengannya. Banyak dari isu-isu yang diselesaikan melalui dialog-dialog. Kita juga tidak mempunyai masalah dengan negara Indonesia walaupun kita mempunyai sempadan yang besar dengannya. Sama juga keadaannya dengan Brunei.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi dengan negara Singapura nampaknya kita mempunyai masalah demi masalah. Sebagai contoh tahun lalu, bekas Perdana

Menteri Singapura telah mengeluarkan kenyataan palsu mengenai kejadian jenayah di Johor. Ini telah menimbulkan kemarahan di kalangan rakyat Malaysia. Kemudian timbul pula kenyataan mengenai tindakan Malaysia mengambil pengeksport tempatan untuk menggunakan pelabuhan tempatan. Ini diikuti dengan tindakan Singapura untuk tidak menyenaraikan nama Malaysia di kalangan negara-negara pelancongan untuk direcommend kepada pelancong mereka.

Laporan media yang negatif mengenai Malaysia yang merangkumi laporan terbaru mengenai KLIA juga tidak diambil ringan oleh rakyat Malaysia. Tindakan tersebut dari sebuah negara jiran memeranjatkan kita dan menimbulkan rasa kemarahan di kalangan masyarakat Malaysia. Ini telah memaksa segolongan daripada kita yang memaksa pihak kerajaan untuk tidak lagi membekalkan bekalan air untuk mereka dan ada juga yang menuntut supaya perhubungan dua hala dengan negara itu dibekukan serta merta. Apakah motif kerajaan Singapura untuk bertindak sedemikian, terutamanya ketika kedua-dua dilanda masalah ekonomi. Adakah kerajaan Singapura bertindak dengan sendirinya atau mereka digunakan oleh segolongan kuasa-kuasa barat. *[Ketawa]* Akhir kata saya dengan izin, *Singapore should learn to love their neighbours, as said by confuses or enrich the neighbours as said by our beloved PM. [Tepuk] Please do not instigate their neighbours, it is dangerous.* Dengan kata-kata ini bagi pihak MIC saya mohon menyokong usul ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat Menteri. Ya. Point of order.

Seorang Ahli: Minta tambah lagi sejam. *[Ketawa]* Banyak orang yang hendak bercakap ni.

Tuan Yang di-Pertua: Kuasa memanjangkan mesyuarat

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena]: Takkan Tuan Yang di-Pertua tidak ada kuasa *[Ketawa]* Bagilah peluang kami semua bercakap. Peraturan mesyuarat yang boleh memanjangkan mesyuarat dan menggantungkan syarat-syarat di bawah peraturan 18 adalah terletak pada menteri.

Ramai Ahli: Ya. Menteri.

Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Ya.

Seorang Ahli: Sambung Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Jadi ini menggulung ke atau minta

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta gulungkanlah Yang Berhormat.

Ramai Ahli: Setuju.

Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya kena bincang dulu.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Yuanku Jaafar: Dua minit untuk Sarawak.

Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya ingin mencadangkan supaya tertakluk kepada peraturan 18 saya mencadangkan supaya kita panjangkan perbincangan ini

Seorang Ahli: Setuju. Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kena kemukakan usul Yang Berhormat. Kena gantungkan peraturan mesyuarat. Bawah Peraturan Mesyuarat 90. Perkara ini patut dibuat terlebih awal lagi Yang Berhormat. Kalau tidak ada saya tidak boleh terima - bincang usul macam itu sahaja Yang Berhormat. Sila teruskan dan kita tutup sehingga 6.30

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]: Saya percaya Tuan Yang di-Pertua walaupun cadangan untuk melanjutkan perbincangan perbahasan mengenai isu ini tidak dapat dipersetujui pada waktu ini tetapi saya percaya bahawa kesempatan yang banyak masih ada lagi untuk Ahli Yang Berhormat untuk mengambil peranan membahaskan isu berkaitan dengan hubungan Malaysia dan Singapura dalam apa jua tajuk yang akan dibincangkan sama ada yang berkaitan dengan hal-hal perdagangan, sama ada berkaitan dengan hal pelancongan, sama ada yang berkaitan dengan apa juga, keadaan hubungan antara Malaysia dan Singapura meliputi berbagai bidang. Dan bidang-bidang ini

adalah perkara-perkara yang sentiasa di bawa ke Dewan ini untuk perbincangan dan saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat memberi pandangan-pandangan mereka yang tegas atas isu-isu ini terutama yang ada hubung kait dengan Singapura.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa memang pada waktu ini hubungan antara Malaysia dan Singapura berada pada tahap yang kurang menyenangkan. Ini disebabkan oleh beberapa isu yang telah timbul yang akhir sekali yang berkaitan dengan KIK. Kementerian Luar Negeri telah pun mengeluarkan kenyataan yang sepenuhnya berkaitan dengan perkara ini. Dalam mana kita telah menyatakan bahawa pendirian kita dalam hal ini adalah tegas. Kita mahu supaya KIK Malaysia tetap tinggal di Tanjong Pagar dan pada hari ini KIK ini berada di Tanjong Pagar. *[Tepuk]* Dan di samping itu adalah menjadi hasrat kita untuk melihat Keretapi Tanah Melayu yang bergerak di Tanjong Pagar melalui Woodlands terus ke Johor Bahru itu dapat beroperasi dengan baik dan tanpa gangguan. Alhamdulillah kerana kecekapan pegawai-pegawai kita pada peringkat bawah untuk menangani satu isu yang berkaitan dengan pemeriksaan paspot maka pada hari ini kerana kebijaksanaan mereka itu maka penumpang-penumpang yang menggunakan perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu bermula di Tanjong Pagar ke Johor Bahru itu dapat menggunakan khidmatnya tanpa sebarang gangguan.

Kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada pegawai-pegawai kita yang beroperasi pada peringkat *[Tepuk]* di Tanjong Pagar terutamanya sekali dan yang bekerja dalam train-train kita yang bergerak dari Tanjong Pagar ke Johor Bahru itu kerana mereka telah dapat menguasai keadaan yang supaya semuanya berjalan dengan lancar. Adalah menjadi harapan kita bahawa situasi ini akan terus kekal dalam keadaan yang baik kerana kita mahu memberi perkhidmatan pengangkutan kepada pengguna-pengguna kereta api kita itu dengan baik seperti yang telah kita beri pada masa dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita menghadapi banyak masalah hubungan dua hala antara Malaysia dan Singapura. Saya ingin menjelaskan di sini, walaupun apa persepsi rakyat terhadap cara kita menangani masalah-masalah antara Malaysia dengan Singapura, saya ingin menegaskan di sini, kita adalah tegas dalam menghadapi masalah-masalah ini. Mungkin kita tidak berkeras tetapi kita tetap tegas dan tidak ada masalah-masalah yang telah kita bincang antara Singapura dan Malaysia yang telah kita kompromikan kepentingan Malaysia ataupun yang telah kita bertolak ansur dalam hal ini.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]: Minta penjelasan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya sikit sahaja hendak meminta penjelasan. Seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi kita akan bertegas dalam menghadapi isu dengan Singapura ini. Saya ingin tahu sama ada kerajaan yakin tentang kejujuran Singapura dalam mencari penyelesaian tentang masalah ini. Sebab dari apa yang saya dapat tahu dari penyelidikan yang saya buat semasa saya bekerja sebagai wartawan dahulu. Sebenarnya Singapura yang mereka mahu kenapa mereka membina, memperkuat ketenteraan mereka yang mereka idamkan ialah tanah bukan sahaja tanah keretapi tetapi yang mereka idamkan ialah termasuk juga negeri Johor. Mereka menganggap negara-negara di sekeliling mereka adalah bakal musuh mereka dan oleh itulah sebabnya mereka menerima nasihat dari pakar-pakar tentera Yahudi untuk membolehkan mereka pada suatu masa nanti bertindak samalah dengan Yahudi bertindak di Timur Tengah sehingga menjadikan West Bank itu wilayah mereka dan mungkin dalam cita-cita mereka Johor itu akan dijadikan West Bank pada suatu masa nanti.

Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menghadapi mana-mana kumpulan yang mengadakan perundingan antara kita dalam apa juga isu, dalam apa juga perkara sama ada Singapura ataupun bukan Singapura, kita sentiasa waspada dan sentiasa memikir apakah motif mereka semasa mereka mengambil bahagian berunding dengan kita itu.

Dalam hal yang berkaitan dengan Singapura, kita sentiasa berhati-hati untuk memastikan bahawa yang akhirnya yang kita capai ialah kepentingan bagi negara kita, kita tidak akan ambil kira apakah yang hendak mereka capaikan, yang pentingnya dalam setiap rundingan itu kepentingan kita itu mesti diutamakan dan kita tidak boleh berkompromi atas isu-isu yang ada hubungkait dengan kedaulatan dan maruah negara.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak cukup masa Yang Berhormat. Saya tidak boleh membenarkan apa-apa yang bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat, kalau tidak kita tidak dapat menjalankan mesyuarat dengan secara yang tertib mengikut Peraturan Mesyuarat dan hendak menyambungkan masa ataupun hendak menggantungkan mana-mana Peraturan-peraturan Mesyuarat, hendaklah ada Usul dan ada Notis di bawah Peraturan Mesyuarat 90(2). Jadi, janganlah meminta saya melakukan sesuatu benda yang bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat. *[Ketawa]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 18(4) setelah perkara ini telah pun dibincangkan dan apabila semua perjalanan Mesyuarat dalam Perenggan 3 tadi telah selesai, maka Mesyuarat hendak ditangguhkan dengan tidak dikemukakan bagi diputuskan oleh Mesyuarat.

Oleh yang demikian, saya tutuplah Mesyuarat ini dan saya memohon Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menyambung semula ucapannya di bawah Rang Undang-undang tadi - Rang Undang-undang Kumpulan Wang Pembangunan (Pindaan) 1998.

6.31 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Semasa mengumumkan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara, Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas berkata bahawa apa yang paling penting sekarang adalah memulihkan keyakinan para pelabur terhadap kestabilan ekonomi makro Malaysia. Keyakinan tidak akan dapat dipulihkan dengan hanya mengemukakan satu pelan yang digelar 'agenda tindakan dengan strategi enam cabang' iaitu:

- (i) menstabilkan ringgit;
- (ii) memulihkan keyakinan pasaran;
- (iii) mengekalkan kestabilan kewangan;
- (iv) memperkukuhkan fundamental ekonomi;
- (v) meneruskan agenda ekuiti dan sosio ekonomi; dan
- (vi) memulihkan sektor-sektor yang terjejas dengan serius.

Ini adalah kerana strategi enam cabang ini sebenarnya adalah merupakan strategi ekonomi yang sama digunakan oleh kerajaan dalam tempoh satu tahun ini dan pernah diisytiharkan oleh Yang Berhormat secara spesifik dan diulang-ulangi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sama ada dalam pengemukaan Belanjawan 1998 di Parlimen pada 17 Oktober 1998 ataupun dalam ketiga-tiga kenyataan kementeriannya mengenai pakej ekonomi baru dalam Mesyuarat Parlimen awal Disember, Mac serta baru-baru ini pada 13 Julai 1998.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Bagaimanakah apa yang diulangi oleh Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas akan berjaya memulihkan keyakinan pasaran sedangkan apabila mereka diulangi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, tidak nampaknya kesan yang diinginkan. Adalah benar apabila Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas

berkata bahawa apa yang paling penting sekarang adalah memulihkan keyakinan sesuatu usaha yang tidak mendatangkan kesannya oleh kerajaan dalam 13 bulan ini.

Malang sekali Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas serta MTEN telah merosakkan usaha memulihkan keyakinan ini menerusi penghinaan (contempt) yang mereka tunjukkan terhadap Parlimen serta Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan menerusi cara PPEN diumumkan di luar Parlimen. Tempat yang sesuai bagi Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas mengemukakan PPEN yang disediakan oleh MTEN adalah di dalam Parlimen khususnya memandangkan pada hari beliau mengumumkan PPEN ini Dewan sedang dalam proses membahas dan meluluskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998 yang sepatutnya menjadi satu perbahasan paling penting dalam Parlimen mengenai krisis ekonomi negara dalam 13 bulan ini, lebih penting lagi dari perbahasan Parlimen ke atas Belanjawan 1998 dalam bulan Oktober/Disember 1997 kerana ekonomi Malaysia telah menjadi semakin buruk tanpa sebarang kesan pemulihan.

Bolehkah kerajaan memberikan satu penjelasan yang memuaskan mengenai sebab mengapa Pelan Pemulihan Ekonomi Negara tidak dibentangkan di Parlimen untuk diluluskan, sungguhpun kesemua Rancangan Malaysia Kelima Tahun serta Rangka Rancangan Jangka Panjang semuanya dibentangkan di Parlimen untuk perbahasan sebelum diluluskan. Sampai sekarang, saya masih belum menerima satu salinan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara, sungguhpun ia telah diumumkan dua minggu yang lepas, saya perlukan laporan ini bukan hanya untuk tujuan mengkajinya tetapi juga untuk memahami secara menyeluruh mengenai konteks pengemukaan beberapa rang undang-undang kerajaan di dalam Mesyuarat Parlimen kali ini yang berhasil langsung dari cadangan-cadangan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara sama ada belanjawan tambahan 1998 Rang Undang-undang Pengurusan

Danaharta Nasional Berhad untuk menubuhkan Syarikat Danaharta mahupun rang undang-undang di depan Dewan yang mulia sekarang iaitu Rang Undang-undang Kumpulan Wang Pembangunan (Pindaan) 1998. Adakah ini cara untuk mengendalikan keperluan paling penting untuk memulihkan keyakinan para pelabur terhadap kestabilan ekonomi makro Malaysia.

Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas sedar bahawa MTEN tidak boleh cuba melangkau atau merendah-rendahkan Parlimen dengan menghina para Ahli Parlimen biar dari Barisan Nasional mahupun dari pihak pembangkang kerana ini akan bertentangan dengan usaha cabang kedua strategi Pelan Pemulihan Ekonomi Negara untuk memulihkan keyakinan pasaran.

Saya merasa sungguh hairan kerana nampaknya selain dari para Ahli Parlimen DAP, tidak seorang Ahli Parlimen Barisan Nasional yang membantah bahawa Pelan Pemulihan Ekonomi Negara tidak dikemukakan di Parlimen dan selepas dua minggu, para Ahli Parlimen tidak diedarkan dengan satu salinan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara, ini merupakan satu lagi bukti bahawa Dewan Rakyat yang pesat dengan 5/6 Ahli Parlimen Barisan Nasional tidaklah seharusnya sesuatu yang baik untuk negara.

Dari perbahasan Parlimen keatas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998 adalah jelas bahawa bukan sahaja rakyat Malaysia biasa serta para Ahli Parlimen bagi keseluruhannya tidak tahu banyak mengenai MTEN, malah menteri dan timbalan menteri juga tidak berapa tahu menahu tentang operasi MTEN.

Dalam ucapan saya pada 23 Julai, saya telah menyuarakan rasa kesal saya terhadap kekurangan akauntabiliti serta ketelusan di dalam penubuhan dan pengendalian MTEN. Sebagai contohnya, saya telah berkata bahawa sungguhpun

MTEN telah ditubuhkan lebih dari enam bulan, tetapi tidak ada siapa yang tahu nama kesemua ahli Majlis Eksekutif MTEN.

Apabila saya bertanya sama ada mana-mana menteri atau timbalan menteri dalam Dewan ini yang berani berdiri dan memberitahu Parlimen serta senarai penuh ahli Majlis Eksekutif MTEN, semua orang hanya berdiam sahaja, akhirnya Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia terpaksa berdiri dan berkata bahawa komposisi Majlis Eksekutif MTEN telah diberitahu umum kerana ia telah berulang kali diumumkan di dalam media massa.

Saya mencabar kenyataan beliau ini dan meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri mengemukakan nama ahli-ahli Majlis Eksekutif MTEN. Beliau gagal berbuat demikian malah mendakwa bahawa beliau telah terlupa nama-nama mereka dan mereka ini terdiri dari profesional. Saya membetulkannya, memberitahu bahawa profesional yang dirujukannya itu sebenarnya berkhidmat dalam jawatankuasa-jawatankuasa bertugas MTEN dan bukannya Majlis Eksekutif MTEN.

Dalam episod ini Parlimen telah mencipta sejarah di mana pihak pembangkang terpaksa memberitahu front bench kerajaan mengenai komposisi Majlis Eksekutif MTEN. Saya beritahu Yang Berhormat Timbalan Menteri serta menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri, setiausaha-setiausaha Parlimen dan para Ahli Parlimen Barisan Nasional bahawa Majlis Eksekutif MTEN terdiri dari lima ahli iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri selaku Pengerusi dan Naib Pengerusi dan sebagai Pengarah Eksekutif - Tun Daim Zainuddin, sekarang Menteri Tugas-tugas Khas, ada dua orang lagi ahli yang dilantik oleh Perdana Menteri dan saya ingin memberitahu Dewan bahawa

Pengerusi Institute of Strategic and International Studies, Tan Sri Nordin Sopic merupakan ahli keempat, tetapi tidak siapa yang tahu siapa itu ahli yang kelima.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan semasa beliau menggulung perbincangan empat hari kemudian telah memberitahu bahawa ahli Majlis Eksekutif MTEN kelima adalah Ong Siew Nam, seorang Pengarah Bank Negara serta Tan Sri Ali Abdul Hassan, Pengarah EPU sebagai Setiausaha MTEN.

Saya difahamkan bahawa Presiden MCA merangkap Menteri Pengangkutan pernah meminta supaya dilantik menjadi ahli kelima Majlis Eksekutif MTEN, tetapi lain-lain Menteri Kabinet yang juga merupakan ketua parti-parti komponen BN khususnya Presiden Gerakan merangkap Menteri Perusahaan Utama dan Menteri Kerja Raya merangkap Presiden MIC semuanya akan merasa tersinggung sekiranya Presiden MCA dimasukkan dan mereka tidak.

Saya merasa gembira kerana perkara ahli Eksekutif MTEN kelima ini akhirnya telah diselesaikan. Menerusi

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya pada mulanya tidak mahu bangun juga sebab usul yang baik itu kita sokong tetapi Yang Berhormat dari Tanjong ini sudah mengarut. Saya kena bangun sedikit. Sebenarnya adakah tokoh-tokoh menteri yang lain turut duduk dalam Majlis MTEN? Ada yang duduk untuk memberikan pandangan mereka. Yang Berhormat menteri-menteri kanan ekonomi dalam Kabinet duduk dalam MTEN. Ini hanya kumpulan eksekutifnya. Saya rasa ini tidak menjadi masalah dan saya

takut ada perkara lain kerana diulangi isu ini seolah-olah tidak ada perkara lain lagi. Saya minta sedikit penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu kenapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri duduk dalam Majlis MTEN. Kita tahu Yang Berhormat dari Rompin mahu cari jalan untuk naik pangkat sahajalah. Ambil perhatian sama ada we are good or not, saya tidak tahulah. Saya rasa gembira menerusi Pelan Pemulihan Ekonomi Negara, MTEN telah berulang kali menekankan bahawa krisis pemulihan ekonomi ini telah diperlengahkan oleh semakin lemahnya keyakinan. Langkah-langkah harus diambil untuk memperkukuhkan keyakinan orang ramai serta pengendalian corporate dan memperkuatkan ketelusan serta accountability melalui pengumuman data ekonomi dengan lebih kerap untuk membolehkan analisa dilakukan dan menambahkan ketelusan. Ia mengatakan bahawa di Britain minit mesyuarat lembaga Bank of England adalah diumumkan kepada orang ramai. Sementara Perbendaharaan atau US Treasury pula mengumumkan data ekonominya secara tepat dan kena pada waktunya.

Saya menyokong sepenuhnya cadangan PPEN yang disediakan oleh MTEN ini. Malang sekali MTEN nampaknya tidak berupaya bertindak mengikut cadangannya sendiri sama ada atas soal komposisi beberapa jawatankuasa malah ahli Parlimen perlu menunggu enam bulan sebelum diberitahu siapakah ahli kelima Majlis Eksekutif MTEN. Dalam soal PPEN yang laporannya tidak diedarkan kepada Ahli Parlimen atau mengenai operasinya demi semangat lebih akauntabiliti dan ketelusan adakah MTEN bersedia mengumumkan semua laporan dan kajian yang dilakukannya menerusi beberapa jawatankuasa bertugasnya itu.

Sehubungan ini mengapakah kerajaan mengambil masa yang panjang untuk mengumumkan data persembahan prestasi ekonomi Malaysia untuk suku kedua (second quarterly). Lain-lain negara telah pun melaporkan ekonomi suku tahun kedua mereka daripada bulan April hingga Jun. Sebagai contohnya pada 28 Julai

1998 Singapura telah mengumumkan bahawa ekonominya hanya bertumbuh sebanyak 3.8% dalam enam bulan pertama dan kemungkinan mengalami kemelesetan dalam enam bulan seterusnya. Momentum pertumbuhan Singapura telah menjadi perlahan secara ketara dengan kesemua sektor selain daripada pembinaan yang terjejas oleh kegawatan ekonomi. Ramalan kerajaan Singapura bahawa pertumbuhan ekonomi adalah sebanyak 0.5% kepada 1.5% untuk seluruh tahun, maka angka 'HI' atau first half bererti ekonomi mungkin mengecut sebanyak 0.7% kepada 2.6% dalam tempoh bulan Julai hingga Disember. Dalam suku tahun pertama ekonomi Malaysia mengecut atau kontrak sebanyak 1.8% dan rakyat Malaysia bersungguh-sungguh ingin tahu jumlah contraction KDNK untuk suku tahun kedua ini.

Saya menyeru supaya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan supaya mengemukakan semua data ekonomi dan statistik ini demi memulihkan keyakinan kerana PPEN sudah memberi amaran bahawa KDNK Malaysia mungkin akan mengecut lebih dari ramalan awal iaitu -1% ke -2% sekiranya kekurangan keyakinan berterusan. Prospek ekonomi untuk tahun 1998 dalam senario contraction KDNK sebanyak -1% kepada -2% sememangnya amat gelap dan membimbangkan. Adakah data dari prestasi suku tahun kedua ekonomi nanti akan menyokong apa yang diramalkan oleh kerajaan ini atau menguatkan ramalan pesimistik para ahli ekonomi dan penganalisa bahawa contraction KDNK Malaysia untuk tahun ini mungkin sebanyak -4% ke -5%. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Pembangunan ini adalah untuk membolehkan kerajaan memberikan bantuan dan pinjaman serta melabur di dalam Danaharta Nasional Berhad atau mana-mana korporat yang dipunyai oleh Kerajaan Malaysia sekiranya bantuan pinjaman atau pelaburan itu dilakukan untuk tujuan menyokong atau mengekalkan pembangunan berkekalan sistem perbankan dan kewangan Malaysia atau mana-mana bahagian Malaysia atau untuk sebarang tujuan yang

berkaitan. Krisis ekonomi masa kini telah membawa keprihatinan mengenai sektor kewangan Malaysia yang terdedah.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memperkukuhkan dan memberikan keyakinan terhadap sektor kewangan Malaysia seperti jaminan kerajaan terhadap deposit dan percantuman serta konsolidasi dalam sektor kewangan. Sungguhpun langkah-langkah ini telah diambil di antaranya termasuklah penubuhan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad PPEN sendiri telah mengakui bahawa wujudnya ketidakpastian secara am terhadap kekukuhan sistem perbankan. Pengurusan Danaharta akan membawa kesan langsung ke atas pengurusan non performing loan dan pemulihan perniagaan-perniagaan yang berdaya maju. Anggaran PPEN secara konservatif mengenai jumlah NPL dalam sistem perbankan adalah dalam lingkungan RM74 bilion atau 15.7% NPL pada akhir tahun 1998 dan meningkat menjadi RM100 bilion atau 19.7% NPL pada akhir tahun 1999 sekiranya tidak ada sebarang langkah diambil untuk menangani masalah ini. Pengurusan Danaharta akan membeli sebahagian non-performing asset daripada bank-bank sementara membebaskan bank-bank daripada masalah mengurus non performing asset di samping menyuntikkan tunai ke dalam sistem bank. Maka bank-bank perlulah mengadakan peruntukan untuk membatalkan kerugian dalam nilai pinjamannya hasil daripada pinjaman itu. Tindakan ini akan menjejaskan kenyataan untung rugi serta kunci kira-kira mereka. Portfolio NPL bank-bank mungkin akan menurun tetapi adequacy rasionya masih terhakis dan ini bererti mereka memerlukan recapitalization.

Persoalan pertama yang timbul adalah daripada manakah kerajaan akan mencari wang untuk menanggung cadangan PPEN sebanyak RM60 bilion untuk kick start ekonomi negara antaranya RM25 bilion untuk pengurusan Danaharta dan RM16 bilion untuk recapitalization bank-bank. Kegagalan PPEN yang paling serius adalah apabila kerajaan terpaksa menanggung rancangan untuk mengadakan road show antarabangsa demi mengutip US\$2 bilion atau RM8.4

bilion daripada penjualan bon-bon. Rancangan keluar negeri secara berasingan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan serta Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas telah ditangguhkan berikutan penurunan penilaian solvency oleh agensi kredit rating Moody's dan Standard and Poor. Pembatalan road show antarabangsa untuk mengutip tabung dari institusi-institusi kewangan antarabangsa merupakan satu sebab utama bagi keruntuhan pasaran saham BSKL selepas PPEN diumumkan kerana ia membimbangkan semua pihak mengenai keupayaan kerajaan untuk membawa negara ini keluar daripada kemelesetan ekonomi. Pertamanya selepas tempoh 13 tahun dan saya ingin mengulangi di sini bahawa DAP bersedia untuk memberikan kerjasama sepenuhnya kepada PPEN sekiranya kajian yang mendalam menunjukkan bahawa ia merupakan satu pelan yang sememangnya dapat memulihkan keyakinan di kalangan rakyat serta pelabur dan membantu memulihkan ekonomi negara dalam masa yang paling singkat. Inilah mengapa rakyat Malaysia memerlukan lebih maklumat mengenai PPEN.

Sebagai contoh dari manakah wang untuk pengurusan Danaharta re-capitalization bank-bank dan lain-lain usaha yang melibatkan perbelanjaan rasaksa akan dicari. Kerajaan harus menyedari bahawa petanda-petanda yang mengelirukan serta tidak konsisten mengenai dasar ekonomi makro, sungguhpun membahayakan usaha memulihkan keyakinan. Sebagai contohnya PPEN mencadangkan supaya kerajaan mengeluarkan bon jangka panjang bernilai RM20 bilion kepada KWSP, Petronas dan syarikat-syarikat insurans.

Pada hari Khamis yang lepas Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pula berkata bahawa kerajaan tidak mengharapkan KWSP mengambil bahagian dalam bon RM20 bilion yang bertujuan untuk memajukan usaha pemulihan ekonomi ini.

Sementara saya mengalu-alukan kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, saya ingin menyeru supaya Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas secara terbuka menyetujui pendirian ini khasnya pendirian sebegini bertentangan dengan cadangan PPEN.

Kedua-dua Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan Menteri Tugas-Tugas Khas haruslah sensitif terhadap kekhawatiran dan keprihatian 9 juta pencarum KWSP. Tentang keselamatan 160 bilion tabung KWSP mereka yang bertambah sebanyak 1.2 bilion setiap bulan. Pada masa negara sedang menghadapi krisis kecairan wang KWSP yang kaya tunai merupakan satu tabung yang besar dan sasaran menarik kepada mereka yang mencari-cari sumber-sumber menyelamatkan syarikat-syarikat ditimpa masalah yang mempunyai hubungan politik.

Sekiranya KWSP kini tidak diminta membeli sebahagian daripada 20 bilion bon kerajaan untuk membantu mempercepatkan pemulihan ekonomi dan sebelum ini saya telah meramalkan bahawa KWSP mungkin akan diperlukan untuk melabur sebanyak RM10 bilion. Maka dari manakah RM20 bilion ini dapat dikumpul? Adakah ia datang dari Petronas dan syarikat-syarikat insuran. Pengerusi Petronas Tan Sri Azizan Zainol Abidin telah berkata bahawa syarikat Petroleum Negara telah bersedia untuk memberi sebahagian daripada RM20 bilion bon akan dikeluarkan atas cadangan PPEN ini untuk membantu memulihkan ekonomi negara. Petronas mempunyai rizab lebih kurang RM30 bilion dan ia mestilah bertanggungjawab terhadap Parlimen mengenai cara pengurusan rizab Petronas ini supaya kepentingan jangka panjang negara serta rakyat dapat dijaga dan apakah pelindung-pelindung yang ada untuk memastikan bahawa rizab-rizab ini tidak akan digunakan dalam operasi bail-out.

Dalam meminda Akta Kumpulan Wang Pembangunan supaya kerajaan boleh membekalkan bantuan dan pinjaman kepada Pengurusan Danaharta, maka

persoalan mengenai akauntabiliti dan ketelusan bantuan-bantuan serta pinjaman ini menjadi soalan yang penting yang sehingga kini belum dijawab secara memuaskan.

Tambahan lagi Rang Undang-undang juga memberi kuasa kepada kerajaan untuk membekalkan bantuan dari pinjaman bukan hanya kepada Pengurusan Danaharta tetapi juga mana-aman pertubuhan perbadanan yang dikuasai oleh Kerajaan Malaysia jika pendirian pinjaman ataupun pelaburan itu adalah bagi maksud menyokong atau menyelenggarakan pembangunan berterusan sistem perbankan dan kewangan Malaysia atau mana-mana bahagian di Malaysia atau bagi apa-apa tujuan yang berkaitan. Ini adalah sama seperti memberi satu blank cheque kepada kerajaan untuk membentuk lain jenis syarikat-syarikat ala Pengurusan Danaharta untuk menyelamatkan bank-bank dan institusi-institusi kewangan tanpa perlu balik atau datang ke Parlimen untuk menjawab sebarang pertanyaan. Ini akan menjadi satu malapetaka besar sekiranya bantuan pinjaman atau pelaburan yang dikeluarkan mengikut pindaan ini kepada lain-lain pertubuhan perbadanan adalah yang lebih besar dari bantuan pinjaman atau pelabur kepada syarikat-syarikat Danaharta kerana ia secara langsung menimbulkan masalah kebertanggungjawaban Parlimen.

Apakah pelindung atau safe guard yang ada untuk memastikan bahawa salah gunakan kuasa serta wang awam ini langsung tidak akan berlaku selepas pindaan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Kota Melaka.

6.55 ptg.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang saya untuk membuat ucapan yang terakhir di Parlimen dan saya ingin merakamkan terima kasih ke atas kerjasama yang diberikan dan juga bantuan yang diberikan sehingga sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan perbahasan saya tentang Rang Undang-undang ini, saya harap bahawa pihak Yang Berhormat Timbalan

Menteri bolehlah menumpukan perhatian beliau tentang pentingnya Rang Undang-undang ini terhadap sistem perbankan negara kita. Tidak boleh dinafikan bahawa krisis kewangan yang melanda negara kita telah memberi kesan yang begitu besar terhadap sektor kewangan sehingga banyak perniagaan telah menghadapi masalah ekoran krisis kewangan ini dalam bentuk berikut:

- (i) kenaikan kadar faedah yang begitu tinggi sehingga menjadikan banyak perniagaan tidak bermaya langsung untuk meneruskan operasi mereka.
- (ii) kesusahan oleh para peniaga khususnya yang dalam bentuk sederhana kecil untuk mendapatkan pinjaman daripada bank oleh kerana kekurangan liquidity yang sedia ada dalam pasaran; dan
- (iii) penurunan nilai hartanah yang menyebabkan cagaran ataupun collateral yang dicagarkan kepada bank memaksa peniaga dengan izin, top-up margin untuk memberikan perlindungan yang sama kepada bank. Contohnya kalau sesuatu collateral atau hartanah bernilai RM100 ribu penurunannya sebanyak 50% kepada RM50,000 memaksa peminjam mengurangkan pinjaman mereka ataupun menambah margin dengan menambahkan hartanah supaya mengurangkan risiko yang dihadapi oleh pihak bank.

Ketiga-tiga masalah ini meruncingkan masalah yang dihadapi oleh peniaga tambah lagi apabila kita menghadapi penurunan nilai mata wang Ringgit dan juga kekurangan permintaan oleh kerana kekurangan dana dalam pasaran.

Penurunan nilai mata wang Ringgit telah menyebabkan kos pengimportan dan barangan-barangan mereka naik dan ini telah meningkatkan kos operasi sehingga dari tahap 50% ke 100% dan pada masa yang sama kekurangan permintaan dalam pasaran menyebabkan penjualan mereka tidak dapat dilaksanakan dan kadang kala mereka tidak boleh membuat sebarang penjualan kerana tidak boleh memastikan pembayaran oleh pembeli-pembeli mereka.

Kelima-lima faktor ini, tiga daripada bank-bank dan dua daripada keadaan pasaran semasa dan juga penurunan nilai mata wang Ringgit telah memaksa atau akan memaksa banyak peniaga sudah gulung tikar dan di sini sungguhpun ada banyak saranan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita masih belum melihat kelonggaran seperti mana yang dijanjikan baik dari segi penurunan kadar faedah ataupun dari segi kesediaan bank untuk meminjam lebih kepada peniaga. Saya tidak tahu sama ada kelonggaran yang diumumkan ini hanya akan dilaksanakan pada satu tahun kemudian apabila kebanyakan peniaga sudah terpaksa gulung tikar.

Saya harap perkara ini bolehlah disegerakan oleh kerana kalau tidak saya khuatir lebih ramai peniaga akan terpaksa gulung tikar ataupun lingkup dan banyak pekerja akan kehilangan pekerjaan mereka.

Pada masa yang sama Bank Negara tidak boleh lari daripada tugas dan tanggungjawab jika gagal menguruskan bank dengan baik sempurna dan teratur. Di sini saya ingin merujuk kepada satu jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan semasa sesi perbincangan mengenai Akta AMC atau Pengurusan Danaharta Nasional Berhad di mana saya ada bertanyakan beliau tentang sistem hierarki di bawah CAMEL untuk bank-bank di Malaysia seperti mana yang dijalankan oleh FIDC di Amerika Syarikat. Iaitu adakah Bank Negara identifikasikan bank dalam tahap pengurusan yang baik iaitu di bawah sistem CAMEL iaitu C-capital adequacy (kecukupan modal) A-asset quality (kualiti aset). M-Management competency (pengurusan yang cekap), E-earning capability (keupayaan pendapatan) dan L-liquidity conditions (kedudukan mudah tunai). Tentu sekali mungkin Bank Negara telah terlupa untuk memasukkan satu lagi kriteria iaitu sensitivity to market analysis, iaitu melihat macam mana keadaan luaran boleh mempengaruhi atau menjejaskan prestasi sesebuah bank iaitu CAMELS yang sekarang sudah dipakai oleh FIDC di Amerika Syarikat.

Tetapi mengikut klasifikasi CAMEL yang dijalankan oleh Bank Negara, jawapan yang saya perolehi iaitu seperti berikut, saya petik:

BNM telah melaksanakan sistem penarafan dua peringkat (tiering system) untuk institusi perbankan di mana model CAMEL digunakan sebagai cara untuk menentukan sama ada satu-satu institusi perbankan akan diberi taraf satu atau dua iaitu Bank Negara mendakwa mereka pun ada sistem CAMEL sendiri.

Setakat 31 Julai 1998 iaitu baru empat hari yang lepas sepuluh bank perdagangan, enam bank saudagar, empat syarikat kewangan telah diiktiraf sebagai institusi perbankan bertaraf satu. Bakinya iaitu 25 bank perdagangan, enam bank saudagar dan 34 syarikat kewangan kekal ditaraf dua iaitu ada dua tiering system. Taraf dua ada 10 bank perdagangan, enam bank saudagar, empat syarikat kewangan. Dan apakah institusi tersebut, kalau kita lihat Bank Perdagangan, Bank Bumiputera, Bank of Commerce, Citi Bank, Hong Kong Bank, Maybank, OCBC Bank, Public Bank, RHB Bank, Standard Chartered Bank, dan The Pacific Bank Berhad. Tidak ada bank yang dimiliki oleh Yang Berhormat Rompin so dia tidak payah, dia boleh relax sedikit.

Taraf satu (tier one) di bawah CAMEL mengikut jawapan rasmi yang saya perolehi tetapi saya masih pada dua minggu lepas ada satu laporan oleh Moody's yang mengklasifikasikan prestasi Bank Bumiputra sebagai 'E' rating iaitu yang paling teruk sekali. Iaitu sebenarnya kalau tidak ada sokongan daripada pemegang saham iaitu Kerajaan Malaysia bank ini sebenarnya sudah lingkup.

Hadapi masalah liquidity yang begitu teruk sekali dan begitu serius sekali. Tetapi Bank Negara pula cakap di sini, nyatakan di sini taraf satu di bawah C-A-M-E-L, CAMEL system. Saya tidak tahu apakah sistem pengurusan perakaunan yang dipakai oleh Bank Negara mungkin lain daripada yang dipakai oleh International

Accounting Standard. Lain daripada yang dipakai oleh syarikat pengurusan perakaunan antarabangsa ataupun oleh yang ditetapkan oleh.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Rompin, bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Bank of International Settlement diSwitzerland.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kota Melaka hari ini garang bercakap hari ini, tidak tahulah mengapa istimewanya hari Isnin ini untuk beliau. Tetapi saya hendak bertanya bila yang rating yang dikeluarkan ataupun kenyataan yang dikeluarkan oleh Bank Negara itu. Bila masa mereka memberikan senarai bank-bank yang taraf satu, bila masanya, tarikh bila.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih jawapan daripada penjelasan yang diminta oleh Yang Berhormat Rompin. Ini ialah setakat 31.7.1998. Ini jawapan rasmi kodnya KK/BP 1.10 24/6 73 SJB 158 kod rasmi Kementerian Kewangan. Ini ialah... nanti-nanti saya akan berikan, saya habis pengungkapan saya dahulu. Ini menunjukkan bahawa Bank Negara sendiri menggunakan sistem CAMEL, menarafkan Bank Bumiputra sebagai taraf satu, CAMEL skill one, paling baik sekali di dalam kumpulan bank yang paling baik. Tetapi Moody's pula yang paling teruk sekali, yang paling bawah sekali iaitu E. Kalau begitu saya hendak tahu mengapa ada perbezaan yang begitu besar. Mungkin Yang Berhormat Rompin hendak berikan jawapan, sila. Hendak? Tidak mahu?...Hendak penjelasan bukan?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak minta penjelasan yang isu yang dibawa tentang pengawasan Bank Negara. Sebab itulah kalau kita lihat dalam Rang Undang-undang ini, usaha untuk mengukuhkan bank-bank yang ada dan kalau kita lihat dari segi Moody's ini. Adakah agenda mereka

mahu melihat melihat ekonomi kita pulih? Macam di Jepun sendiri, Moody's pun juga memberi satu rating yang tidak baik di Jepun dan ada satu artikel baru-baru ini baru perasan, dia mengatakan bahawa syarikat-syarikat pemegang saham syarikat rating ini mungkin dia ada agenda mereka sendiri, saja mahu menggunakan rating mereka menjatuhkan sesuatu bank ini kerana mereka ada kepentingan untuk mengambil alih bank-bank itu nanti bila harganya jatuh, sahamnya jatuh. Jangan kita terbawa, bahawa adakah mereka ini mahu melihat kemudian ekonomi kita pulih. Satu artikel saya boleh beri Yang Berhormat bahawa dipersoalkan agenda rating-rating agencies ini. Dia mungkin ada agenda lain, janganlah kita terikut sangat kepada mereka. Saya minta penjelasan sedikit.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menggunakan sistem CAMEL yang dipakai oleh Bank Negara dan dalam analisa yang dibuat oleh Moody's juga mengguna sistem yang sama. Ini ialah satu sistem piawaian antarabangsa untuk bank-bank dan kalau perbezaannya begitu besar, jurangnya begitu besar boleh diperjelaskan seperti mana yang katakan Yang Berhormat oleh kerana grand design, hidden agenda. Saya akan rasa puas hati dan senang hati. Kerana ini menunjukkan bahawa bukanlah Bank Negara yang tersilap ataupun salah mengurus ataupun telah menutup kelemahan bank-bank.

Tetapi adakah ini sebab sebenarnya. Bahawa Moody's sengaja menurunkan taraf Bank Bumiputra ataupun lain -lain bank. Kerana mereka ada hidden agenda. Kalau inilah nanti saya akan beri. Kalau inilah hidden agenda saya harap ini boleh diperjelaskan oleh Bank Negara kerana ini terlalu jauh beza. Sebagai contoh, kerana saudara seorang hi-tech, saya berikan secara saintifik untuk lebih senang difahami. Ini dengan kata lain Bank Negara cakap bahawa Bank Bumiputera dapat markah seratus tetapi Moody's rating, international rating agency, dengan izin berkata Bank Bumiputera sebenarnya dapat markah kosong. Mengapa jurang perbezaan begitu besar, kalau bukanlah sebab hidden agenda saya amat khuatir

kalau kita hendak luluskan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad gunakan wang. Macam mana kita boleh pastikan standard yang digunakan boleh dipercayai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis Minta penjelasan sedikit. Baru-baru ini Bank Negara sendiri sudah mengeluarkan satu kenyataan tentang kedudukan Bank Bumiputera. Ini sudah Bank Negara keluarkan bahawa ada kemungkinan untuk menambahkan saham, makna dari segi Bank Negara sendiri telah akui ada kemungkinan Bank Bumiputera ada masalah. Betul, ya Timbalan Menteri? Ini yang diperbesarkan isu ini mengapa? Ini saya hendak katakan kita tertarik-tarik kepada isu ini. Saya hendak minta, sudah ada satu kenyataan selepas itu bahawa Bank Negara mengatakan bahawa ada kemungkinan Bank Bumiputera ada masalah. Ini jelas kita tahu.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau begitu Bank Negara sepatutnya tak menyatakan di bawah CAMEL rating, Bank Bumiputera terletak dalam tahap yang paling tinggi sekali. Saya rasa itu yang hendak saya tujukan, bukan terhadap Bank Bumiputera, tetapi terhadap sistem pengurusan dan pengawalseliaan dan pemantauan oleh Bank Negara. Tentu kerajaan telah menjaminkan Bank Bumiputera kalau ada perlunya suntikan modal, akan berikan suntikan-suntikan modal.

Di sini apa yang saya pertikaikan, saya ingat Yang Berhormat faham, hujah utama saya, apa yang saya pertikaikan ialah analisa yang dibuat oleh Bank Negara. Kalau di bawah sistem CAMEL iaitu satu sistem yang dipakai oleh semua negara, kecuali di Amerika Syarikat di mana mereka lebih maju dengan menggunakan Sistem CAMELS mereka tambang 'S' lagi. Tetapi di bawah CAMEL di anggap Bank Bumiputera sebagai E, tetapi Bank Negara pula menganggap Bank Bumiputera sebagai yang paling atas. Dan kalau inilah sistem yang dipakai macam mana kita boleh harapkan keyakinan ke atas sistem....

Dato' Wong See Wah: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Silakan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat dari Kota Melaka itu salah anggap tier 1, tier 2, ini memang satu classification bank di Malaysia ini supaya kita dapat tumpukan bank ini dalam dua kumpulan. Yang pertama bank-bank yang dapat ditumpukan sebagai tier 1 itu terutamanya ialah dapat mencapai capital sebanyak RM500 juta. Jadi ini adalah amat penting sekali, apakah bank yang tidak dapat mencapai modal berbayar itu akan diklasifikasikan sebagai tier 2, dan memang menjadi amalan untuk Bank Negara Malaysia melaksanakan konsep CAMEL, jadi CAMEL ini adalah ditujukan untuk mempertingkatkan sistem perbankan kita, dan ini bukanlah dijadikan sebagai satu rating, jadi kalau Yang Berhormat dari Kota Melaka ini menggunakannya sebagai satu rating untuk bank kita ini adalah tidak adil terhadap Bank Negara Malaysia.

Tuan Lim Kit Siang: Melalui jawapan bertulis, soalan - Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan "whether the hierarchical system under CAMEL classifying bank has done by FIDC USA. How many bank in Malaysia under CAMEL 1, CAMEL 2 or CAMEL 3, signifying good average and bad etcetera." Jawapan - Bank Negara Malaysia telah melaksanakan sistem penarafan dua peringkat tiering system untuk institusi perbankan di mana model CAMEL - saya terangkan di mana model CAMEL digunakan sebagai cara untuk menentukan sama ada satu-satu institusi perbankan akan diberi taraf 1 atau taraf 2. Ini jawapan bertulis.

Dan nyata di sini....

Dato' Wong See Wah: Memang betul Tuan Yang di-Pertua, tetapi kalau kita gunakan ini sebagai satu bandingan dengan Moody's rating ini memang tak adil. Oleh kerana pada keseluruhannya yang dapat, kita hanya ada dua rating sahaja satu tier 1, tier 2, jadi antaranya memang ada prestasi yang kurang baik dan

ada yang baik. Tetapi kalau kita gunakan tier 1, dan berbanding dengan rating apa yang disebutkan itu adalah memang tidak adil sekali. Jadi saya haraplah memang dengan penjelasan ini Yang Berhormat fahamlah, kita tidak gunakan A,B,C,D,E untuk mengklasifikasikan bank-bank kita ini.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau tak gunakan A,B,C,D,E tak patutnya diletakkan dalam tier 1, sekurang-kurangnya mesti dalam tier 2. Tetapi mengapa pula diletakkan dalam tier 1, itu yang menjadi masalah.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya beri penjelasan, saya rasa yang satu hakikat Yang Berhormat dari Kota Melaka, dia kena terima, iaitu ini ialah sistem yang kita gunakan oleh Bank Negara Malaysia, kita hanya dua tier sahaja tier 1 tier 2 itu sahaja, apa boleh kita buat. Itu sistem kalau Ahli Yang Berhormat kena gunakan sistem yang lain, standard yang lain untuk bandingkan dengan sistem yang kita gunakan memang tidak habislah. Yang Berhormat dari Kota Melaka berbincang, bahas sampai larut malam.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita ada International Accounting Standard dan International Standard untuk bank ialah CAMEL. Dan saya dari awal sampai sekarang berpandukan kepada sistem CAMEL. Saya tak lari daripada sistem CAMEL yang telah dilaksanakan oleh semua pakar rating ataupun penganalisa tentang prestasi perbankan. Dan saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri harus sedar bahawa inilah jawapan rasmi oleh pihak kementerian bahawa dalam penarafan sistem CAMEL iaitu tier 1 dan tier 2, adalah berdasarkan model CAMEL, untuk menentukan sama ada sesuatu di bawah tier 1 atau tier 2, ini ialah jawapan bertulis oleh pihak Kementerian Kewangan, oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Dan saya rasa ini adalah....

Dato' Wong See Wah: Bangun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Timbalan Menteri bangun, Yang Berhormat .

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, memang seperti yang saya katakan ini, kalau Yang Berhormat pertikaikan rating atau mutu bank kita ini hendaklah kita gunakan satu standard yang sama, tetapi oleh kerana kita tidak menggunakan sistem A,B,C,D,E, jadi tidak adillah, memang kita gunakan sistem pengiktirafan CAMEL untuk dalam sistem perbankan kita, memang begitu dan kita tidak mengeluarkan rating seperti yang dibuat oleh institusi-institusi yang lain di luar negeri. Jadi memang kalau kita hendak burukkan nama baik bank atau nama baik Bank Negara, saya berpendapat ini adalah tidak adil sekali.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, trading agency untuk menilaikan prestasi bank juga menggunakan CAMEL, kalau Yang Berhormat tak pasti Yang Berhormat boleh rujuk kepada Moody's Agency. Dan pada masa yang sama Bank Negara menggunakan sistem CAMEL, kalau kedua-dua menggunakan sistem CAMEL.....

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, betul, memang kita tidak pertikaikan, memang dia gunakan sistem CAMEL, kita pun CAMEL tapi kita tidak gredkan satu-satu bank itu ABCDE, kita hanya pada keseluruhannya gunakan CAMEL untuk konsep pengiktirafan, tetapi untuk tier 1, tier 2 yang penting sekali itu ialah dari segi modal berbayar. Modal berbayar sebanyak lebih daripada RM500 juta itu dimasukkan dalam kumpulan A iaitu tier 1, yang lain itu di bawah tier 2 itu sahaja, simple. Saya gunakan ini...

Tuan Lim Guan Eng: Saya faham apa yang dikatakan Yang Berhormat Timbalan Menteri....

Dato' Wong See Wah: Kalau kita gunakan standard yang berlainan untuk bincangkan satu-satu memang....

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi ia hanya bukan terletak pada modal berbayar sahaja, kerana jawapan di sini nyatakan dengan jelas bukan sahaja kalau kita cakap dengan modal berbayar, we are taking about liquidity, taking about (capital adequacy), kecukupan modal. Satu daripada lima faktor CAMEL, kecukupan

modal capital educaency, modal berbayar tetapi di sini jawapan yang diberikan ialah lima sekaligus C A M E L, C-A-M-E-L, bukan satu sahaja....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Hah, cerita lainlah.

Tuan Lim Guan Eng: Itu sudah kalah cakap cerita lainlah. *[Ketawa]* Itu biasanya begitu. Oleh demikian saya harap Bank Negara mesti memulihkan keyakinan kepada pasaran, kalau gunakan sistem CAMEL, dia cakap Bank Bumiputera contohnya di bawah, dia yang paling atas tetapi Moody's Rating Agency menggunakan sistem yang sama cakap yang paling bawah sekali. Mana yang tepat, kalau berlaku perbezaan seperti ini saya rasa rakyat Malaysia pun akan rasa bimbang. Kalau wang yang digunakan untuk mencergaskan semula sistem perbankan, saya rasa mereka khuatir dengan pengurusan, pemantauan dan pengawalseliaan sedemikian, macam mana khazanah ataupun wang rakyat boleh terjamin dan saya rasa itu perkara yang pokok sekali, yang menyebabkan kita betaanya-tanya. Tadi Yang Berhormat Ketua Pembangkang sudah menyatakan oleh kerana down grading of Moody's dan Standard and poor rating kita terpaksa membatalkan usaha untuk menerbitkan wang atau meminjam wang kerana terpaksa membayar kadar faedah yang lebih tinggi. Kalau Bank Negara, sistem pemantauan ataupun pengawalseliaan mereka tidak boleh dipercayai, saya takut nanti kalau ada sistem, ada rating untuk Bank Negara, Bank Negara pun akan ditahap yang paling bawah sekali. Adakah kita mahu atau kita membenarkan perkara sedemikian daripada berlaku, atau kita hendak memastikan pengurusan, pengawalseliaan yang dijalankan bukan sahaja telus, accountable tetapi profesional mengikut sistem atau standard perakaunan antarabangsa yang diakui umum (generally accepted accounting principle atau internationally generally adapted accounting principle). Dan di sini saya amat kesal tentang Malaysia Accounting Standard Board, pengumuman yang dibuat hari ini bahawa pendedahan ekor daripada tukaran wang asing boleh ditanggungkan.

Saya rasa ia patut diakui pada penggal atau tempoh semasa, dengan izin, there should not be any deferment of foreign exposure risk. It should be recognized either as a gain in the income item or be expensed for the current accounting period, kerana kalau tidak, ia akan menyembunyikan keadaan kerugian yang sebenarnya. Kalau sesebuah perniagaan yang mendapat pinjaman yang besar ataupun perlu membayar pinjaman yang besar, yang dibuat dalam nilai US Dollar. Dengan penurunan nilai mata wang Ringgit, keuntungan sebanyak-mungkin RM1 juta akan dihapuskan sama sekali, oleh kerana pendedahan risiko tukaran wang asing. Tetapi oleh kerana ia boleh ditangguhkan, ia tidak akan diakui pada tempoh masa sekarang, tapi boleh ditangguhkan sampai bila, kita tidak tahu.

Saya rasa ini amat merbahaya dan mungkin akan menambahkan kecurigaan di kalangan pelabur asing terhadap sistem perbankan. Sistem perniagaan negara kita dan di sini saya rasa, perkara pokok, saya harap kita boleh ikut International Accounting Standard supaya tidak timbul sebarang kemusykilan. IAS 21 telah menyatakan dengan jelas sekali kecuali ia adalah satu pelaburan ekuiti bahawa sebarang exposure to foreign exchange risk must be recognized for the current term dan saya harap perkara ini boleh diambil perhatian oleh Malaysian Accounting Standard Board tetapi pada masa yang sama dalam sistem pengawalseliaan ke atas bank, macam mana Bank Negara menetapkan atau membuat penarafan, saya harap ia boleh dijalankan dengan terbuka, lebih telus dan lebih profesional. Saya tidak mahu lihat perbezaan yang begitu besar di sini. Saya rasa kalau kita bertanyakan pelabur-pelabur asing, rating agency mana yang mereka akan percaya, badan institusi mana yang mereka akan percaya, Moody's atau Bank Negara. Mereka lihat Moody's paling teruk sekali. Bank Negara cakap paling baik sekali. Siapa yang akan mereka percaya. Saya rasa tidak ada pilihan. Mereka tentunya akan lebih percaya atau bergantung kepada Moody's. Gambaran yang mereka perolehi akan menyebabkan mereka meragui setiap penilaian atau setiap pemeriksaan yang dibuat oleh Bank Negara. Ini saya rasa amat merbahaya.

Kita sepatutnya memulihkan keyakinan yang mereka ada terhadap Bank Negara, bukan sebaliknya. Saya amat kesal bahawa dalam perkara ini pihak Bank Negara masih tidak mahu memberikan penjelasan, mungkin tidak dapat nasihat ataupun maklumat yang lebih sempurna. Yang Berhormat Timbalan Menteri masih

cuba mempertahankan Bank Negara, sebaliknya Yang Berhormat harus mempersoalkan Bank Negara, macam mana mereka menjalankan tugas, sekurang-kurangnya lebih mendekati piawaian antarabangsa

Dato' Wong See Wah: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan!

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat sangat berminat terhadap saya.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, bukankah satu ketika kita digelar sebagai 'tiger economy', mengapa pada masa itu perkara seperti ini tidak ditimbulkan oleh Yang Berhormat, jadi ketelusan, tetapi pada masa sekarang, oleh kerana kegawatan ekonomi, jadi perkara ini timbul, bukankah ini merupakan satu perkara yang amat ganjil sekali sama ada Yang Berhormat dari Kota Melaka mempunyai pendirian sendiri ataupun ikut sahaja, 'pak turut', orang cakap itu ikut sahajalah, jadi kalau Moody's cakap, Yang Berhormat lagi suka Moody's daripada apa yang kita bentangkan dalam Parlimen ini, saya memang ragu-ragu dengan sikap Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, bukan soal 'pak turut', saya rasa Moody's pun salah atau ada silap, bila mereka membuat penilaian sebelum krisis kewangan melanda rantau Asia pada tahun lepas, tetapi pada masa yang sama negara Malaysia pun salah kerana kedua-dua negara dan juga Moody's Rating Agency dan Standard and Poor memberikan penilaian yang sama, semua bagus, tetapi sekarang tidak ada satu keadaan di mana kita ada satu jurang perbezaan atau pendapat yang begitu ketara sekali. Moody's kata yang paling teruk, Bank Negara cakap yang paling baik. Saya tidak akan bersetuju 100% dengan penilaian yang dibuat tadi

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan...

Tuan Lim Guan Eng: Nanti saya habis, saya akan berikan.

Dato' Wong See Wah: Penjelasan. Saya cuma hendak tahu....

Tuan Lim Guan Eng: Saya akan berikan, biar saya habis dulu ungkapan ini. Saya tidak akan setuju 100% dengan penilaian atau rating penarafan yang dibuat oleh Moody's. Tapi kalau sekurang-kurangnya mendekati apa yang dinyatakan

oleh Moody's, saya rasa ia akan memberikan keyakinan kepada pelabur-pelabur tempatan ataupun luar negara. Kalau tidak, Bank Negara cakap 100 markah, Moody's cakap 0 markah, macam mana ini. Ini jurang yang terlalu besar.

Dato' Wong See Wah: Saya cuma minta Yang Berhormat tunjukkan apakah rating yang telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia yang sangat bertentangan, jauh bezanya rating daripada Moody's. Cuba sebutkan satu contoh sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, iaitu Bank Bumiputra, saya sudah sebutkan berkali-kali tadi. Bank Bumiputera di'rate'kan oleh Moody's 'E', tetapi Bank Negara pula

Dato' Wong See Wah: Saya sudah cakap ini sudah salah, oleh kerana Yang Berhormat punya contoh sudah salah, carilah satu contoh lebih baik, jangan gunakan contoh inilah, gunakan satu contoh yang menunjukkan Bank Negara pada masa sekarang, katakan indicator kita amat baik sekali. Cuba tunjukkan mana satu.

Tuan Lim Guan Eng: Sini, sini, ini jawapan bertulis.

Dato' Wong See Wah: Ini salah guna standard yang berlainan.

Tuan Lim Guan Eng: Dia cakap salah guna.

Dato' Wong See Wah: Saya tak nak buang masa, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Itu terpulang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tapi itu saya rasa satu perkara penting, kita tidak boleh main-main dengan data-data kewangan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pun tahu, kalau kita hendak memulihkan keyakinan orang ramai dan juga pelabur asing, kita patut mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan, lebih-lebih lagi kalau ia ditetapkan di peringkat antarabangsa. Saya sebenarnya terkejut bila saya mendapat jawapan seperti ini sungguhpun jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan ia hanya tertakluk kepada capital adequacy tetapi di sini cakap semua sekali dan selagi Bank Negara tidak mahu mengiktiraf, perlunya kita mengadakan pengawalseliaan ataupun pemeriksaan yang baik, sempurna, dan mengikut piawaian yang ditetapkan, saya rasa susah sekali kita boleh memulihkan atau mengharapkan sistem perbankan boleh mencapai pemulihan yang diharap-harapkan .

Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh merujuk kembali kepada pegawai-pegawai. Janganlah sekadar, dengan izin, close your mind

terhadap perkembangan kewangan terkini kerana seperti yang saya nyatakan tadi, kita bukan cakap semua yang dinyatakan oleh rating agency antarabangsa adalah betul, tetapi pada masa yang sama, bukanlah semua yang dinyatakan oleh mereka, semua sekali salah, saya rasa bukanlah eclectic tetapi melihat dua-dua perspektif supaya kita dapat cari jalan untuk memulihkan ekonomi.

Saya ada banyak berbincang dengan Yang Berhormat dari Rompin tentang perlunya kita mencerahkan kembali ekonomi kita. Satu langkah yang penting ialah bank, di mana saya rasa sungguhpun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah bercakap bahawa untuk Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, kita perlukan mungkin RM25 bilion untuk mengatasi masalah NPL dan RM16 bilion untuk recapitalisation of these banks supaya ia dapat risk rated capital ratio kurang daripada 9%, adalah penting bahawa kita menyoalkan sama ada jumlah ini mencukupi. Saya rasa sungguhpun pihak kerajaan menyatakan sekadar RM25 bilion, tetapi ramalan telah dibuat bahawa pada tahun depan NPL akan mencapai ke tahap 20% ataupun RM100 bilion, macam mana RM25 bilion ini mencukupi. Kalau sekadar RM25 bilion sahaja, apa akan terjadi kepada baki RM75 bilion? Saya rasa itu adalah suatu pertanyaan yang amat penting, sehingga sekarang belum dihad macam mana AMC ini akan beroperasi. Apakah jumlah wang dana minimum yang diperlukan untuk AMC beroperasi. Dengan pembatalan lawatan atau rombongan ke luar negara untuk meminjam wang, saya takut mungkin AMC tidak cukup wang untuk menjalankan tugas mereka. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kepada saya apakah jumlah minimum yang membolehkan AMC beroperasi dan apakah jumlah peruntukan yang sudah disediakan hingga sekarang? Saya rasa itulah sangat penting supaya kita tahu cara ataupun kaedah yang akan dipakai oleh AMC untuk menjalankan tugas mereka.

Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan juga manakah bank-bank yang akan menghadapi ataupun merupakan pelanggan yang paling besar kepada AMC. Who were be the biggest client of AMC dari segi bank-bank. Kita tahu tentunya salah satu client atau pelanggan yang paling besar ialah Sime Bank yang menghadapi masalah yang begitu besar sehingga boleh rugi RM1.8 bilion dalam enam bulan. Sungguhpun begitu, tidak ada sebarang tindakan yang diambil oleh pihak kementerian

terhadap mereka yang bertanggungjawab ke atas skandal yang berlaku ke atas Sime Bank. Mengapakah sehingga sekarang tidak ada atau pihak kerajaan masih belum menyediakan nama-nama siberhutang yang paling besar yang gagal membayar hutang mereka kepada Sime Bank, dan apakah tindakan yang diambil ke atas pegawai-pegawai yang meminjamkan wang beratus-ratus juta ringgit tanpa mengikuti peraturan perbankan ataupun kawalan dalaman sepertimana yang ditetapkan. Saya rasa ini adalah satu perkara penting kerana RM1.8 bilion telah pun disia-siakan.

Selain daripada Sime Bank, manakah bank-bank lain yang menghadapi masalah yang sama? Adakah di antara bank-bank itu termasuk Bank Bumiputra yang mendapat rating yang begitu rendah oleh Moody's. Di sini saya ingin tahu adakah benar bahawa bank ataupun non-performing loan (NPL) di Bank Bumiputra sudah mencapai lebih daripada RM2 bilion. Adakah angka yang diberikan ini benar ataupun melebihi daripada apa yang disebutkan. Bolehkah Yang Berhormat menyatakan sebenarnya jumlah NPL di Bank Bumiputra?

Pada masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat pengesahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, ekoran pembatalan lawatan ke luar negara untuk mendapat wang, ada cadangan yang dibuat untuk mendapat pinjaman daripada institusi-institusi tempatan, khususnya Petronas dan KWSP. Sejauh manakah usaha ini telah dijalankan? Berapa banyak telah diperolehi sama ada menerbitkan bon ataupun cara instrumen-instrumen lain untuk mendapat wang dari Petronas dan KWSP? Berapa banyakkah wang yang telah dikeluarkan dari Petronas dan KWSP? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini dan saya rasa juga rakyat yang ingin tahu macam mana wang mereka telah digunakan?

Di sini saya ingin bersuara bagi pihak pencarum-pencarum KWSP yang ingin meminta pihak kerajaan supaya jangan menggunakan wang mereka untuk AMC. Kerana

mereka khawatir kalau wang mereka ini digunakan dan berlaku apa-apa risiko, saya rasa pelaburan ataupun caruman yang mereka buat mungkin akan hilang sama sekali. Malah ada sesetengah pekerja-pekerja ataupun pencarum yang melahirkan perasaan khawatir kalau KWSP pinjam sampai habis, saya rasa ini bermakna mereka tidak boleh bersara, kerana kalau bersara tidak boleh dapat wang, mungkin terpaksa kerja sampai habis. Saya rasa itu bukanlah keadaan yang diinginkan oleh pihak kerajaan dan juga oleh pihak persatuan sekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa prinsip utama dalam Pengurusan Danaharta Nasional Berhad ini sepatutnya bukan untuk menyelamatkan bank, tetapi untuk memulihkan sistem perbankan. Saya rasa di sini kalau perlu, kita harus mencantumkan bank-bank yang menghadapi masalah, termasuk kalau perlu membiarkan mereka menghadapi hukuman pasaran. Saya membuat saranan ini kerana saya rasa Bank Negara mempunyai tanggungjawab yang besar untuk melindungi deposit-deposit yang dibuat oleh rakyat. Ini saya rasa tidak boleh dilepaskan oleh Bank Negara. Oleh itu, saya amat menentang cadangan yang dibuat oleh MTEN bahawa kita ikut contoh Amerika Syarikat dengan memberikan insurans kepada deposit. Kerana di Amerika Syarikat insurans membayar deposit hanya setakat RM100,000 sahaja. Apa akan terjadi kepada mereka yang deposit yang lebih daripada RM100,000. Saya rasa kita perlu kekalkan amalan seperti sekarang. Tetapi yang penting ialah kalau bank menghadapi kerugian, semua risiko harus ditanggung oleh mereka. Janganlah kita ada satu keadaan sepertimana yang saya pernah tegaskan sebelum ini bahawa apabila bank untung, merekalah yang meraih segala keuntungan itu. Tetapi apabila bank rugi, rakyatlah yang dipaksa menanggung kerugian bank. Saya rasa itulah keadaan yang tidak boleh diterima. Oleh sebab itu, pemegang-pemegang atau pemilik-pemilik bank mestilah menghadapi hukuman baik dari segi hukuman pasaran dan juga segala risikonya. Bukanlah rakyat Malaysia yang terpaksa menanggung beban sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu bercakap dengan panjang lebar dalam perkara ini, kecuali saya rasa Yang Berhormat dari Rompin pun hendak balik, kerana dia cepat hendak balik, tetapi itu hal dia. Tetapi yang penting kalau kita hendak memulihkan keadaan ekonomi negara kita bukan sekadar memulihkan atau mencairkan kembali sistem perbankan kita. Apa yang penting bahawa kita mesti memberikan satu gambaran bahawa kita telah membuat reformasi (structural reform) dalam semua aspek ekonomi, bukan ad-hoc. Kalau hanya soal sistem perbankan tetapi tidak ada sistem saya rasa ia tidak berkesan. Contohnya, saya rasa kita harus tutup industri-industri yang tidak bermaya atau jelas tidak berhasil lagi, tidak boleh membawa sebarang keuntungan lagi. Contoh yang paling ketara ialah Perwaja.

Saya rasa pinjaman yang dibuat oleh KWSP kepada Perwaja telah melebihi berbilion-bilion ringgit. Saya tidak tahu sungguhpun ia dijamin oleh pihak kerajaan. Saya tidak tahu sama ada KWSP boleh mendapat balik pinjaman tersebut. Kerana Perwaja sekarang saya rasa, apakah prestasi Perwaja dengan kerugian melebihi RM3 bilion. Macam mana ia boleh berfungsi sebagai sebuah and on going concern, dengan izin. Saya rasa itu tidak mungkin berlaku. Kalau kita hendak berikan satu gambaran bahawa kita bersedia membuat structural reform without fear or favour tanpa dipengaruhi oleh faktor-faktor politik, saya rasa kita mesti berani menutup operasi-operasi ataupun yang didukung oleh kerajaan tutupkan sama sekali. Contoh yang paling baik selain daripada Perwaja adalah lebih baik yang kecil-kecil, tetapi Perwajalah yang menyebabkan kebocoran kewangan yang paling besar sekali.

Di sini adalah perlu bahawa kita menunjukkan ketegasan, menunjukkan bahawa kita serius dengan menutup Perwaja kerana saya rasa ia tidak feasible lagi dan pada masa yang sama mengambil tindakan ke atas mereka yang bertanggungjawab ke atas kerugian besar Perwaja. Saya percaya kalau tidak kerana salah pengurusan dalam Perwaja, Perwaja sekarang boleh beruntung tetapi oleh

kerana salah pengurusan, oleh kerana penyelewengan, oleh kerana penyalahgunaan kuasa, malah terjadi pula rasuah dalam Perwaja, maka kita sampai ke peringkat sekarang di mana tiap-tiap hari menghadapi kerugian. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu Dewan yang mulia ini apakah kerugian yang dihadapi oleh Perwaja setiap bulan. Adakah sampai RM10 juta seperti mana yang dinyatakan pada masa lampau?

Kalau kita membenarkan perkara ini diteruskan, saya rasa ia akan merupakan satu kebocoran yang tidak boleh ditanggung oleh negara kita lagi. Dengan keadaan ekonomi yang begitu susah – kegawatan ekonomi dan juga kesempitan kecairan ataupun dana kewangan saya rasa kita mesti menutup semua lubang kewangan yang bocor, dengan izin, we must close all the financial drains and leakages, kalau tidak saya rasa susah kita boleh memulihkan ekonomi kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Rompin.

7.42 mlm.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut menyokong rang undang-undang DR 20/98, satu akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966. Saya turut menyokong kerana ini penting, kalau tidak digerakkan – takkanlah Kota Melaka hendak balik, dah?, Kota Melaka kata dia last day, tidak tahulah apa sebabnya, ini memang last day kepada kita semua. *[Ketawa]*

Syabas kepada kementerian dan kerajaan sebab baru-baru ini kita telah meluluskan satu akta untuk mewujudkan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad dan untuk menggerakkan Pengurusan Danaharta, sudah semestinya kita memerlukan satu suntikan wang sama ada suntikan ini berupa grant, pinjaman ataupun pelaburan. So, kita mengucapkan syabas. Kalau kita mahu menggerakkan Pengurusan Danaharta ini kita perlukan satu akta supaya kerajaan dapat memetik

sumber-sumber seperti Akta Kumpulan Wang Pembangunan ini supaya dapat digerakkan Pengurusan Danaharta secepat mungkin.

Saya kata begitu kerana prasyarat untuk hendak memulihkan ekonomi kita dan syabas kepada kerajaan kerana baru-baru ini dilancarkan Pelan Pemulihan Negara. Pokok dan syarat kepada semua ini ialah supaya kita selesaikan atau kita pulihkan kembali seperti asal iaitu sistem bank kita sendiri, sebab itulah akta ini amat penting sekali. Kita mengucapkan syabas kerana dengan lulusnya Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 dan ada akta hari ini di mana dapat disuntikkan grant, loan ataupun pelaburan, dapat digerakkan Danaharta ini untuk memulihkan sistem kewangan dan sistem bank di negara kita.

Saya mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan perasaan dukacita dan saya yakin ramai rakyat berasa dukacita kerana bila negara atau kerajaan hendak keluar mendapatkan/mengeluarkan bon tetapi nampaknya Barat memang hendak menggagalkan usaha kita. Mereka tidak begitu seronok kita menolak pinjaman atau dia tidak begitu suka kita tidak pergi kepada IMF – melutut kepada IMF untuk mendapatkan pinjaman. Kita tidak mahu mendapatkan pinjaman IMF kerana syarat-syarat yang diberi/dikenakan amat berat seperti syarat-syarat yang dikenakan kepada Indonesia. Kalau kita lihat di Indonesia berlaku apa yang berlaku sekarang ini – selepas IMF meminta supaya subsidi minyak dan subsidi makanan dipotong oleh kerana itulah ada social disorder, kebangkitan kemarahan rakyat. Sebab itu berlaku satu permasalahan yang besar di negara Indonesia. Kalau dahulu, US\$1 dalam 8 ribu Rupiah tetapi sekarang sudah menjangkau 15 atau 16 ribu Rupiah tetapi apabila kita menggunakan cara dan pendekatan kita sendiri untuk mendapatkan wang melalui menggunakan sovereign bon kita, mereka cuba menggagalkan usaha kita ini. Sebab saya kata mereka yang menggagalkan sebab the timing, dengan izin, Moody's dengan Standard & Poor downgrade sovereign guarantee kita hanya sehari dua selepas rancangan kita untuk keluar mendapatkan

pinjaman-pinjaman luar negara. Bahkan, mereka ini memang tidak mahu kita bangkit dan pulih seperti biasa, ini sesuatu yang amat dikesali.

Sebab itu saya bimbang tentang Kota Melaka, mungkin Kepong boleh beritahu sedikit Kota Melaka. We must not forget, dengan izin, agenda mereka ini bukanlah kita kata kita berpolitik tetapi kita baca sedikit nampaknya macam ada satu kejadian menolak bahawa Barat ini sayang kepada kita. Kita tidak menolak mesti ada efficiency, mesti ada ketelusan, mesti ada pengurusan yang baik dalam sistem kewangan negara kita, dalam sistem bank kita tetapi kita jangan lupa juga mereka ini ada agenda. Ini macam DAP tidak percaya ini. Kepong saya ingat dia percaya, yang lain mungkin tidak percaya, betul! Sebab kita nampak macam very coincidental, dengan izin, barulah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita, Menteri Kewangan buat rancangan untuk keluar mendapatkan pinjaman bersama dengan Tun Daim. Dulu dia kata kita tidak ada rancangan, tidak ada satu sistem, satu pendekatan untuk memulihkan ekonomi kita – kita adakan Pelan Pemulihan Ekonomi kita – 6 agendanya yang penting termasuk agenda sosial, tidak lupakan yang miskin, tidak lupakan yang di luar bandar, tidak lupakan bumiputera, semua dirangkumkan sebagai satu konsep, satu cara untuk memulihkan ekonomi. Sepatutnya disambut dengan baik, sepatutnya Barat menolong kita tetapi tidak menggunakan Moody's and Standard & Poor ini untuk menggagalkan rancangan kita.

Saya ingat DAP jangan lupa tentang agenda Barat ini sebab itu saya pada hari ini mengucapkan syabas kepada DAP, saya tidak sempat hendak cakap tadi. Syabas kepada DAP dalam isu dengan Singapura ini. Singapura sepatutnya di dalam keadaan yang begini – kita susah, dia pun akan susah juga, negative growth di Singapura tahun ini tetapi mengapa dikeluarkan isu ini sekarang? Tetapi kita bangga DAP – sebab dahulu banyak orang kata DAP ini klon PAP. Kadang-kadang di Parlimen ini orang kata mungkin masih klon sebab dia bercakap pun kurang garang, tengok PAS bercakap, garang! Gerakan garang! MCA garang! Mengapa DAP tidak garang betul? Tunjukkan bahawa DAP bukan klon PAP sebab kita tahu Yang Berhormat Tanjong dengan bekas Perdana Menteri Singapura – Lee

Kuan Yew, dia dalam satu parti dahulu. Mereka berdua yang wujudkan PAP sebab Alhamdulillah pada hari ini dia tunjuk tidak klon yang kita anggapkan tetapi mari kita tunjuk benar-benar DAP ini bukan klon PAP. Kasar sedikit! Jangan kata kita rayu, hujah-hujah itu masih lagi non aggressive , hujah-hujah masih lagi hendakimbang, macam hari ini orang kata bergaduh adik beradik, masih macam ibarat bergaduh adik-beradik. Patut Kota Melaka kalau bercakap ini tegas sedikit macam apa yang PAS kata, apa yang Parti Gerakan kata, apa yang MCA kata barulah – sebab satu lagi saya mengucapkan syabas bahawa dalam isu ini kadang-kadang orang bawa isu ethnicity, isu bangsa bahawa kita amat seronok dalam isu ini – isu kita dengan Singapura tidak ada agenda bangsa tetapi agenda negara. Kalau DAP inilah langkah dengan cara barunya, bahawa dalam isu ini tidak ada politiknya, dalam isu ini ialah antara Malaysia, kebangsaan Malaysia, bangsa Malaysia dan bangsa Singapura, kepentingan kita. Bercanggah, kita akan berhadapan dengan mereka, sebab itu kita mengucapkan syabas dengan DAP tetapi masih lagi lembutlah, macam taring belum ada – gigi ada, taring itu belum ada, mengapa tengok Kota Melaka, Kepong tunjuk ada taring baru kita boleh katakan bahawa DAP ini bukan klon PAP. Kalau tidak nanti masih lagi orang kata sangka-sangkaan bahawa mungkin dia bukan lagi asalnya PAP tetapi masih lagi klon PAP.

Saya hendak berbalik juga kepada isu EPF dengan CPF ini dan mengambil kesempatan dalam isu ini juga nampak gayanya Singapura mengambil kesempatan dalam undang-undang ini bahawa mereka menggunakan isu CPF ini, sebab isu CPF ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini penting sebab kalau wang ini dapat dipulangkan kembali kepada rakyat Malaysia yang bekerja di sana. Dapat kita kumpulkan wang ini boleh digunakan untuk pemulihan ekonomi negara kita tetapi wang yang tersimpan di sana tidak dapat kita gunakan. Tetapi kalau benar-benar Singapura mahu bantu kita mengapa tidak dibenarkan RM1 billion itu dipulangkan kembali ke Malaysia? Nampak mereka ini masih lagi bimbang persaingan mereka dengan kita itu tetap dalam hati mereka, mungkin mulutnya tidak kata begitu. The seize mentaliti seperti yang rakan-rakan kita katakan tadi masih ada pada mereka dan dalam isu KTM ini, saya nampak selain daripada

agenda keselamatan yang dikatakan oleh rakan-rakan tadi dan mereka ini ada agenda komersial ekonomi. Tanah tadi kalau kita pindahkan daripada Tanjong Pagar ke Woodlands, bermakna tanah itu tidak digunakan untuk kereta api lagi. Bermakna tanah itu walaupun 'lease'nya 999 tahun tetapi boleh pindah kepada kerajaan Singapura. Ini bermakna mereka menggunakan strategi ini untuk mendapatkan kembali tanah yang sepatutnya dimiliki oleh KTM.

Ada satu unjuran, Tuan Yang di-Pertua, tanah KTM ini, nilainya S\$5 bilion, there is a stake, dengan izin, S\$5 billion is about RM8 bilion, there is a stake ... Kota Melaka, sebab itu dia hendak kita pindah daripada Tanjong Pagar. Jadi ini isu yang mengukuhkan ekonomi negara kita, kalau Singapura boleh beli tanah itu dengan S\$5 bilion, kerajaan boleh timbang. Tetapi dia hendak ambil 5 bilion harta kita sebab itu dia gunakan inisiatif ini. Cerita wang, cerita hendak pulih ekonomi, tanah itu nilainya tinggi, sebab itu kita tidak menyokong Singapura - Kepong takkan tak faham, tanah, equal itu money, faham. Sebab itu saya - Kepong ini kadang-kadang suruh kita berhenti bercakap, sebab itu kita menyokong usul DAP tadi bahawa kita menolak usaha-usaha Singapura ini supaya dalam usaha mereka secara halus untuk mengambil harta kita supaya tanah-tanah yang 500 ekar tadi dengan cara tidak langsung dahulu dan secara langsung akan pindah kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong akta ini, akta ini penting untuk memulihkan ekonomi negara kita. Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan yang membentangkan akta ini, dengan adanya Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, dengan adanya Pelan Pemulihan Ekonomi Negara, insya-Allah kita berdoa kepada Allah S.W.T. berharap benar Malaysia secepat mungkin dapat dipulihkan ekonomi seperti biasa. Kita bersyukur pada hari ini bahawa semua parti dalam menyokong satu usul, dalam ingatan saya yang ketigalah, dulu dalam isu Bosnia dan Senate Amerika yang meminta Perdana Menteri kita meletakkan jawatan kemudian kita juga sebulat suara menyokong dan hari ini kita membahaskan satu

usul. Kalau arah ini dapat kita tunjukkan bukan hanya untuk mendapatkan mileage tetapi benar-benar untuk kepentingan bangsa Malaysia kita dan kita harap DAP dapat teruskan di masa akan datang tetapi tolong garang sedikitlah jika hendak sokong ini. Jangan sokong dengan gigi sahaja tetapi hendaklah menyokong dengan taringnya sekali. Ya, mungkin kalau Kepong ambil alih, mungkin dia lain cara rentaknya sedikit, mungkin dia lebih garang sedikit. Saya dengan ini Tuan Yang di-Pertua mohon menyokong.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya. Kepong, minta Yang Berhormat jangan panjang sangat. Kita berikan masa untuk perbincangan usul.

7.56 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya akan memadamkan ucapan saya kerana hampir 8.00 malam

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Selepas Kepong, kementerian akan menjawab.

Dr. Tan Seng Giaw: Rang undang-undang ini ialah untuk membolehkan Danaharta berfungsi dengan berkesan. Saya mengambil kesempatan ini mengesyorkan supaya Bank Negara menjadi lebih telus mengenai Hutang Tidak Berbayar (NPL) dari institusi-institusi kewangan. Bank Negara mestilah memaparkan laporan NPL dari setiap bank untuk setiap bulan. Amalan sekarang ialah pengumuman dibuat setiap 3 bulan, setiap satu suku bagi purata NPL untuk semua bank. Memandangkan strategi Pelan Pemulihan Ekonomi Nasional (PPEN) yang diumumkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang menekankan transparency, ketelusan dan consistency, Bank Negara haruslah lebih telus dan consistence.

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan yang lepas Dewan yang mulia ini telah diberitahu bahawa NPL untuk negara ini ialah 8.4%. Semalam kita difahamkan

bahawa NPL ialah 10%, itu kenyataan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah peratusan yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua? Besar kemungkinan NPL akan mencatat 15% atau 20% atau lebih. Apa yang lebih daripada 6% adalah tidak sihat sama sekali. Sebab itu kami mengemukakan supaya Bank Negara mengumumkan keadaan NPL setiap bank, setiap bulan sebagai cara yang telus, yang berkonsisten. Apa yang dibuat oleh Bank Negara sekarang adalah bagi saya tidak telus dan saya berharap menurut PPEN, Bank Negara boleh mengubah cara untuk mengumumkan keadaan NPL di negara ini.

Sebagai sebuah badan berkanun, Danaharta mempunyai kuasa-kuasa khas sepertimana yang diluluskan di Dewan yang mulia ini. Pindaan ini membolehkan kerajaan membuat pemberian dan memberi pinjaman serta melabur dalam Danaharta dengan maksud menyokong atau menyenggarakan pembangunan berterusan sistem perbankan dan kewangan Malaysia. Memang kalau kita hendak mengadakan Danaharta ia mesti boleh berfungsi sedemikian. Menurut Pengurus Besar Danaharta, satu oversight committee, jawatankuasa akan ditubuhkan. Ia adalah terdiri daripada wakil-wakil Kementerian Kewangan, Bank Negara dan Suruhanjaya Sekuriti. Walaupun Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan mengatakan bank-bank akan mendapat wang tunai selepas mereka menjualkan NPL kepada Danaharta, kita masih memerlukan butiran mengenai Danaharta, butiran bagaimana Danaharta dapat berfungsi dengan berkesan. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi gambaran yang lebih lanjut mengenai Danaharta ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang PPEN mengemukakan enam matlamat/objektif untuk memulihkan ekonomi negara. Agenda tindakan ini memerlukan dana-dana, setakat ini dana-dana untuk merangsangkan ekonomi adalah dianggarkan sebagai RM12 bilion. Besar kemungkinan jumlah untuk dana-dana sedemikian akan meningkat kepada RM16 bilion ataupun lebih RM20 bilion, itu memang diperlukan. Mengikut Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Danaharta berkehendakkan RM25 bilion, ini memang satu angka yang besar. Ini bermakna lebih daripada RM45 bilion adalah diperlukan untuk memulihkan ekonomi mengikut enam objektif PPEN.

Tuan Yang di-Pertua, dari manakah kita mendapat wang ini? Sebab setakat ini pihak Kementerian Kewangan tidak menerangkan cara-cara untuk kita mendapatkan wang. Cadangan untuk menjualkan bon-bon jangka panjang seumpama US Treasury Bon, belum lagi dilaksanakan. Salah satu masalah itu mungkin kerana Credit Rating Moody untuk bank-bank Malaysia telah turun. Oleh itu pelancaran bon-bon tersebut di pasaran-pasaran tempatan dan antarabangsa mungkin akan ditundakan. Walaupun terdapat wang dalam rizab Petronas, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan sesetengah syarikat insurans, kita mesti sentiasa berwaspada. Wang rizab ini digunakan dengan lebih teratur, lebih rasional. Seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah mengatakan bahawa rizab KWSP tidak akan digunakan untuk Danaharta. Saya berharap jaminan ini dapat ditunaikan kerana KWSP sudah pun menggunakan lebih wang berpuluh bilion Ringgit untuk maksud-maksud yang tertentu dan saya berharap ia tetap tidak akan menyertai dana untuk Danaharta. Kami mencadangkan supaya kerajaan mengumumkan cara-cara untuk mendapat wang bagi dana-dana tersebut termasuk Danaharta.

Tuan Yang di-Pertua, kemerosotan ekonomi di Jepun dan keadaan ekonomi di Amerika Syarikat mestilah memberi kesan-kesan yang tidak baik ke atas usaha-usaha Malaysia untuk mendapat dana-dana tersebut. Kita haruslah mempelajari daripada pengalaman sistem perbankan di Jepun yang kini mempunyai NPL lebih US\$635 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, Amerika Syarikat memperolehi mata wangnya yang merupakan rizab mata wang banyak negara di dunia, tahun lepas ia mendapat pelaburan asing secara langsung, direct foreign investment US\$50 bilion berbanding hanya US\$6 bilion untuk Malaysia pada tahun-tahun yang baik. US\$150 bilion direct investment untuk US berbanding hanya US\$6 bilion untuk Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pasaran saham di Amerika Syarikat adalah sangat tinggi indeksnya, Dow Jones mencapai tahap kadangkala lebih 9,000 points - tiga kali ganda berbanding dengan indeksnya sepuluh tahun yang lampau. Gabenor Federal Reserve iaitu Bank Negara Amerika Syarikat telah memberi amaran kepada hakikat bahawa indeks Dow Jones ini atau pasaran saham Amerika Syarikat akan

mengalami kesusahan dan pembedahan pasaran tersebut akan berlaku tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, setelah Danaharta mempunyai dana RM25 bilion ia boleh dengan secepat mungkin menyelesaikan NPL dalam sistem kewangan negara ini agar bank-bank dapat memberi pinjaman kepada syarikat-syarikat yang berupaya untuk meraih keuntungan. Di sini saya hendak menekankan bahawa kita tidak mahu Danaharta menggunakan kuasanya untuk menyelamatkan syarikat-syarikat yang tidak berupaya untuk meraih keuntungan. Syarikat-syarikat yang tidak seharusnya diberi bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi global adalah lebih rendah tahun ini, mungkin tidak sampai 3% berbanding dengan ramalan awal 4.3%. Jika pasaran Amerika Syarikat meleset kegawatan ekonomi akan berterusan, tambahan pula kemerosotan ekonomi Jepun akan memburukkan kegawatan ini. Walaupun PPEN menganggarkan pertumbuhan ekonomi pada tahun 2000 adalah 6%, kadar ini mungkin tidak akan tercapai kalau usaha-usaha yang lebih gigih tidak diambil, sebab itulah saya berharap kerajaan mempertingkatkan usaha-usahanya. Ramalan MIER bahawa pertumbuhan -2.9% untuk tahun 1998 dan 0.7% bagi tahun 1999 telah mengambil kira dana-dana rangsangan tersebut RM12 bilion. Pada amnya PPEN mempunyai objektif yang munasabah tetapi keberkesanan perlaksanaannya adalah terpenting sekali.

Tuan Yang di-Pertua, adanya gejala yang baik juga iaitu akaun semasa mungkin akan mencapai lebih RM6 bilion untuk tahun ini dan juga mungkin lebih RM9 bilion untuk tahun akan datang. Tetapi inflasi untuk tahun ini saya percaya mungkin lebih 9%, bukan seperti yang disebutkan oleh Kementerian Kewangan dan kadar pengangguran hampir 6%. Dengan keadaan sedemikian peranan Danaharta adalah mustahak.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada menyelesaikan NPL dengan secepat mungkin saya mengesyorkan supaya kerajaan mengumumkan setakat mana sektor perbankan akan dibuka kepada bank-bank asing. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah mengatakan Malaysia sedia membenarkan syarikat asing memperolehi 51% daripada saham syarikat insurans di negara ini. Kita haruslah memelihara sistem perbankan negara ini tetapi kita juga berkehendakkan wang,

berkehendakkan kecairan. Kita mestilah mencapai satu keseimbangan untuk menarik sumber dana asing, kepakaran dan keyakinan bank-bank asing sambil mempertahankan kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, jika Danaharta berjaya untuk melepaskan bank-bank tempatan daripada NPL, saya menyarankan supaya pinjaman-pinjaman dari bank-bank kita untuk pasaran saham spekulatif dan hartanah dikurangkan dengan seboleh-bolehnya. Salah satu faktor yang menyebabkan sistem perbankan tempatan ketandusan wang caira sekarang ialah kerana pinjaman-pinjaman yang terlalu banyak kepada pasaran saham spekulatif dan hartanah. Walaupun keadaan di Malaysia tidak seburuk kedudukan di Korea Selatan, Indonesia dan Jepun tetapi ia adalah serius, sebab itu saya menyeru sekali lagi supaya pinjaman-pinjaman dari bank-bank kita untuk pasaran saham spekulatif dan hartanah dikurangkan dengan seboleh-bolehnya. Sekian, terima kasih.

8.10 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada 4 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan Rang Undang-undang ini iaitu Yang Berhormat dari Tanjong, Yang Berhormat dari Kota Melaka, Yang Berhormat dari Rompin dan Yang Berhormat dari Kepong.

Secara keseluruhan, izinkan saya memberitahu Dewan yang mulia ini, apakah tahap NPL terkini sekali. Dan jawapan itu memanglah seperti yang telah dijawab dalam Dewan ini iaitu sehingga akhir Mei 1998 tahap NPL bersih sistem perbankan negara ialah 8.5% dan daripada jumlah pinjaman yang diberikan. Jadi angka yang diberikan kepada Yang Berhormat dari Kepong itu mungkin adalah dianggap sebagai satu contoh dalam pengiraan secara ringkas. Jadi mungkin itu adalah satu salah faham.

Dan apakah RM25 bilion itu cukup untuk menangani NPL? Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan beberapa faktor bahawa yang pertama tanah itu tidak akan memasukkan pinjaman-pinjaman berkaitan kredit pengguna iaitu "consumer goods" ataupun "consumer credits". Dan pinjaman-pinjaman kecil dalam portfolio

NPL yang akan diambil alih olehnya. Yang kedua kemungkinan besar setengah-setengah bank yang kukuh tidak akan menjual NPL mereka kepada Danaharta. Dan yang ketiga, Danaharta hanya akan membeli NPL pada nilai pasaran ideal. Jadi jumlah RM25 bilion yang dianggarkan dijangka mencukupi, walaupun sekiranya tahap NPL meningkat ke paras 20 ataupun sehingga 25 % dari jumlah pinjaman yang diberikan.

Tentang soalan mengenai mana satu bankkah yang akan menjadi pelanggan utama daripada Danaharta. Perlu saya ingatkan bahawa Danaharta tidak mempunyai kecenderungan ataupun dengan izin preference kepada mana-mana satu bank. Semua urusan antara Danaharta dan bank-bank akan dijalankan atas kerelaan masing-masing. Oleh itu siapa yang akan menjadi pelanggannya ataupun pelanggan Danaharta hanya akan diketahui selepas urusan itu disempurnakan.

Sukacita juga saya sebutkan beberapa garis panduan pembelian NPL. Ini adalah berasaskan modus operandi. Yang pertama, sebenarnya sebelum saya lanjutkan, butiran lanjut mengenai garis panduan pembelian NPL akan diumumkan oleh Danaharta apabila telah disempurnakan. Jadi secara am dalam pembelian NPL, Danaharta akan berunding hanya dengan institusi-institusi kewangan. Jadi individual atau perseorangan itu ataupun peminjam-peminjam ataupun syarikat-syarikat individual itu tidaklah terlibat dalam modus operandi ini. Jadi penglibatan peminjam-peminjam pada peringkat perundingan ini adalah amat sedikit sekali. Sekarang pun sebaik sahaja pengambilan alih NPL tersebut disempurnakan, Danaharta akan berurusan dengan peminjam untuk merangka cara menyelesaikan NPL tersebut.

Yang kedua, berdasarkan prinsip ketulusan, Danaharta tidak boleh mengambil alih sesuatu aset secara paksa. Setiap perolehan aset mesti dirundingkan antara Danaharta dengan penjual. Urusan hanya boleh diteruskan sekiranya penjual bersetuju menjual aset tersebut kepada Danaharta dan kedua-dua belah pihak sama-sama bersetuju dengan terma-terma urusan tersebut.

Yang ketiga, selepas Danaharta membeli sesuatu NPL, ia akan mengambil alih tempat ataupun *step into the shoes of bank*, penjual serta menerima segala hak dan obligasi bank itu di dalam NPL berkenaan. Ekoran daripada penjualan NPL ini kedudukan peminjam tidak akan berubah kecuali peminjam tersebut kini berhutang dengan Danaharta dan bukan bank peminjam asal. Melainkan keadaan menuntut sebaliknya Danaharta akan meneruskan pinjaman berdasarkan tema-tema dan syarat-syarat sedia ada. Bagaimanapun kerana Danaharta bukan sebuah bank, kadar faedah yang dikenakan oleh Danaharta akan dihitungkan dengan merujuk kepada kos dana ataupun *cost of fund* dengan izin, atau kadar pinjaman asas, base BLR sesebuah institusi kewangan berlesen yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Sama ada ini merupakan satu usaha untuk menyelamatkan atau bail out syarikat, sukacita saya maklumkan iaitu Danaharta tidak akan menjadi sebuah badan penyelamat syarikat ataupun bail out vehicle kerana misinya khusus untuk mencergaskan semula sektor kewangan. Misi ini juga turut diperkukuhkan oleh keperluan agar operasi Danaharta bersifat telus. Contohnya dengan cara menerbitkan:

- I. kaedah dan pendekatan penilaian aset yang digunakan;
- II. statistik kewangan yang memenuhi protokol komersial antarabangsa; dan
- III. laporan tahunan.

Sebagai tambahan pentadbiran korporat Danaharta akan berpandukan amalan-amalan terbaik antarabangsa, sesebuah lembaga pengarah yang bebas akan dibentuk untuk mengawal perjalanan Danaharta melalui beberapa jawatankuasa eksekutif dan bukan eksekutif contohnya Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Aset dan liabiliti.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pinjaman daripada KWSP, sukacita juga saya maklumkan, pinjaman KWSP kepada pihak kerajaan memanglah bukan merupakan satu perkara baru. Sebenarnya beberapa tahun kebelakangan ini 60% - 70% dana KWSP adalah dipinjamkan kepada kerajaan dalam bentuk securities paper ataupun bentuk-bentuk yang lain dan ini merupakan adalah satu praktis yang telah diamalkan pada masa yang lampau. Ini adalah berpunca daripada satu sebabnya kerajaan adalah menjadi guarantor untuk menjaminkan supaya dividen yang paling minimum, yang boleh diterima oleh pencarum KWSP itu ialah 2%. Dan oleh kerana kos untuk meminjam daripada KWSP pada masa itu adalah kian lama kian meningkat dan telah tidak menjadi baik bagi kerajaan untuk dapat pinjaman daripada KWSP oleh kerana ada sumber-sumber kewangan untuk dipinjam dengan kadar faedah yang lebih mudah. Jadi dengan itu telah dikurangkan pinjaman itu dari pihak kerajaan dan dialihkan supaya KWSP melalui jawatankuasa pelaburannya melabur dalam pasaran terbuka dalam sektor-sektor tertentu.

Jadi dalam pengalaman yang sedia ada memang sudah menjadi objektif utama KWSP dan hasrat kerajaan untuk memastikan iaitu caruman KWSP oleh ahli-ahlinya adalah untuk kegunaan persaraan dan ini menjadi objektif utama dan memang menjadi tugas kerajaan supaya perkara ini dipastikan. Saya tidak pasti sama ada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah membuat satu kenyataan iaitu caruman KWSP ataupun dana KWSP tidak boleh digunakan untuk terbitan bon kerajaan ataupun Danaharta ini. Tetapi apa yang saya ingat itu ialah dana

KWSP itu tidak boleh digunakan untuk membail out satu-satu syarikat adalah satu kenyataan yang pernah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Jadi dengan itu kalau sekiranya sebarang pinjaman yang dilakukan oleh kerajaan itupun atas jaminan kerajaan sepenuhnya dan setakat ini, saya sukacita memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini iaitu belum ada apa-apa bon yang diterbitkan oleh Danaharta untuk dijual kepada KWSP ataupun Petronas. Walau bagaimanapun pada masa yang akan datang ini mungkin pinjaman itu akan dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, angka-angka yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong itu memang banyak sekali disebutkan - segala angka yang disebutkan adalah memang menunjukkan satu kenyataan yang benar iaitu Malaysia sedang dilanda kegawatan ekonomi. Jadi kesannya adalah yang paling buruk sekali walaupun telah kita banyak kali mengalami masalah ekonomi semenjak merdeka. Dan memang jelas sekali juga nilai mata wang ringgit sejak diserang pada Julai 1997 telah menurun sehingga lebih kurang RM4.20 berbanding dengan US\$1. Dan ini telah menyebabkan harga saham jatuh secara mendadak sampai paras BSKL punya indeks yang paling rendah sekali hingga 385 mata. Dan kegawatan ekonomi ini telah jelas menunjukkan iaitu bukan sahaja ia berlaku di Malaysia tetapi ini telah melanda semua negara di rantau ini.

Jadi, Yang Berhormat dari Kepong pada suatu ketika telah mengkritik kerajaan dari segi polisi dan dasar-dasar yang telah dilancarkan adalah tidak baik dan telah memuji Singapura sebagai sebuah negara yang handal dalam

menguruskan ekonomi negara itu, tetapi jelas sekali kita nampak negara-negara seperti Singapura, Hong Kong, Australia, New Zealand dan Afrika Selatan pun sedang menghadapi masalah yang sama dan menghadapi juga nilai mata wang masing-masing turun ke satu tahap yang membimbangkan.

Segala usaha telah diambil termasuk juga banyak kali dibentangkan langkah-langkah untuk memulihkan ekonomi negara ini dan saya berharaplah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong perlulah appreciate langkah-langkah dan usaha-usaha kerajaan yang telah diambil untuk memulihkan ekonomi kita dan janganlah kita buruk-burukkan, oleh kerana rancangan yang telah dilancarkan itu memerlukan masa baik PPEN yang baru sahaja dilancarkan dan diumumkan, dikritikkan sebagai mendapat respond yang negatif. Memang dalam pasaran sekarang ini mempunyai sentimen yang negatif, jadi segala usaha yang dibuat itu tidak akan menjadi perangsang yang mendatangkan kesan yang cepat

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dato' Wong See Wah: Biar saya habis dahulu. Dan saya percaya ini adalah amat penting supaya kita memberikan masa supaya usaha-usaha seperti menyuntikkan wang itu ke dalam pasaran melalui dana infrastruktur sebanyak RM5 bilion dan tambahan sebanyak RM7 bilion dan juga melalui Danaharta RM25 bilion dan SPV recapitalisation RM16 bilion, jadi semua sekali ini memerlukan masa dan saya kira mulai dari sekarang hingga hujung tahun ini dan tahun hadapan ataupun pada tahun yang akan datang berikut itu dan apabila suntikan duit ini dapat dilaksanakan dengan fast track, dengan cara yang paling cergas, kita berharaplah dapat mencergaskan lagi ekonomi kita. Sila.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan mengenai Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN). Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini sama ada Ahli Parlimen akan diberi copy, salinan PPEN ini supaya mereka boleh mengkaji lebih mendalam oleh kerana ini nampaknya akan menjadi satu umbrella

plan untuk semua tindakan dasar, tindakan kerajaan dan kenapa sampai sekarang PPEN tidak boleh diberikan kepada Ahli Dewan yang mulia ini, adakah ini menunjukkan bahawa sungguhpun PPEN melaungkan mengenai kecekapan tetapi tidak ada keupayaan, tidak ada kebolehan untuk menunjuk kecekapan.

Kedua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut mengenai RM60 bilion untuk kick start economy, beberapa cadangan, oleh kerana pelan untuk pergi ke luar negeri untuk menerbitkan US\$2 bilion sudah dibatalkan oleh kerana iklim yang tidak baik, dari mana wang RM60 bilion ini akan diperolehi, daripada sumber-sumber mana RM60 bilion itu akan didapati dan akhirnya Ahli Yang Berhormat dari Rompin tadi ada menyebutkan mengenai rancangan niat jahat konspirasi, komplot, rating agency semacam Moody's, semacam Standard and Poor untuk merosakkan, untuk menjahanamkan pelan PPEN untuk memulihkan ekonomi dan di mana satu hari, dua hari sebelum Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pergi ke luar negeri, Menteri Tugas-tugas Khas pergi ke luar negeri untuk mendapatkan wang itu, mereka keluarkan rating agency yang begitu tidak baik, jatuh tiga notches dan untuk merosakkan pemulihan, adakah ini pendirian kerajaan bahawa rating agency semacam Standard and Poor dan Moody mereka ambil bahagian berkomplot untuk menjatuhkan atau menggagalkan rancangan pemulihan ekonomi Malaysia?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya merasa Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu memang telah mengetahui tentang kandungan dalam pelan MTEN ini dan Yang Berhormat cuma marah sahaja kerana dari segi prosedur tidak diberikan satu naskhah ini dan saya rasa walaupun perkara ini amat penting, tetapi tidaklah menjadi alasan sebagai pelan ini adalah tidak baik ataupun pelan ini tidak efisien ataupun oleh kerana tidak dibentangkan dalam Parlimen ini ataupun disalurkan kepada Ahli Yang Berhormat dan pelan ini telah menjadi tidak berkesan.

Walau bagaimanapun saya merasa amat sukacita kerana Yang Berhormat dari Tanjong juga memuji pelan-pelan dan usaha-usaha yang ditunjukkan itu mendapat kepujian daripada Yang Berhormat. Saya tidak tahulah sama ada Yang Berhormat bersetuju sama ada Moody atau S&P mempunyai motif tertentu. Tetapi

apa yang kita perhatikan selama ini sejak Julai 1997 serangan publisiti terhadap negara kita nampaknya mempunyai motif berlainan atau mempunyai satu-satu motif tertentu. Baik dari segi jerebu atau pun dari segi KLIA atau pun tentang Sukom dan keadaan ekonomi serta sistem perbankan dan sebagainya. Ini semua merupakan satu serangan sistematik terhadap negara kita. Jadi memang saya tidak tahu ia mempunyai satu serangan sistematik terhadap negara kita. Oleh itu untuk menjawab soalan Yang Berhormat itu saya tidak pasti sama ada Moody atau Standard and Poor mempunyai motif tertentu atau tidak.

Walau bagaimanapun dengan jatuhnya tiga notches daripada itu walaupun pada masa ini kerajaan tidak ada petunjuk khusus tentang kos pinjaman di pasaran modal antarabangsa kerana sudah lama kerajaan tidak membuat pinjaman sejak beberapa tahun yang lalu. Bagaimanapun sekiranya Petronas diambil sebagai panduan prestasi spread sebelum 24 Julai 1998 ialah antara 50 bps hingga 42 bps. Manakala selepas tarikh tersebut spread meluas kepada 450 bps pada hari ini. Jadi semasa Malaysia masih di taraf A2/A- reaksi pasaran terhadap Malaysia tidak berasaskan kepada taraf kredit semasa tetapi berasaskan sentimen pasaran yang lemah di Asia dan juga peristiwa-peristiwa yang berlaku di negara Jepun dan Rusia.

Jadi dari segi kos pinjaman iaitu sekiranya kita pinjam melalui terbitan bon pada masa ini dan dari segi kos pinjaman, pengiraan dibuat berdasarkan kepada formula US Treasury campur spread. Spread US Treasury ialah 5.6% dan spread Malaysia ialah 4.5% iaitu 450 bps. Maka kos pinjaman ialah 10.1% iaitu 5.6% campur 4.5%. Sebagai perbandingan sebelum krisis iaitu Julai 1997 kos pinjaman ialah 5.6% campur 0.5% ataupun 6.1% dan enam bulan terdahulu 250 epb ataupun 8.1% ianya lebih murah daripada sekarang. Oleh itu taraf kredit dan sentimen pasaran memberi kesan kepada kos pinjaman daripada pasaran antarabangsa.

Pada prinsipnya kos pinjaman bergantung kepada:

- (i) US Treasury rate semasa;
- (ii) tempoh mata bon 5 tahun, 10 tahun; ataupun

- (iii) saiz bon; dan
- (iv) spread semasa bagi Malaysia iaitu sekarang 450 bps ataupun 4.5%.

Memang kerajaan telah membuat keputusan untuk membatalkan road show ke luar negeri untuk menjual bon terbitan pada masa ini. Yang pertama ialah memang iklim itu adalah summer holiday, kedua iklim semasa pasaran itu adalah tidak begitu menggalakkan. Kami percaya keadaan iklim pasaran itu akan berubah dan akan menjadi lebih baik dan apabila sampai masanya iklim pasaran itu mengizinkan dan bila kos pinjaman itu menjadi lebih murah dan kita akan mendapatkan peluang untuk menjual terbitan bon pada masa akan datang. Untuk memulakan operasi Danaharta kerajaan telah meluluskan RM2 bilion melalui bekalan tambahan yang baru-baru ini diluluskan dalam Dewan yang mulia ini. Kita telah meluluskan RM2.25 bilion iaitu RM0.25 bilion adalah untuk saham berbayar dan RM2 bilion itu adalah untuk kos modal permulaan. Dengan itu kita berharap dapatlah modal sebanyak RM2 bilion sebagai satu modal permulaan dan dapatlah Danaharta mula menyuntikkan atau mengambil alih tanggungjawab ataupun NPL daripada sistem perbankan kita.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata road show ada dibatalkan oleh kerana iklim yang tidak menggalakkan selepas Moody dan S&P. Rating agency ada mengeluarkan rating yang begitu buruk. Adakah antara sebab road show dibatalkan oleh kerana sebelum keputusan pembatalan dan sebelum Moody's dan S&P mengeluarkan rating yang terkini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan telah pergi ke Washington dan berjumpa dengan wakil-wakil daripada institusi-institusi kewangan antarabangsa mengenai bon-bon dan sokongan mereka. Di samping Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas juga telah pergi ke luar negeri iaitu ke Taiwan dan Jepun untuk tujuan yang sama dan response yang diperolehi adalah sangat dingin.

Kedua, sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan dia tidak pasti sama ada Moody's dan Standard and Poor rating mereka antara komplot dan konspirasi untuk merosakkan usaha memulihkan ekonomi tetapi nampaknya serangan mereka adalah terhadap ekonomi. Jika begitu ini adalah satu perkara yang sangat serius. Kalau ada usaha-usaha serangan terhadap ekonomi Malaysia boleh disifatkan sebagai satu hostile act, tindakan yang bermusuhan. Adakah kerajaan berhasrat untuk menghantar protes kepada Standard and Poor dan protes kepada Moody oleh kerana tindakan mereka yang tidak ber'hostile' ini. Mengikut Yang Berhormat Timbalan Menteri tentulah tidak berasas dan kalau berasas tidak boleh disifatkan sebagai serangan. Adakah kerajaan akan memprotes kerana ini adalah satu perkara yang sangat mustahak dan menjatuhkan ekonomi serta merosakkan masa depan seramai 21 juta rakyat Malaysia.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat dari Tanjong jangan memutarbelitkan kenyataan saya. Apa yang saya maksudkan serangan itu adalah serangan publisiti iaitu dari segi CNN ataupun lain-lain agensi telah membuat serangan publisiti ataupun serangan media massa terhadap negara kita seolah-olah hendak meruntuhkan imej baik negara kita. Sukacita saya maklumkan kepada Yang Berhormat iaitu Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sebenarnya pada masa sebelum pengumuman Moody dan S&P tentang kredit rating terhadap negara kita itu telah dibincangkan sama ada perlu dibatalkan ataupun tidak. Sebenarnya ini adalah satu keputusan yang memang dalam perundingan kerajaan.

Saya berharap janganlah kita ambil sebagai itu sahaja yang menyebabkan kita membatalkan lawatan road show di luar negeri dan mungkin perlu kita ambil secara objektif iaitu oleh kerana pada masa ini memang di luar negeri summer holiday, businessman memang tidak ada. Yang kedua memang tidaklah begitu munasabah untuk kita mendapat pinjaman dengan harga atau kos yang begitu tinggi dan begitu juga kalau kita tinjau memang kita ada masa lagi kerana kita mempunyai

kos permulaan untuk membuat projek-projek ataupun cadangan yang telah kita kemukakan dalam Dewan ini buat masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itu sahajalah tentang soalan yang telah dikemukakan dan saya percaya memang tidak dapat jawab semua soalan dengan memuaskan dan saya percaya kakitangan Kementerian Kewangan telah mencatatkan semua point yang telah dikemukakan dengan itu saya cadangkan sekali lagi, sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 78(2)

Meminda Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat

8.45 mlm.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Perintah:

Bahawa Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat menurut Perintah 86(3) untuk dibentangkan atas meja mesyuarat yang telah dibentangkan di hadapan majlis ini sebagai Kertas Dewan Bil. DR.5 Tahun 1998 diterima.

Tuan Yang di-Pertua, Penyata Khas ini mengandungi cadangan pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 12, 14, 16, 17, 18, 22, 23, 24, 51, 56, 95, 96, 97 dan 98, Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat. Pindaan yang dicadangkan kepada Peraturan Mesyuarat 12 bertujuan untuk mengubah masa mesyuarat Dewan Rakyat supaya Dewan akan bersidang dari jam 10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari dan seterusnya dari 2.30 petang hingga 5.30 petang dengan ini tempoh untuk Dewan Rakyat bersidang setiap hari akan bertambah dari 4 jam seperti yang sedia ada kepada 6 jam. Dengan tambahan masa ini hari persidangan Dewan Rakyat akan dapat dikurangkan. Ini akan dapat menjimatkan perbelanjaan mengurus mesyuarat.

Peraturan Mesyuarat 12 juga mencadangkan dipinda dengan menambahkan perenggan baru (3) yang bertujuan untuk memberi Tuan Yang di-Pertua kuasa untuk melanjutkan masa persidangan selama tidak lebih daripada 15 minit untuk membolehkan apa-apa perkara yang boleh dan patut diselesaikan pada hari yang berkenaan itu juga dapat diselesaikan sedemikian. Pada ketika ini tanpa kuasa sedemikian, walaupun perbincangan tentang sesuatu perkara hanya tinggal sedikit sahaja lagi dan dapat diselesaikan dalam masa lima minit atau sepuluh minit. Perkara itu terpaksa ditangguhkan ke hari yang berikutnya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) **mempengerusikan mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan kepada Peraturan Mesyuarat 18(2) bertujuan untuk mengehadkan bilangan perkataan dalam usul untuk menangguhkan Dewan bagi membincangkan perkara yang tertentu, berkehendak disegerakan dan berkenaan dengan kepentingan orang ramai.

Pada ketika ini Peraturan Mesyuarat 18(2) memperuntukkan bahawa usul itu tidak boleh melebihi dua muka surat A4. Bagaimanapun untuk membolehkan sebanyak mungkin perkataan dimasukkan dalam dua muka surat itu ada ahli yang mengemukakan usul dengan cetakan huruf yang terlalu kecil dan dengan baris yang terlalu rapat sehingga sukar dibaca.

Peraturan Mesyuarat 18 juga dicadangkan dipinda dengan memasukkan perenggan baru (7) dan (8) yang bertujuan untuk memberi Tuan Yang di-Pertua kuasa untuk menolak dalam kamar sesuatu usul penangguhan. Ini dapat dilakukan dalam dua keadaan:

- (i) jika Tuan Yang di-Pertua berpuas hati bahawa usul itu dikemukakan hanya semata-mata dengan tujuan untuk mengambil peluang berucap; dan
- (ii) jika Tuan Yang di-Pertua berpuas hati bahawa usul itu melanggar mana-mana peruntukan dalam Peraturan Mesyuarat. Selepas ditolak dalam kamar usul itu tidak boleh dicadangkan dan tidak boleh dibaca dalam Dewan.

Pindaan yang dicadangkan kepada Peraturan Mesyuarat 22(4) bertujuan mengurangkan bilangan pertanyaan yang boleh dikemukakan bagi Jawab Lisan daripada 20 kepada 10. Sekarang ini terlalu banyak soalan yang dikemukakan sedangkan pada setiap hari persidangan putara hanya 12 hingga 15 pertanyaan sahaja yang dapat dijawab. Namun demikian jika 50 pertanyaan disenaraikan maka tenaga dan masa akan perlu ditumpukan juga untuk menyediakan jawapan bagi 50 pertanyaan itu. Selain itu, oleh sebab seseorang ahli boleh mengemukakan banyak pertanyaan ada pertanyaan yang tidak sesuai dibentangkan dalam Dewan atau tidak menepati Peraturan Mesyuarat atau yang berulang-ulang juga dikemukakan. Banyak masa dan tenaga digunakan untuk meneliti dan menapis pertanyaan yang demikian.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan kepada Peraturan Mesyuarat 23 adalah bertujuan, pertamanya untuk memasukkan peruntukan yang akan membolehkan sesuatu pertanyaan yang bertanyakan perkara yang berada dalam senarai negeri ditolak. Mengikut peruntukan Perlembagaan kuasa Eksekutif Kerajaan Persekutuan tidak meliputi perkara dalam senarai negeri. Oleh yang demikian Kerajaan Persekutuan tidak dapat dan tidak wajar memberikan jawapan

bagi perkara yang berada dalam bidang kuasa kerajaan negeri. Pertanyaan yang demikian sepatutnya dikemukakan dalam Dewan Undangan Negeri. Selaras dengan peruntukan Perlembagaan itu, sekarang ini pun soalan yang berada dalam bidang kuasa negeri tidak dibenarkan ditanyakan. Pindaan ini hanyalah bagi menguatkan peruntukan khusus dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat bagi perkara itu.

Peraturan Mesyuarat 23 juga dicadangkan dipinda untuk menghendaki supaya sesuatu pertanyaan untuk Jawab Lisan tidak boleh melebihi 40 perkataan. Tidak termasuk nama ahli yang bertanya dan kawasan beliau dan menteri yang ditanya. Pindaan ini dimaksudkan untuk meningkatkan kualiti pertanyaan di Dewan Rakyat supaya pertanyaan yang dikemukakan akan lebih padat dan jelas menyatakan isi pertanyaan. Di House of Commons dengan izin, contohnya soalan yang dikemukakan mengandungi hanya kira-kira 15 perkataan sahaja.

Pindaan yang dicadangkan kepada Peraturan Mesyuarat 24 bertujuan untuk memasukkan perenggan baru (1A). Sekarang ini jika beberapa pertanyaan yang serupa maksudnya sudah dijawab bersama suatu pertanyaan yang dijadualkan lebih awal dalam sesuatu mesyuarat. Pertanyaan yang lain yang dijadualkan selepas itu akan masih tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari yang berkenaan. Dengan pindaan ini apabila sesuatu soalan yang dijadualkan untuk dijawab pada suatu hari persidangan sudah pun dijawab pada suatu hari persidangan yang lebih awal. Pertanyaan itu tidak lagi akan dimasukkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari yang berkenaan.

Peraturan Mesyuarat 24 juga dicadangkan dipinda untuk mengehadkan bilangan pertanyaan tambahan yang boleh ditanyakan kepada tiga sahaja. Sebenarnya amalan sekarang ialah hanya dua pertanyaan tambahan sahaja boleh dikemukakan kecuali dalam keadaan tertentu yang dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat dari Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Saya hendak bertanya sedikit.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Biar saya baca semua, Yang Berhormat boleh bertanya kemudian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat boleh bangkitkan kemudian.

Tuan Lim Kit Siang: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Sila, teruskan Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, adalah juga dicadangkan supaya pindaan dibuat kepada Peraturan Mesyuarat 51 dan 96 untuk membolehkan nota birai yang diletakkan di tepi sesuatu fasal, dalam sesuatu Rang Undang-undang yang dikemukakan di Dewan yang mulia ini digantikan dengan nota baru, iaitu catatan yang diletakkan di bahagian atas fasal yang berkenaan. Bagaimanapun untuk menangani tempoh peralihan sehingga semua undang-undang hanya diperbuat dengan nota baru, pindaan yang dicadangkan ini tidaklah mencadangkan pemansuhan terus nota birai.

Pindaan yang dicadangkan pada Peraturan Mesyuarat 95 bertujuan untuk mengubah ayat 'mengundang-undangan,' dengan izin, enacting clause bagi Rang Undang-undang yang dikemukakan di Dewan ini supaya lebih padat dan ringkas. Oleh sebab Parlimen terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat, ayat mengundang-undangan yang dicadangkan ini hanya merujuk kepada Parlimen sahaja. Di negeri Pahang, Perlis dan Selangor contohnya ayat mengundang-undangan bagi enakmen di negeri-negeri itu hanya merujuk kepada Badan Perundangan Negeri yang berkenaan. Ayat yang ringkas dan padat seperti ini juga menjadi amalan di beberapa negara Commonwealth yang lain.

Pindaan yang dicadangkan kepada Peraturan 97 ialah pindaan untuk menggantikan perkataan 'Mahkamah Tertinggi' dan 'Supreme Court' dengan perkataan 'Mahkamah Tinggi' dan 'High Court'. Pada masa peraturan-peraturan mesyuarat ini dibuat Supreme Court ialah Mahkamah Besar yang sekarang ini ialah Mahkamah Tinggi. Supreme Court yang lebih kita kenali iaitu Mahkamah Agung hanya wujud dalam tahun 1984 dan sekarang ini telah pun digantikan dengan Mahkamah Persekutuan. Pindaan ini hanyalah merupakan satu pembetulan sahaja.

Pindaan-pindaan juga dicadangkan kepada beberapa peraturan dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat bagi menggantikan perkataan 'Jawab Mulut' dengan 'Jawab Lisan'.

Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan yang tidak saya sentuh dengan khusus ialah pindaan berbangkit ekoran pindaan yang dicadangkan kepada masa persidangan dan pindaan untuk membetulkan teks bahasa Inggeris bagi Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan huraian tersebut di atas, saya mohon mencadangkan supaya Penyata Khas ini diterima. Terima kasih.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa satu usul atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang terbuka untuk dibahas. Tanjong.

8.55 mlm.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, tadi saya berdiri untuk bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengemukakan usul ini. Oleh kerana beliau kata bahawa apabila beliau memberi keterangan mengenai kenapa ada cadangan untuk mengehendkan soalan lisan kepada 40 perkataan. Beliau kata bahawa di House of Commons UK soalan dihadkan kepada 15 perkataan. Adakah itu benar?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat nanti dahulu Yang Berhormat, Yang Berhormat sekarang ini hendak minta penjelasankah ataupun hendak berucap?

Tuan Lim Kit Siang: Saya bermula perbahasan, tetapi sebelum saya masuk ucapan oleh kerana saya mahu keterangan itu, sama ada boleh beri keterangan, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa ada peraturan Standing Order di House of Commons bahawa soalan-soalan lisan di House of Commons terhad kepada 15 perkataan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak jawab sekarang atau kemudian?

Tuan Lim Kit Siang: Bukan jawab sekarang, ini untuk instant. Kita mahu tahu supaya saya boleh teruskan, akibat daripada apa Yang Berhormat kemukakan tadi dalam ucapan beliau. Ini bukan perkara yang lain, saya mahu confirm adakah ini apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sahaja. Ada dimaksudkan atau tidak dimaksudkan, atau apa yang Yang Berhormat Timbalan Menteri sebenarnya maksudkan tadi.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Maksud saya, soalan-soalan yang ditanya di House of Commons itu padat dan ianya tidak meleret-leret. Jadi kalau kita hadkan kepada 40 perkataan sahaja pun saya rasa soalan itu padat kerana di House of Commons kadang-kadang soalan yang ditanya itu hanya tajuk sahaja dan apabila disoal menteri terpaksa menjawab tidak ada perkara yang tidak boleh disentuh. Tetapi kita di sini apabila kita bertanya berkenaan dengan perkara-perkara yang khusus apabila menteri menjawab, apabila soalan itu di luar daripada bidang soalan asal, kita boleh mengatakan itu terkeluar daripada soalan asal sedangkan di House of Commons ataupun di Australia kita hanya memberi tajuk kepada menteri dan kita boleh tanya apa juga dalam soalan lisan.

Tuan Lim Kit Siang: Sekurang-kurangnya yang pertama Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa ada peraturan mesyuarat di House of Commons

yang menghadkan perkataan-perkataan soalan kepada 15 perkataan atau 40 perkataan, tidak ada terhad. Kalau begitu inilah menganggap Ahli Parlimen sebagai budak-budak, sebagai murid-murid dan di sini saya ada Standing Order House of Commons baik Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak kata ada buat begitu oleh kerana ini senang - Internet.

Kita boleh dapat standing order Internet, House of Commons Australia. Dewan Rakyat mana boleh dapat? Dewan Rakyat latest addition peraturan mesyuarat pun tidak ada, latest addition mengenai pindaan-pindaan yang dibuat tahun lalu pun tidak ada. Apa ini information technology? Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos patutlah memberi segala pertolongan kepada Dewan Rakyat supaya Parlimen Malaysia di depan information technology.

Yang kedua apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa tidak padat - ini apa Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri diberitahu, Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri tidak tahu. Bukan, tidak pernah buat satu kajian Hansard Parlimen, House of Commons atau Parlimen Australia diberitahu sahaja mungkin tidak benar, mungkin tidak betul. Dan di House of Commons sama ada England atau Parlimen ada ruang untuk supplementary tiga, empat, lima tetapi di sini mana ada.

Satu sebab mungkin kenapa soalan lebih panjang ialah oleh kerana tidak ada peluang untuk supplementary, sebab itu ini semua kita perlu kaji, bukan datang dengan satu pandangan yang mungkin tidak berasas, tidak benar, tidak betul, out of contact. Itulah satu contoh di mana kita bincang satu perkara sebenarnya without all the facts. Yang Berhormat Timbalan Menteri datang ke sini tanpa all the facts. Dan saya tidak kata dia mahu misty the House, tetapi dalam satu keadaan misleading the house.

Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya saya berhasrat untuk berdiri kata kita menyokong satu cadangan sekurang-kurangnya, ialah untuk menukar masa persidangan dan memperkenalkan persidangan pagi supaya setiap hari kita ada

lebih panjang masa persidangan daripada sekarang 4 jam iaitu 2.30 petang sampai 6.30 petang, dipanjangkan kepada 6 jam iaitu pukul 10.00 pagi sampai pukul 1.00 tengah hari dan dilanjutkan 2.30 petang hingga 5.30 petang.

Tetapi apabila saya dengar ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri baru faham bahawa tujuan bukan untuk memanjangkan persidangan Parlimen tetapi memendekkan hari-hari mesyuarat, akhirnya sama, Parliamentary hours, meeting hours same, kalau begitu apa gunanya, mischievous amendment memang. Selepas 40 tahun Parlimen kita perlu lebih masa Parliamentary hours setiap tahun, oleh kerana lebih banyak urusan budget, kalau dibandingkan 50-an hingga sekarang mungkin sudah tambah 100%. Mengenai perbelanjaan. Apa yang kita perlu kita tak cukup masa kita perlu lebih Parliamentary meeting hours dan kalau tujuan untuk menukar masa persidangan kepada masa pagi ialah untuk memanjangkan mesyuarat kita sokong. Atas itu kita sokong, tetapi apabila kita dengar tadi penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri kita tak boleh sokong, bagaimana boleh sokong dan itulah.

Yang kedua, kenapa kita mahu dengan izin, indecent haste, mahu untuk bergopoh-gopoh pindaan ini diluluskan. Kita tahu sebenarnya Parlimen panjangkan mesyuarat ini 2 hari, bukan untuk apa-apa, bukan oleh kerana rang undang-undang yang perlu masa untuk diluluskan. Kalau rang undang-undang sahaja hari Khamis sudah habis, Yang Berhormat Pengerusi BBC pun ketawa, dia tahu, dia senyum, dia tahu. Kita faham kita tahu, kita dalam Parlimen lama, kita tahu selok belok, tetapi oleh kerana mahu meluluskan Pindaan kepada Rang Undang-undang ini. Dan itulah sebab kenapa pada hari Selasa minggu lalu ialah 28 Julai, berlaku peristiwa dalam Parlimen yang sangat malu ini kerana tak hormat Dewan yang mulia ini, tak hormat Ahli-ahli Parlimen ini, di mana pada hari itu tanpa pemberitahu sebarang notis ada satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 78(2) atas nama Perdana Menteri di masukkan dalam peraturan mesyuarat, okay. Item No. 7 selepas rang undang-undang, urusan kerajaan, tetapi pada pukul 3.30

selepas soal jawab tanpa pra-notis, tanpa apa-apa notis, Yang Berhormat Menteri Pertahanan berdiri yang menggunakan Peraturan Mesyuarat 14(2) untuk memberi keutamaan priority perkara itu menjadi benda nombor satu, sudah luluskan, sungguhpun dengan protes pihak pembangkang oleh kerana kita caught by surprise.

Dan dua hari kemudian Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat dipanggil satu mesyuarat emergency, emergency meeting. Kenapa perlu di emergency? Kita ada Yang Berhormat daripada Kepong salah seorang anggota Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat. Bermesyuaratlah dan Timbalan Menteri pun adalah, oleh kerana beliau pun seorang Ahli Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat, saya tak tahu hari itu dia dengar mengenai 15 perkataan soalan untuk House of Commons atau sekarang baru dengarlah. Dan Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat bermesyuarat 47 minit sahaja - 10.30 pagi sampai 11.17 pagi, mungkin 20 minit minum teh, berbual-bual, iklim baik macam hujan tak hujan, mana ada serius dalam perkara ini, dan pada petang itu 6 jam kemudian laporan dibentang dalam Dewan yang mulia ini. Ramai Ahli Parlimen tak tahu sehingaa hari Isnin semalam.

Dalam 20 tahun pengalaman dalam Dewan yang mulia ini, saya tak pernah lihat satu Parlimen atau Jawarankuasa Peraturan Mesyuarat bertindak begitu rocket spin, dan pembentangan laporan Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat pun sangat improper dan irregular. Improper dan irregular inilah laporan, mana signature semua ahli Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat. Saya tak pernah menerima dan melihat satu laporan, satu jawatankuasa Dewan yang mulia tanpa signature semua ahli, mana ada signature? Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sign laporan ini, tak ada irregular and - improper. Dan dalam mesyuarat pada 30 Julai, Yang Berhormat dari Kepong ada menyampaikan pandangan pihak pembangkang, masa itu kita percaya tukar masa persidangan mesyuarat pagi supaya lebih masa diberikan untuk Dewan yang mulia ini, bahawa kita sokong perubahan mengenai masa persidangan, memanjangkan jam setiap hari, tetapi

mengenai cadangan-cadangan yang lain kita perlu masa untuk kaji. Itulah apa Yang Berhormat dari Kepong ada menyampaikan pandangan pihak pembangkang. Mana dalam laporan ini? sebab itu tidak ada sign, tak perlu sign oleh kerana Yang Berhormat dari Kepong kata itulah apa yang kita sampaikan dalam mesyuarat.

Irregular and improper, bagaimana kita boleh teruskan? Mungkin Tuan Yang di-Pertua patut buat satu ruling, ini improper dan irregular kita tak patut bahas. Bolehkah Tuan Yang di-Pertua buat satu ruling, ini improper, irregular - tak patut kita bahas sampai kita dapat satu laporan yang proper dan regular dengan signature semua orang yang membayangkan apa yang berlaku dalam mesyuarat Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat. Oleh kerana mesyuarat ini, selepas ini perlu satu lagi mesyuarat untuk confirm, untuk mengesahkan apa yang berlaku dalam mesyuarat pada 30 hb., tidak ada mesyuarat untuk confirm, sebab itu irregular and improper atas dua sebab, bolehkah saya minta Tuan Yang di-Pertua untuk buat satu keputusan, satu ruling?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sebagai orang lama tak kan tidak erti bahawa kalau Yang Berhormat bangkit mana-mana satu Peraturan Mesyuarat barulah saya buat ruling. Tetapi sekarang ini, ini sekadar pendapat Yang Berhormat .

Tuan Lim Kit Siang: Itu, ya, ya, itu apa yang dikemukakan irregular, improper.

Timbalan Yang di-Pertua Datuk Ong Tee Keat: Saya takkan masuk campur dalam perbincangan.....

Tuan Lim Kit Siang: Okay, tidak masuk campur. Saya hairan mengenai pindaan-pindaan di sini. Apa yang kita perlu sebenarnya ialah parliamentary reform, benar? Kita perlu lihat parlimen-parlimen yang lain, Negara-negara Komanwel yang lain, sudah buat, sangat maju mengenai modenisasi, amalan-amalan prosiding Parlimen (Parliamentary practices and the proceeding) modernization, supaya institusi Parlimen mereka lebih peka terhadap perubahan/peralihan masa. Tetapi dalam Parlimen Malaysia, mana ada parliamentary reform semacam apa yang kita ada di sini ialah cadangan-cadangan

yang bukan berasal daripada Ahli-ahli Parlimen, tetapi daripada atas. Saya dengar sudah dapat kelulusan Kabinet, cop Kabinet, daripada Kabinet, sekurang-kurangnya mengenai amalan (parliamentary practices) Dewan yang mulia ini mesti ada kebebasan (autonomy) mengenai parliamentary practices. Kita sendiri buat keputusan apa cara untuk buat reformasi parlimen dan bukan sebagai satu arahan daripada atas. Cadangan yang dengan izin, retrogressive dan undemocratic tentu akan menjadikan Parlimen Malaysia sebagai satu mockery Parlimen Komanwel. Ahli-ahli yang pergi Commonwealth Parliament CPA dan IPU tentu tidak akan rasa bangga oleh kerana pindaan-pindaan di hadapan Dewan yang mulia ini. Sebab kenapa mengehadkan perkataan-perkataan untuk sama ada bagi Soalan 40 perkataan, atau untuk usul urgent definite public important, 300 perkataan. Tidak ada sebab yang munasabah, saya mahu tahu, mana parlimen di dunia yang ada childish, ridiculous, peraturan-peraturan semacam ini, mana, bolehkah beritahu, selain daripada Parlimen Malaysia, apabila kita luluskan ini, mana ada satu peraturan parlimen yang begitu childish. Tidak boleh, kita patut bincang lebih mendalam, bukan sekarang untuk membawa kepada Dewan untuk mahu diluluskan, kalau satu perkara yang penting, perlu dijadikan satu usul segera untuk kepentingan orang ramai dan kehendak disegerakan, sangat mustahak, sama ada isu tempatan atau isu nasional tidak boleh dihad kepada 300 perkataan. Mana boleh.

Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, sekarang peraturan yang sedia ada ialah two A4 size pages, tetapi yang ada Ahli Parlimen yang guna print yang sangat kecil, sukar untuk dibaca. Apa, print 2 point, 1 point, tak boleh baca, mahu guna magnifying glass. Saya percaya tidak ada, at most, mungkin 9 point, 10 point, tetapi kenapa mahu begitu mekanikal, mustahak. Apa mustahak, ialah benda yang mahu dikemukakan. Kalau 600 perkataan, 1000 perkataan, apa salah apa dosanya. Kalau ada perkara yang penting untuk dikemuka demi kepentingan rakyat, demi kepentingan orang ramai, negara, kenapa mengehadkan 300 perkataan.

Kita jadi bahan ketawa dunia, kalau apabila kita buat pindaan kepada peraturan-peraturan mesyuarat, kita mesti progress bukan go backward. Kita mahu memperkenalkan masa Soal-Jawab, dipanjangkan daripada 1 jam kepada 2 jam. Itu mustahak, kenapa mahu potong 20 soalan kepada 10 soalan, panjangkan 1 jam untuk setiap hari question hour kepada 2 jam. Oleh kerana Soal-Jawab adalah satu

ciri yang sangat penting dalam proses Parlimen untuk, dengan izin, hold the Cabinet to account . Itu yang sangat penting. Kenapa tak boleh lihat dari segi ini, tetapi lihat daripada segi untung, potong hak Ahli Parlimen untuk meluahkan kepada kerajaan atau executive mengenai prestasi mereka, kenapa, kenapa ada sikap itu dan cara pindaan dikemukakan yang asal sangat pendek. Kenapa kita tak boleh ada satu mesyuarat Peraturan Mesyuarat, Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat mengadakan satu kajian bagaimana boleh adakan reformasi Parlimen sama ada standing orders, vote practices, proceedings, convention, supaya tidak ada berlaku, apa yang berlaku di dalam mesyuarat ini, tanpa memberitahu langsung, perkara-perkara didahulukan, sungguhpun dalam Peraturan Mesyuarat dibenarkan, tetapi ini melanggar semangat konvensi dan tradisi Parlimen.

Kita perlu membezakan dua proses, decision making process, proses membuat keputusan Kabinet dan proses membuat keputusan Parlimen. Dua proses mengenai hal ehwal Parlimen perlu dibezakan oleh kerana apa perkara mengenai hal ehwal Parlimen, Parlimen sendiri sama ada melalui Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat atau agensi yang lain mesti diberi tanggungjawab sepenuhnya untuk buat keputusan tanpa rujuk kepada kabinet, oleh kerana inilah parliamentary business. Tidak ada kena mengena dengan executive decision mengenai negara.

Sungguhpun kita tahu bahawa Perdana Menteri sebagai Leader of the House dan Timbalan Perdana Menteri sebagai Deputy of the House, memang akan menjadi pemain utama dalam proses Parlimen, tetapi mengenai parliamentary business patut dibuat, diputuskan, dilaksanakan oleh Ahli-ahli Parlimen sendiri. Kita tidak boleh membezakan dua-dua perkara, Cabinet decision making process and parliamentary decision making process, kita akan ada satu keadaan di mana, sebagai contohnya, kalau front bench mahu merujuk Ahli Parlimen pembangkang kepada Committee of Privileges, senang, usul dikemukakan, masa diberikan serta-merta, usul diluluskan. Ahli Parlimen pembangkang pergi Committee of Privileges, tetapi kalau Cabinet Member melanggar hak keistimewaan, sangat nyata, semua orang tahu, tetapi Ahli Parlimen pembangkang mahu rujuk beliau kepada Committee of Privileges, tidak boleh, boleh beri notis, boleh masukkan usul, tidak boleh dapat masa untuk perkara ini dirujuk kepada Committee of Privileges, mana keadilan.

Ini oleh kerana tidak boleh membezakan parliamentary business daripada executive business. Parliamentary business ialah parliamentary business satu decision making process yang berlainan daripada proses membuat keputusan Kabinet, tidak boleh dicampur aduk, tetapi adakah pendekatan itu yang menunjukkan kita ada satu Parlimen yang lebih mature, lebih matang selepas 40 tahun kemerdekaan.

Saya rasa semua Ahli Parlimen yang ada maruah patut rasa marah, malu oleh kerana ada cadangan menghadkan soalan kepada 40 perkataan dan urgent, definite public important motion kepada 300 perkataan. Ini sangat degrading. Saya tidak tahu bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh berdiri untuk kemukakan usul itu tanpa rasa malu.

Apabila kita bincang mengenai perkara pindaan kepada Peraturan Mesyuarat sepatutnya kita bincang segala aspek perjalanan Parlimen. Bagaimana dikatakan boleh lebih bererti, lebih cekap, lebih terkini. IT satu contoh yang baik. Tadi saya sudah sebut, House of Common, Australian Parliament dan parlimen-parlimen yang lain senang dapat laporan. Saya mahu cari Standing Order yang latest boleh dapat. Tetapi Parlimen Malaysia tidak boleh dapat. Parlimen website – apa Parlimen website, ini bukan kali yang pertama, tetapi satu dinosaurian website, malulah. IT teknologi ialah content. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata ‘content’, bukan boleh bawa perkara itu kepada satu homepage, tidak guna. Kalau tidak boleh stand the test, ujian ialah contents. Tengok apa content orang lain.

Mereka yang bertanggungjawab mengenai Parliamentary Homepage patut tahu. Tidak perlu kita bangkit dalam Dewan ini berkali-kali. Sebagai contohnya, Parliamentary Homepage, House of Common apa yang boleh dapat, semua bill ada. Untuk Parlimen Malaysia, bolehkah kita dapat bills? Tidak boleh dapat. Baru dua bills dalam mesyuarat ini ada up on the Net. Communications and Multimedia Bill and The Malaysia Communications and Multimedia Commission Bill. Saya cakap syabas, tetapi not good enough, what for. Kalau rang undang-undang di bawah

Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos baru dapat up on the Net, kenapa tidak boleh semua up on the Net dan melalui Parlimen website. Sepatutnya melalui Parlimen website, kenapa mahu pergi melalui Ministry of Telecom. Sepatutnya semua bil up on the Net melalui Malaysian Parlimen website. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri buat bantuan supaya dalam mesyuarat Parlimen pada bulan Oktober semuanya boleh dibuat.

Ini bukan masalah teknologi. Saya tidak mahu kata kalau masalah teknologi, kita offer our services. Itu bukan masalah teknologi. Itu ialah sama ada mind-set zaman IT. Ada mind-set zaman IT atau tidak ada mind-set zaman IT. Sebagai contoh, website Parlimen Australia, ada search engine. Kalau mahu cari apa-apa bill, laporan, standing order, semua ada. Ini 10 muka surat.

Saya tidak mahu sebenarnya bercakap banyak mengenai ini. Oleh kerana ini sebenarnya sangat senang untuk mengatasinya, tetapi tidak boleh faham. Kenapa begitu susah Parlimen Malaysia mengada satu website, kita semua boleh rasa bangga rather than, bukan kita rasa malu apabila kita access. Bila kita access parliamentary website, malu, kenapa? Kita tidak boleh access website kita rasa bangga. Saya harap Pengerusi BBC pun bolehlah input dalam perkara ini supaya kita semua boleh bangga mengenai parliamentary website. Kita ada satu Joint IT Committee, tetapi nampaknya masalah politik, bukan masalah IT.

Tadi saya ada sebut Parlimen Australia, indeks 10 muka – Acts of Parliament, Annual Reports, Australian Democrats, portfolio responsibilities, Australian Government Entry Point, Australia Senate Practice, Background Papers, Bills, Bill List BillsNet, Broadcasting of Parliament, Budget Papers - 1996, 1997, 1998, Cabinet Committees, Chamber Seating Plans, Coronologies, Committee – Parliamentary Committees, Joint Committees, Senate Committees, Constitution, Constitutional Convention Hansard, Daily Programme, Debates, Department of the Parliamentary Library, Annual Report, Department of the House of Representatives, Annual Report, Department of the Senate, Election, Factsheets, Hansard, House of

Representative yang ada begitu banyak subhead – Factsheet, Hansard, Notice Paper, Joint Committees, Leaders of the Opposition, Maiden (first) speeches, Members of the House of Representative, ada Biographies, ada ahli-ahli Former, current Ministry, Odger's Australian Senate Practice, Opposition, Papers on Parliament, panjang lagi. Mana kita ada ini.

Apa yang kita ada dalam Parliamentary Homepage, *Hansard*. Dahulu ada usaha cuba mengadakan *Hansard* di atas Net. Tetapi dalam Mesyuarat ini satu hari *Hansard* pun tidak ada. What's wrong? Apa yang salah? Kita ada Ahli-ahli Parlimen yang menggunakan parliamentary website seorang sahaja. Tetapi apa yang ada website di sana, sama ada untuk keuntungan manfaat rakyat dan negara saya tidak tahulah. Boleh tengok muka dia. Selain daripada itu, apa boleh dapat. Kenapa kemudahan ini tidak diberikan kepada semua Ahli Parlimen supaya semua Ahli Parlimen boleh menggunakan parliamentary server supaya ada satu ruang untuk Parliamentary, MPs homepage dan kemudahan-kemudahan lain. Kenapa seorang sahaja ada, sungguhpun tidak ada seorang buat lawatan kepada site itu, oleh kerana beliau lebih mahu jual komputer daripada mahu tahu apa digital literacy.

Apabila kita bincang mengenai parliamentary reforms, bagaimana Ahli-ahli Parlimen boleh memainkan peranan yang lebih bererti dalam proses perundangan, Specialist Committees mengenai IT, mengenai economic crisis, mengenai pertahanan, mengenai pendidikan, mengenai environment, patut diadakan kerana di lain-lain parlimen sudah lama ada. Kenapa kita tidak rela buat begitu supaya Ahli Parlimen kita ada pengetahuan yang lebih terkini setiap aspek masalah di negara kita.

Kenapa kita tidak boleh bincang bagaimana kita mengadakan specialist committee, khasnya IT? Khasnya apabila kita mahu IT menjadi satu salvation untuk Malaysia yang transform daripada industry-based kepada satu information-based future. MP patut menjadi contoh teladan, kenapa? Ini semua kita perlu menumpukan dan bukan mendesak supaya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional

mendapat layanan yang khas RM500,000 seolah-olah untuk development project, sebenarnya untuk memancing undi! Inilah politik kewangan. Ini politik! Baru-baru ini ditambahkan daripada RM300,000 kepada RM500,000 oleh kerana election sudah dekat atau beberapa Ahli Parlimen takut mungkin tidak dipilih sebab itu ucapan mereka pun tidak boleh dipercayai. Itulah, kalau kita mahu – untuk kebaikan Parlimen supaya kita ada reformasi di mana Parlimen can be proud Malaysian, can feel proud of Parlimen dan saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri sungguhpun mungkin harapan ini tidak akan ada apa-apa harapan, patut ditarik balik cadangan ini supaya ada masa untuk semua ahli-ahli Parlimen berbincang dan mengemukakan satu cadangan, reformasi Parlimen menyeluruh yang boleh mempertingkatkan prestasi Parlimen dan Ahli-ahli Parlimen dan boleh membawa Malaysia masuk zaman yang baru. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Kota Melaka.

9.33 mlm.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ingin saya mengambil bahagian dalam pindaan ke atas Peraturan Mesyuarat yang dicadangkan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan sungguhpun saya mungkin tidak ada peluang untuk menikmati perubahan yang dicadangkan tetapi saya rasa apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ini adalah bercanggah dengan amalan dan sistem demokrasi dalam negara kita. Di sini saya amatlah kesal bahawa pihak kerajaan semasa membuat usul atau membuat cadangan untuk membuat pindaan tidak mengadakan perundingan yang sewajarnya, bukan sahaja dengan Ahli Parlimen tetapi juga dengan kakitangan-kakitangan yang terpaksa menanggung beban yang lagi berat ekoran perubahan yang dicadangkan ini. Adakah pihak kerajaan sedar tentang masalah yang akan

ditanggung oleh kakitangan-kakitangan Parlimen apabila mereka terpaksa bekerja dari pagi sampai malam, sebagai seorang pelapor.

Dalam keadaan sekarang di mana sungguhpun kita bersidang tengah hari tetapi *Hansard* tidak dapat disediakan dalam masa sehari ataupun dalam masa yang begitu singkat sekali dan tolong bayangkan keadaan kalau kita panjangkan sehari. Saya tidak menentang pemanjangan masa tetapi saya rasa kita perlu tambah kakitangan yang sedia ada, saya rasa alasan yang diberikan oleh pihak kerajaan bahawa tidak ada orang yang hendak memohon tidak boleh diterima. Kalau Parlimen adalah sebuah institusi yang paling unggul sekali, kita mesti mengambil kakitangan yang mencukupi tanpa menerima alasan mengapa kita tidak boleh menarik minat mereka dan saya amat kesal sungguhpun keadaan telah pun berlarutan begitu lama, banyak pekerja atau kakitangan Parlimen terpaksa buat overtime dan saya rasa ini tidak akan menyumbang ke atas – bukan sahaja moral kerja tetapi juga kebahagiaan keluarga mereka dan sebagai seorang Ahli Parlimen yang mempunyai peluang untuk berdamping dengan setengah-setengah kakitangan, saya tahu masalah yang dihadapi mereka. Saya ingin mengambil peluang, Tuan Yang di-Pertua, mungkin yang terakhir untuk saya, bagi pihak mereka meminta supaya pihak kerajaan mengkaji suasana kerja mereka kerana sungguhpun Ahli Parlimen boleh balik apabila sidang mesyuarat habis, mereka terpaksa bekerja lagi sampai lewat malam dan pada waktu pagi balik dalam keadaan yang serupa dan saya rasa kalau kita tidak menambah kakitangan, kita boleh bayangkan keadaan macam mana teruk akan berlaku apabila kita bersidang sepenuh hari dan saya rasa kerana Parlimen sekarang bukanlah satu perkhidmatan tertutup, kita boleh mengambil kakitangan daripada bahagian-bahagian lain. Mengapa ini tidak dilakukan oleh pihak kerajaan?

Saya rasa alasan-alasan yang diberikan tidak boleh diterima kerana kalau sistem dan pengurusan Parlimen cacat, saya rasa ini bukan sahaja menunjukkan bahawa kerajaan tidak menghormati institusi Parlimen tetapi juga akan

mengganggu status Parlimen ataupun institusi penggubal undang-undang dan saya harap perkara ini bolehlah dibetulkan oleh pihak kerajaan. Sudah lama kita suarakan atau sudah lama kita lahirkan masalah seperti ini tetapi nampaknya reaksi yang kita terima tidaklah seperti mana yang diharapkan. Sehingga sekarang masih serupa dan oleh itu saya harap pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan jawapan, bilakah masalah ini akan selesai kerana kalau tidak menjelang bulan Oktober, apabila kita mengadakan Belanjawan, saya rasa mungkin kita akan dapati lebih ramai orang meletak jawatan ataupun kalau tidak letak jawatan mungkin mereka akan nervous breakdown – sendiri akan nervous breakdown kerana overworked yang selalu berlaku semasa Parlimen bermesyuarat. Saya harap pihak kerajaan boleh bersimpati tentang masalah yang mereka hadapi.

Disamping itu saya juga amat kesal kerana kalau kita lihat Peraturan Mesyuarat yang dicadangkan akan menambah kerja untuk kakitangan kerajaan lebih-lebih lagi di antara Peraturan Mesyuarat yang dicadangkan dipinda ialah menghadkan soalan kepada 40 perkataan dan juga usul di bawah 18(1) kepada 300 perkataan. Adakah ini bermakna bahawa apabila Ahli Parlimen menyampaikan soalan, setiap kakitangan Parlimen dipertanggungjawabkan untuk membilang berapa banyak perkataan. *[Ketawa]* Saya rasa macam mana kita hendak memastikan bahawa had 40 perkataan ini dipatuhi melainkan setiap kakitangan sekarang bertanggungjawab – okay, satu orang bilang, mungkin ambil satu kumpulan 10 orang Ahli Parlimen bilang setiap soalan tidak boleh melebihi 40 perkataan. Bukankah ini begitu ridiculous, dengan izin, saya rasa begitu menjatuhkan imej prestasi Parlimen. Kalau kita hendak padat kita mesti tengok tajuk. Kalau tajuk ini boleh dipadatkan kita tentu akan padatkan, siapa hendak buat kerja lebih? Saya sendiri buat soalan, kalau boleh saya hendak buat soalan yang

ringkas supaya tidak perlu buat banyak kerja. Kita pun hendak efisien tetapi kalau soalan ini penting yang tidak boleh dipadatkan macam mana kita boleh hadkannya dalam 40 perkataan?

Sebagai contoh kalau kita hendak ceritakan tentang masalah ekonomi menggunakan perkataan-perkataan seperti Pengurusan Danaharta Nasional Berhad sudah empat perkataan, menggunakan istilah institusi-institusi kewangan atau kalau kita cakap tentang UNESCO (United Nations Educational, Scientific.....) dan sebagainya. Itu sudah 7-8 perkataan, mana cukup untuk membentuk satu ayat yang sempurna. Saya rasa kalau kita hendak buat begini, sendi, sifat semua kena buanglah, semua kita punya grammar kena buanglah. Adakah kita hendak Ahli Parlimen membuat soalan yang ungrammatical supaya kita boleh memenuhi had 40 perkataan, di mana Parlimen dunia ada peruntukan seperti ini, 40 perkataan (forty words).

Saya tahu kita perlu jadi words smith, dengan izin, we must be a good words smith tetapi saya tidak ingat pada suatu hari bahawa Ahli Parlimen mesti jadi words count, will be a good word counter. Saya rasa itu ada sesuatu peruntukan yang menjatuhkan martabat Ahli Parlimen. Apakah soalan yang kita boleh hadkan dalam 40 perkataan? Apakah sebab kita perlu hadkan dalam 40 perkataan? Ini yang saya hendak tanya dan sehingga sekarang saya rasa Yang Berhormat yang membentangkannya tadi tidak memberikan satu jawapan yang munasabah, padat, semua orang hendak padat. Adakah kalau kita buat soalan dalam 40 perkataan, menteri pun kena padat, kena jawab dalam 40 perkataan, is it the case? Kalau begitu bukan belah kita sahaja, tetapi mestilah satu belah pihak lagi – kementerian.

Masalahnya, Tuan Yang di-Pertua bukanlah soalan tetapi ialah masa yang diberikan terlalu suntuk, sungguhpun kita sudah menambah Ahli Parlimen lebih

daripada 100% sejak merdeka, tetapi masa yang diberikan masih sama. Kita macam tergantung dalam era 50-an sungguhpun badan, fizikal dalam 90-an menjelang abad ke-21 tetapi apabila kita masuk dalam Dewan yang mulia ini, masih dalam era 50-an. I think we're in time jam, dengan izin, di mana Ahli Parlimen diharapkan untuk menjalankan tugas mereka dalam masa yang suntuk. Itulah sebabnya kadangkala untuk rang undang-undang tertentu, kita hanya diberikan 10 minit untuk membuat perbahasan, macam mana kita boleh menjalankan perbahasan dalam masa 10 minit sahaja. Saya rasa pindaan yang dicadangkan ini amatlah tidak adil, bukan sahaja kepada Ahli Parlimen tetapi menyusahkan kita untuk menjalankan tugas dalam perlembagaan sebagai Ahli Parlimen. Macam mana kita boleh menjalankan tugas sebagai Ahli Parlimen kalau kita menghadapi sekatan untuk bersuara dan juga untuk mewakili rakyat, pengundi kita, pemilih kita, macam mana ini akan berlaku?

Tadi, saya difahamkan bahawa sungguhpun masa mesyuarat telah dilanjutkan daripada 4 jam kepada 6 jam, tetapi hari mesyuarat akan dikurangkan. Dengan kata lain, tidak ada tambahan langsung bagi Ahli Parlimen mengambil bahagian dalam perbahasan urusan Parlimen. Dalam keadaan sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, apakah faedah kepada Ahli-ahli Parlimen? Macam mana kita boleh menyumbang kepada peranan Parlimen sebagai sebuah institusi demokrasi. Bukankah ini menunjukkan bahawa kerajaan memperakukan pandangan kerajaan terhadap Parlimen sebagai satu rubber stamp, tidak perlu panjangkan hari persidangan, hanya panjangkan masa supaya kita boleh kurang bersidang di Parlimen – rubber stamp, tidak pentinglah, tidak lama lagi saya rasa hari mesyuarat pun akan dikurangkan. Dengan itu saya harap pihak Timbalan Menteri boleh berikan jaminan bahawa masa mesyuarat masih akan kekal, kalau tidak sekurang-

kurangnya ia boleh dipanjangkan, kalau tidak saya rasa ianya tidak akan membawa sebarang faedah pun kepada Ahli-ahli Parlimen.

Secara peribadi, saya menentang cadangan ini dan satu perkara lain ialah tentang Usul Tergempar di bawah 18(1) - di mana ia boleh ditolak dalam kamar. Tuan Yang di-Pertua saya rasa kita harus mengekalkan amalan yang sedia ada, sungguhpun Ahli-ahli Parlimen boleh menggunakan peruntukan ini setiap hari mesyuarat bersidang, tetapi ini jarang dilakukan. Saya rasa dalam konteks ini Ahli-ahli Parlimen dari pihak pembangkang jarang sekali menggunakannya. Saya rasa kalau kita lihat kali ini bersidang berapa kali ianya digunakan? Tidak sampai 5 kali pun, dalam keadaan sedemikian, adakah ini keterlaluan? Dengan mengambil masa hanya 10 minit sahaja. Oleh itu saya tidak melihat mengapa ia boleh ditolak di kamar, apabila ia merupakan satu ruang untuk menimbulkan satu perkara yang tertentu, berkepentingan orang ramai dan harus disegerakan. Kuasa meluluskan usul ini tertakluk juga kepada Speaker, mengapa pula kuasa ini boleh ditidakkan sama sekali?

Ini sekali lagi menunjukkan satu hakisan kepada amalan demokrasi. Saya amat kesal di sini bahawa sungguhpun kita bincangkan satu perkara yang begitu penting, tetapi ianya boleh diketepikan, semua pandangan yang dibahaskan hingga larut malam boleh diketepikan dengan begitu sahaja. Saya rasa itu adalah sesuatu keadaan, satu kedudukan yang tidak boleh diterima langsung oleh saya.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi, Yang Berhormat dari Kota Melaka ada sebut mengenai betapa ridiculous, soalan dihadkan kepada 40 perkataan. Kita tahu ridiculous, tetapi kita belum lihat in

reality, tadi saya ada buat satu word count, sekarang kita semua mahu word count - berapa perkataan. Ini order paper, Rabu, 29 Julai – kita boleh tengok, bila-bilalah, semua boleh buat word count, oleh kerana available on the table, 29 July – word count untuk 10 soalan yang pertama – Tuan Lau Ngan Siew [Sandakan] mengenai Prime Minister - low graduate CLP, 46 perkataan, out – 46 perkataan. Soalan kedua, Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman kepada Minister Domestic Trade mengenai Fair Price Shop – 70 perkataan, out. Soalan ketiga, Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang] mengenai local medication price – 68 perkataan, out. Soalan keempat, Dr. L. Krishnan [Telok Kemang] mengenai social welfare, handicap – 42 perkataan, out.

Soalan kelima, Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau] mengenai strategy program economic slow down – 51 perkataan, out. Soalan keenam, Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera], dia akan sokong nantilah, Minister of Land and Cooperative Development mengenai land exchange – 52 perkataan, out. Soalan ketujuh, Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang] preschool guideline, wah, dia pass, 27 perkataan, dia pass. Number eight, Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing], Minister of Health – cornea, kidney, heart transplant – 61 perkataan, out. Soalan kesembilan, Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat], Prime Minister – mosque, 42 perkataan, out. Soalan kesepuluh, Dato' Yap Pian Hon [Serdang], Minister of Energy, MSC – 44 perkataan, out.

Sepuluh soalan – 9 soalan out, what are we going to do? Bukankah Yang Berhormat dari Kota Melaka bersetuju dengan ini, the most ridiculous act dalam Parlimen, forty years will bring shame to Parliament. Try other days, check.

Tuan Lim Guan Eng: Memanglah, memang itu saya rasa mungkin semua Ahli Parlimen kena belajar ringkasan sekali lagi. Pada asalnya buat satu soalan,

lepas itu minta anak mereka buat ringkasan. Ini mungkin sebagai persediaan untuk peperiksaan SPM, tetapi macam mana kita boleh buat satu soalan yang bernas, kalau sekarang kita lihat semua soalan Ahli Parlimen akan ditolak kerana tidak memenuhi had 40 perkataan. Saya rasa ini termasuk juga semua Ahli Parlimen Barisan Nasional pun akan tolak. Saya rasa ini sesuatu yang menjatuhkan imej Parlimen dan Ahli-ahli Parlimen. Kalau kita perlu membilang, mengira setiap perkataan dan lepas itu kakitangan Parlimen pun diperlukan untuk mengira setiap perkataan, adakah kita sekarang sampai ke tahap begitu rendah sekali. Oleh sebab itu saya amat kesal bahawa dalam soalan seperti ini, selain daripada dihadkan ayat, juga dihadkan bilangan soalan yang kita boleh tanya.

Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah menjadi Backbenchers, mungkin tidak pernah, saya rasa sebagai seorang Backbenchers yang tahu peluang untuk mengambil bahagian amatlah terhad sekali dan kadangkala sebagai seorang Ahli Parlimen kita ada banyak perkara yang berkaitan dengan pemilih-pemilih kita. Yang tidak boleh diperolehi, bukan cakup 10 soalan yang dicadangkan tetapi 20 soalan pun tidak cukup dalam keadaan sedemikian, macam mana kita boleh memenuhi tanggungjawab kita kepada pemilih dan pengundi-pengundi kita.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat Timbalan Menteri dia lain sedikit, dia ada kuasa sebagai Timbalan Menteri, kita sebagai Ahli Parlimen biasa.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka, sama ada beliau sedar kalau kita lihat Aturan Urusan Mesyuarat hari Isnin 20 Julai, daripada lima soalan di muka depan ini empat soalan bawah daripada 40 perkataan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak tahulah, sama ada nama Ahli Parlimen yang bertanya soalan adakah dikira masuk? Tidak dikira masuk, tidak dijelaskan nama tidak dikira masuk, kawasan pun tidak dikira masuklah, kementerian pun tidak dikira masuk, special provision 40 [Ketawa]. Kalau kita terpaksa mengira satu persatu, saya rasa itu amat menggelikan hatilah. Sila.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Kota Melaka sama ada beliau sedar atau tidak bahawa salah seorang anggota pembangkang dari Kepong pertanyaannya tidak sampai pun 30 perkataan, 20 sahaja pada 20 Julai.

Tuan Lim Guan Eng: Itu yang saya nyatakan, saya pun ada soalan yang pendek kerana perkara ini kalau kita boleh padat, kita sendiri akan padatkannya tidak payah ditunjuk ajar oleh Peraturan Mesyuarat seperti ini. Tetapi kadangkala soalan tertentu tidak boleh dipadatkan dalam 40 perkataan sahaja. Saya rasa ini difahami oleh Yang Berhormat, tetapi mengapa kita mesti hadkan 40 perkataan? Itu yang saya tidak faham, saya rasa sebagai profesional, baik peguam, baik akauntan, baik mana-mana jurusan bidang profesional kadangkala kita tidak boleh hadkan kerana maksud, makna tidak akan sampai. Saya rasa pindaan seperti ini kalau diluluskan, saya pun tidak tahu macam manalah Parlimen akan menjalankan tugas dalam semua soalan bukan sahaja Ahli Parlimen kena kira tetapi kakitangan pun kena tambah kerja dan kena kira tiap-tiap satu perkataan. Adakah ini akan dijadikan standard kerana Parlimen sebagai satu contoh dan teladan kepada semua rakyat dan semua institusi pendidikan? Adakah ini pun akan dijadikan satu contoh kepada semua peperiksaan SPM, tidak boleh melebihi 40 perkataan? Adakah ini akan dijadikan satu contoh masa depan, tidak boleh melebihi 40 perkataan dan oleh itu saya rasa cadangan pihak kerajaan bukan sahaja tidak logik, tidak rasional tetapi pun tidak memenuhi amalan demokrasi. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh tunjukkan satu contoh di mana kita tiru peruntukan 40 perkataan daripada Parlimen mana? House of Commons - tiada, Parlimen mana kita tiru atau

adakah ini satu original recipe oleh Malaysia. Kalau ini original recipe oleh Malaysia saya rasa negara kita Malaysia akan menjadi bahan ketawa di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya harapkan bahawa bukan sahaja semua soalan yang diberikan, adalah dikesali bahawa menteri-menteri jarang datang untuk memenuhi tanggungjawab dan tugas mereka. Sungguhpun dalam Standing Order dinyatakan bahawa menteri-menteri tidak payah datang, boleh dipertanggungjawabkan kepada timbalan menteri tetapi saya tidak lihat pun menteri-menteri sering datang ke Parlimen. Pernah dinyatakan bahawa salah satu sebab mengapa mesyuarat Parlimen kita bersidang pada waktu petang ialah untuk membolehkan menteri-menteri menjalankan tugas diwaktu pagi supaya mereka boleh datang pada waktu petang. Tetapi sungguhpun begitu saya tidak lihat langsung menteri datang ke Parlimen, bukan seperti sistem di House of Commons yang saya ada peluang untuk melawat dua kali, pada hari Rabu Perdana Menteri Britain datang sendiri untuk jawab selama satu jam dan menteri-menteri selalu datang untuk menjawab sendiri tetapi di sini saya rasa Perdana Menteri datang lebih kerap daripada menteri ataupun Timbalan Perdana Menteri datang lebih kerap daripada menteri.

Di sini bukan saya harapkan bahawa Perdana Menteri boleh datang sekali seminggu tetapi kita harus cadangkan kalau boleh Perdana Menteri datang sekurang-kurangnya satu jam sekali seminggu, kalau tidak boleh diwakili oleh Timbalan Perdana Menteri sekurang-kurangnya salah seorang datang sekali seminggu untuk sejam. Tetapi yang paling menyedihkan ialah ada menteri yang datang lebih kurang daripada Perdana Menteri ataupun Timbalan Perdana Menteri. Yang Berhormat sendiri ada angka-angka yang menunjukkan kadar kehadiran menteri-menteri, baik Yang Berhormat Presiden MCA ataupun Presiden Gerakan yang dijunjung oleh konco-konconya. Macam mana kita boleh harapkan kita punya menteri-menteri

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, nampaknya kita kesuntukan masa minta padatkan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya akan padatkan tetapi lebih 40 perkataan. Macam mana kita boleh harapkan menteri-menteri, sepatutnya kita harus ada pindaan yang mewajibkan menteri-menteri datang sekali seminggu untuk menjawab soalan ataupun dua, tiga kali seminggu. Bukan seperti sekarang, kosong langsung, malas datang 'angkat gaji buta'. Itu yang tidak boleh dibenarkan dan ada keadaan di mana Yang Berhormat dari Labis, Presiden MCA datang ke Parlimen tidak sampai 10% setahun. Yang Berhormat dari Beruas, Presiden Gerakan datang pun 6%, kadar kehadiran 6% ini saya ada kira, ini saya sendiri kira 6% dan bila datang ke Parlimen, buat apa? Tidur di Parlimen. Kalau tidak tidur dia pula minta penjelasan dari kementerian lain, kementerian sendiri tidak mahu jawab soalan tetapi hendak minta penjelasan dari kementerian lain. Tidak tahu Standing Order di mana kalau hendak jawab, menteri jawab untuk kementeriannya, untuk kementerian lain kalau hendak tanya mesti letak jawatan tanya sebagai Ahli Parlimen yang biasa.

Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri lebih fasih daripada Yang Berhormat Menteri seperti ini. Adakah mereka ini layak? Itu sebab saya rasa pindaan yang substantif. Ini pindaan yang hendak mengehendkan peranan Ahli Parlimen, peranan yang ingin dimainkan oleh Ahli Parlimen bukan memperluaskan ruang peranan Ahli Parlimen sebagai institusi akauntabiliti dan demokrasi. Kalau kita hendak capai hasrat ini menteri-menteri mesti datang lebih kerap. Tetapi ini tidak berlaku, hari ini hanya seorang Timbalan Menteri dan mungkin ada dua tiga Timbalan Menteri di luar. Tetapi satu menteri pun tidak ada di sini untuk satu pindaan kepada Peraturan Mesyuarat yang begitu penting. Mengapa ini boleh berlaku. Dan saya amat kesal bahawa kalau kita cakap tentang demokrasi jangan sekadar melepaskan batuk di tangga. Kalau kita cakap pasal akauntabiliti, jangan tertinggal di bibir sahaja. Kalau kita hendak ketulusan, tunjukkan ketulusan. Kalau

kita hendak pemulihan kita mestikan ada ketiga-tiga unsur ini. Dan Parlimen kalau tidak boleh memelihara atau mendukung dan menegakkan ketiga-tiga perinsip ini saya rasa susah kita hendak yakinkan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak akhiri ucapan saya dan saya pun hendak mengambil kesempatan untuk ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana saya rasa ini mungkin kali yang terakhir saya berdepan dengan Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya. Nampaknya kita sangat kesuntukan masa, kita kena bagi masa yang lebih untuk Timbalan Menteri menjawab. Jadi kalau ada yang hendak berucap saya kena 'count time', boleh? 10 minit. Sila. Selepas itu Timbalan Menteri kena menjawab.

Tuan Lim Guan Eng: 15 minitlah, tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Saya rasa kita tidak ada masa Yang Berhormat. Bukit Bendera, 10 minit.

10.02 mlm.

Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya tidak berhasrat berucap dan mengambil bahagian dalam perbahasan ini kerana saya pun tidak sedia. Tetapi walaupun 'DAP' menjadi satu syarikat *Father & Son Sdn. Bhd.*, kalau saya tidak mengambil bahagian Parlimen ini pun menjadi *Father & Son Sdn. Bhd.* Jadi saya terpaksa mengambil bahagian.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita

Tuan Lim Guan Eng: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Hendak bagi jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Minta jalan.

Tuan Chia Kwang Chye: Tak payahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Kita tidak banyak masa Yang Berhormat.

Tuan Chia Kwang Chye: Ada had masa, kalau ada *injury time*, saya boleh bagi masa untuk penjelasan. Kalau ada *injury time*.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tidak ada *injury time*.

Tuan Lim Guan Eng: Tuduhan-tuduhan yang bohong ini tidak bagus. Jadi kalau bohong macam ini. Tuan Yang di-Pertua, jangan jadi pembohong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu beri jalan.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita dengar dari ucapan Ketua Pembangkang ialah menghinakan Ahli Parlimen termasuk Ahli Parlimen DAP tentang pengetahuan

Tuan Lim Guan Eng: Point of order. Saya rasa kuorum tidak cukup. Dia ini usik, dia ini cari pasal, kuorum tidak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bunyikan loceng.

[Loceng dibunyikan]

Seorang Ahli: Tidak ada modalkah DAP? Dia ingat kita macam DAP. Mahu lari balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila kira.

[Cukup kuorum 27 orang]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: 27 dengan Kota Melaka. Cukup kuorum sila teruskan. Sila teruskan kalau hendak berucap. Sila teruskan kita tidak banyak masa.

Tuan Chia Kwang Chye: Jadi apa yang kita dengar daripada ucapan Ketua Pembangkang ialah hina-hinakan pengetahuan Ahli Parlimen termasuk Ahli Parlimen DAP tentang pengetahuan komputer atau *computer literacy*. Jadi saya ingin menegaskan di sini bahawa *computer literacy* bukan sahaja berkenaan dengan

pengetahuan dalam Internet, bagaimana mendapat informasi daripada website dan homepage dan sebagainya. Seorang budak pun boleh dapat gambar-gambar lucu daripada Internet.

Ini pada hemat saya bukan satu *computer literacy*. Jadi memang tadi Ketua Pembangkang ada sentuh tentang reformasi Parlimen. Jadi kalau nak reform Parlimen dari segi Internet, dari segi information technology, bukan sahaja setiap Parlimen mesti ada *homepage* atau *e-mail* sebelum menjadi satu Parlimen yang berelektronik. Memang kita ada satu wawasan atau bayangkan di bawah satu Parlimen yang elektronik mungkin seorang ada komputer di depan. Kita boleh baca atau merujuk ucapan kita melalui *computer screen*, mungkin menteri-menteri boleh dapat maklumat atau nota-nota dari pegawai melalui komputer di belakang dan disampaikan ke *screen* di depan kita. Ataupun kita boleh menghantar nota-nota atau melalui Internet, boleh dapat rujukan daripada mana-mana tempat, tidak payah keluar dan kita mendapatkan informasi di depan kita jika kita ada komputer di depan kita. Itu pada pendapat saya Tuan Yang di-Pertua ialah bagaimana komputer dalam Parlimen boleh dipakai bukan sahaja *homepage*.

Tetapi yang banyak sekali ialah kalau sebelum kita bercakap tentang reformasi dalam Parlimen kita mesti sebelum itu reform DAP dulu. Memang kalau dalam reformasi DAP itu yang dikatakan DAP yang baru dan daripada ucapan Ketua Pembangkang, DAP baru itu adalah selepas pilihanraya 1995 di mana DAP telah kalah teruk. Kalau mengikut contoh dari Jepun di mana parti LDP kalah teruk dan ketuanya pun meletakkan jawatannya. Jadi dalam DAP sudah letak jawatan 3 kali tetapi balikkah, tiap-tiap kali pun balik. Tetapi yang besar sekali Tuan Yang di-Pertua

Seorang Ahli: Chia gulung.

Tuan Chia Kwang Chye:saya hendak menegaskan di sini bahawa kalau kita hendak reform Parlimen kita mesti tahu tentang computer literacy yang sebenarnya bukan Internet sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, minta maaf, saya telah beritahu tadi, kita tidak ada banyak masa, jadi nampaknya kita kena beri Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab, kerana jawapan dia panjang. Ya, sila Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Tadi Yang Berhormat dari Teluk Intan sudah keluar, mana boleh berucap lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Masih ada yang hendak berbahas?

Tuan M. Kulasegaran: Hanya tiga minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Macam mana Yang Berhormat?

Seorang Ahli: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Sila tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, jawapannya panjang atau tidak?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Silakan.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Boleh saya merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 86(3).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Sila, sila!

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, saya baca:

86(3) "Sesuatunya penyata atau penyata khas Jawatankuasa Pilihan bersama-sama dengan peringatan perjalanan mesyuarat dan peringatan apa-apa keterangan yang diambil di hadapan Jawatankuasa hendaklah dibawa ke dalam

mesyuarat oleh pengerusi atau ahli lain yang diwakilkan oleh Jawatankuasa itu dan hendaklah diperintahkan terbentang di meja majlis dan dicop dengan tidak dikemuka bagi diputuskan dalam mesyuarat-mesyuarat."

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes di hadapan kita hari ini tidak ada minit-minit. Kalau kita baca versi Inggeris, very-very clear explanation dan saya ingat ini adalah satu perkara yang irregular yang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minit yang berkaitan dengan apa Yang Berhormat? Adakah berkaitan dengan Usul?

Tuan M. Kulasegaran: Minit dengan apa yang dibentangkan di jawatankuasa, tidak ada dalam minit ini, tidak ada langsung. Ini diperlukan dari segi 86(3).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, bukankah kita akan beri nanti dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada kemungkinan perkara-perkara yang boleh dijawab Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan M. Kulasegaran: Ini point of order, boleh saya dapat satu ruling mengatakan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya hanya membuat satu ruling bahawa saya serahkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab kemudian. Kita tidak ada banyak masa untuk

Tuan Haji Noh bin Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, ada minit di muka surat 2.

Tuan M. Kulasegaran: Mana ada minit?

Tuan Haji Noh bin Omar: Apa ini tidak tahu bacakah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, saya ingin menyatakan sekali lagi

Tuan M. Kulasegaran: Apa yang dikatakan oleh Kepong, apa yang dikatakan oleh lain-lain perlu ada di sana. Itu minit, this is a meeting

Seorang Ahli: Tak tahu baca!

Tuan Haji Noh bin Omar: Ini minit siapa yang hadir.

Tuan M. Kulasegaran: Perlu dari segi Peraturan Mesyuarat 86(3). Kalau tidak, tidak ada makna.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, kita ada satu detail berkaitan dengan perkara Peraturan Mesyuarat ya. Yang Berhormat, saya telah memutuskan bahawa perkara itu akan dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawapan. Saya faham apa Yang Berhormat bangkitkan.

Tuan M. Kulasegaran: Jadi, tidak ada ruling.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Tentang Usul itu ada di dalam kertas yang dibentangkan di atas meja. Jadi, saya tidak mahu membuang masa, saya telah katakan bahawa masa tidak ada, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua memutuskan, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab sekarang.

Tuan M. Kulasegaran: [*Bangun*]

Seorang Ahli: Duduk, duduk!

Tuan Haji Noh bin Omar: Ini minit DAPkah, kalau minit DAP bolehlah panjang-panjang.

10.12 mlm.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk

mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Usul Peraturan Mesyuarat yang telah dibentangkan.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sama ada perlu laporan ini ditandatangani ataupun tidak, perkara ini tidak ada dinyatakan di dalam Peraturan Mesyuarat, cukuplah kalau penyata ini ditandatangani oleh ahli yang membentangkan laporan itu dan dalam penyata yang terbentang ini, penyata ini ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan yang pada hari ini tidak dapat berada dalam Dewan oleh kerana berada di Johor mengiringi lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Johor.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga menyatakan pindaan akan memendekkan mesyuarat tetapi tidak semestinya masa mesyuarat akan kurang, tetapi hari-hari mesyuarat mungkin dapat dikurangkan, tempoh panjang ataupun pendeknya sesuatu persidangan bergantung kepada berapa banyak urusan kerajaan yang perlu dihabiskan dan seandainya urusan-urusan kerajaan tidak dapat dihabiskan pada siang hari, kemungkinan mesyuarat juga boleh dipanjangkan kepada malam ataupun harinya ditambah.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, pada masa sekarang ini kebanyakan hari mesyuarat disambung sehingga ke malam misalnya malam ini dan kita sedar bahawa kalau sampai kepada penggal yang ketiga iaitu bulan Oktober hingga bulan Disember boleh dikatakan setiap hari Parlimen disambung sehingga hari malam.

Jadi, apabila Parlimen bersidang pagi dan petang, kalau misalnya dikehendaki Parlimen bersidang malam mungkin Tuan Yang di-Pertua boleh membuat keputusan supaya Parlimen disambung malam ataupun kalau tidak cukup hari kita boleh menambah hari.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga mengatakan bahawa pindaan Peraturan Mesyuarat ini dibentangkan dengan cara yang agak gopoh.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya nyatakan bahawa sesiapa sahaja Ahli Dewan Rakyat boleh membuat Usul untuk meminda Peraturan Mesyuarat Dewan

Rakyat pada bila-bila masa. Bagaimanapun menurut Peraturan Mesyuarat 78(2) Usul itu mesti disertakan dengan rang pindaan yang dicadangkan, selepas Usul dicadangkan dan disokong, Usul itu disifatkan telah diserahkan kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat tanpa perbincangan.

Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat akan bersidang dan membincangkan cadangan pindaan. Selepas itu jawatankuasa itu hendaklah mengemukakan penyata kepada Majlis dengan seberapa segera. Peraturan Mesyuarat 86(1) penyata itu hendaklah terletak atas meja Majlis dan dicetak tanpa dikemukakan untuk diputuskan. Selepas itu mana-mana Ahli boleh mencadangkan supaya penyata itu diterima dengan syarat notis sekurang-kurangnya dua hari sudah dikeluarkan.

Dalam hal ini, Usul telah dikemukakan pada 28 Julai 1998 dan jawatankuasa telah bermesyuarat pada 30 Julai dan penyata telah dibentangkan dengan seberapa segera iaitu pada 30 Julai juga. Usul penerimaan hanya dibuat hari ini iaitu 4 Ogos 1998. Semua pihak yang ada lebih daripada cukup masa untuk meneliti penyata yang telah dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga bertanya kenapa soalan dihadkan di dalam Peraturan Mesyuarat. Sebenarnya, soalan terpaksa dihadkan kerana ada di antara Ahli yang menghantar soalan dengan begitu panjang dan begitu sukar untuk diedit.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga bertanya sama ada kertas-kertas Dewan seperti Akta, Bill, Standing Order, Aturan Urusan Mesyuarat, *Hansard* boleh didapati di dalam homepage Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyatakan bahawa perkara ini sedang di dalam implementasi dan cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memang ada di dalam perancangan Jabatan Parlimen untuk dimasukkan di dalam laman web ataupun homepage Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bertanya berkenaan dengan penolakan Usul 18 yang boleh dibuat di dalam Kamar.

Sekiranya Usul itu memang benar berkehendak disegerakan, perkara tertentu dan berkepentingan orang ramai, sudah tentu ia akan dibenarkan dibaca di dalam Dewan. Masalahnya ialah ada di antara Usul yang dikemukakan tidak tepat dan hanya mengambil kesempatan untuk berucap.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga bertanya berkenaan dengan menghadkan soalan kepada 40 perkataan. Sebenarnya trend ini bukan baru, ia telah diamalkan di banyak negara Komanwel, seperti di England, Singapura dan beberapa buah negara Komanwel yang lain. Memang benar peraturan ini tidak ada di dalam Peraturan Mesyuarat negara-negara berkaitan. Had perlu dinyatakan supaya Ahli-ahli tidak lagi membuat soalan dengan panjang lebar tetapi terus kepada soalan yang tepat dan padat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga membangkitkan berkenaan dengan pengambilan kakitangan tambahan untuk Parlimen. Jabatan Parlimen sedang menguruskan pengambilan kakitangan tambahan. Jabatan Parlimen sedang berurusan dengan JPA untuk urusan selanjutnya dan kita yakin bahawa dengan adanya Parlimen pagi dan petang pada bulan Oktober nanti, maka Jabatan Parlimen juga perlu menguruskan supaya ianya dapat disesuaikan dengan keadaan pada masa itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka membangkitkan berkenaan dengan kemudahan dalam homepage. Sebagaimana saya sebutkan tadi pihak pentadbiran akan berusaha meningkatkan kemudahan yang sedia ada dan Parlimen juga akan meminta kerjasama daripada kementerian-kementerian supaya website Parlimen akan dapat dihubungkan dengan kementerian-kementerian dan seorang Pegawai Sistem Maklumat (N3) baru sahaja melaporkan diri pada 16 Julai yang lalu.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga membangkitkan berkenaan dengan pelapor-pelapor perbincangan iaitu gred gaji N8. JPA sedang mengambil tindakan untuk mengisi kekosongan sebanyak tujuh orang lagi sebelum bulan Oktober 1998. Dengan adanya jawatan baru ini bermakna jawatan sebelum sebelas, yang diisi baru empat dan kekosongan ada tujuh. Dan dengan pengambilan seramai

tujuh orang ini, bermakna kita akan ada jawatan dalam gred N8 ini seramai sebelas orang. Apabila semua jawatan ini diisi, kita berharap *Hansard* dapat disediakan dengan lebih cepat lagi. Semua pelapor-pelapor yang bekerja lebih masa boleh mendapat overtime dan bayaran overtime adalah mengikut gaji masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Parlimen juga akan menyediakan kemudahan pengangkutan pejabat untuk mereka ini pulang ke rumah mereka di waktu malam bagi yang menaiki bas dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, dari jawapan yang telah pun saya kemukakan, nampaklah kepada kita bahawa Jabatan Parlimen memang bersedia untuk memberikan kepuasan bukan sahaja kepada Ahli-ahli Parlimen tetapi juga akan menjaga kepentingan mereka yang bertugas di Parlimen supaya dengan adanya kepuasan hati pekerja-pekerja Parlimen, maka urusan Parlimen akan dapat dilaksanakan dengan lebih licin lagi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kesuntukan masa, saya mengucapkan sekali lagi ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan dengan Usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada apa Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Point of order yang saya telah ambil sebelum ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya telah katakan tadi bahawa bagi penilaian saya tidak ada apa-apa defektif yang berlaku di dalam prosedur. Oleh yang demikian, saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat duduk dan menerima keputusan dan ruling saya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri:

"Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 86(5) supaya perintah berikut penyata khas Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat menurut Peraturan Mesyuarat 86(3) untuk dibentangkan di atas meja mesyuarat yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Dewan Bil. DR5/98 hendaklah diterima."

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan,

"Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 86(5) supaya perintah berikut penyata khas Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat menurut Peraturan Mesyuarat 86(3) untuk dibentangkan di atas meja mesyuarat yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Dewan Bil. DR5/98 hendaklah diterima."

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Nampaknya kita telah sampai ke akhiran persidangan pada hari ini, sebelum saya tangguhkan Dewan ini bagi pihak Tuan Yang di-Pertua dan rakan sejawat saya, Ahli Yang Berhormat dari Ampang Jaya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan kerjasama yang begitu baik di dalam sesi ini. Mudah-mudahan kita akan bertemu lagi di sesi yang akan datang, insya-Allah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 10.25 malam.

